

"SESUNGGUHNYA syaitan itu mahu menimbulkan permusuhan dan kebencian antara kamu dengan sebab (meminum) arak dan (bermain) judi dan menghalangi kamu daripada mengingati Allah dan mengerjakan sembahyang, maka tidakkah kamu mahu berhenti (daripada melakukan perbuatan keji itu)?"
 Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam terjemahan makna ayat Surah Al-Maidah, ayat 91.

BERKENAN HANTAR TITAH PERUTUSAN TAHNIAH



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Presiden Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Ferdinand Romualdez Marcos Jr. dan kepada Presiden Persekutuan Rusia, Tuan Yang Terutama Vladimir Putin.

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 12 Jun. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar

titah perutusan tahniah kepada Presiden Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Ferdinand Romualdez Marcos Jr., kerajaan dan rakyat Republik Filipina sempena dengan Ulang Tahun Hari Kemerdekaan Republik Filipina yang Ke-128.

Sementara itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan

Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Presiden Persekutuan Rusia, Tuan Yang Terutama Vladimir Putin, kerajaan dan rakyat Persekutuan Rusia bersempena dengan Russia Day.

IKUTI KAMI DI MEDIA SOSIAL & LAMAN SESAWANG
PELITA BRUNEI
 Pelita Brunei | www.pelita-brunei.gov.bn

Berita Utama



PEMENANG STACK 2026
 terima penghargaan

Muka 7



KUPU SB, Universitas PGRI Adi Buana Surabaya meterai kerjasama

Muka 9



PUPUK kesedaran, kefahaman mengenai isu kesihatan mental

Muka 17



DERMA darah semai budaya prihatin, selari tuntutan syariat, raih ganjaran di akhirat

Muka 27

Kerjasama dua hala diperkukuhkan untuk manfaat bersama

Oleh : Haniza Abdul Latif

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 10 Jun. - Kedutaan Amerika Syarikat (AS) di Negara Brunei Darussalam (NBD) telah meraikan hari kebangsaan dengan tema 'America 250' bagi memperingati 250 tahun kemerdekaan AS.

Majlis sambutan tersebut diadakan di Kedutaan AS di Bandar Seri Begawan, menghimpunkan ahli-ahli komuniti diplomatik, pegawai kerajaan, pemimpin perniagaan serta sahabat-sahabat AS untuk meraikan detik bersejarah ini.

>> Muka 5

Mendukung pemuliharaan hutan bakau

BRUNEI MYCE 2026

SERASA, Khamis, 11 Jun. - Projek Karbon AKAR petang tadi dilancarkan secara rasmi di kawasan Pasar Ikan Serasa, menandakan permulaan program pemuliharaan hutan bakau selama 10 tahun yang menghubungkan tindakan iklim, mata pencarian komuniti, teknologi dan masa depan ekonomi biru Brunei.

Dianjurkan oleh Poni Foundation dengan sokongan Poni Group dan ASTARI,

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin

pelancaran tersebut sebagai sebahagian daripada Minggu Lautan Brunei 2026 (Ocean Week Brunei 2026), yang diadakan bersempena Persidangan dan Pameran Pertengahan Tahun Brunei (MYCE) 2026.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan ialah Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Ekonomi dan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin.

>> Muka 4

Simposium perkukuh pembangunan lestari berteraskan nilai Islam

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 10 Jun. - Dunia hari ini bukan sahaja memerlukan pembangunan yang pesat, tetapi pembangunan yang berprinsip, beridentiti dan membawa manfaat berpanjangan. Dalam Islam, konsep barakah menuntut

agar setiap pembangunan dilaksanakan dengan niat yang baik, pengurusan yang amanah dan hasil yang memberi kesejahteraan kepada manusia serta alam sekitar.

>> Muka 6



TIMBALAN Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid semasa berucap pada Forum Ekonomi Mampan Brunei 2026 pada Selasa, 5 Mei 2026 yang berlangsung di Cesar Grand Hall, Mulia Hotel, Anggerek Desa.

Terjemahan dari teks asal dalam bahasa Inggeris oleh :
Awang Haji Mirazman Haji Othman

Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan
Selamat Pagi

PERTAMA sekali, izinkan saya merakamkan penghargaan yang ikhlas kepada Majlis Penasihat Perniagaan ASEAN dan Majlis Penasihat Perniagaan APEC Brunei Darussalam kerana telah

Sektor awam dan swasta digesa perkukuh kerjasama demi kelestarian ekonomi

menganjurkan dan mengadakan forum penting ini bersama-sama dan kerana telah menyatukan pembuat dasar, pemimpin industri, institusi kewangan dan inovator digital di bawah satu bumbung, untuk terlibat dalam salah satu keutamaan yang paling mendesak pada zaman kita, iaitu memajukan pertumbuhan hijau dan mampan.

Tema forum hari ini, 'Membuka Kunci Pertumbuhan Hijau, Industri, Kewangan dan Inovasi Digital', sangat relevan dengan hala tuju ekonomi Negara Brunei Darussalam (NBD) dan juga merupakan platform penting untuk bertukar idea dan mengenal pasti strategi bagi menangani cabaran kita sambil merebut peluang baharu.

Apabila Kementerian Kewangan dan Ekonomi melancarkan Pelan Tindakan Ekonomi untuk NBD pada tahun 2021, ia telah menetapkan laluan yang jelas untuk pembangunan jangka panjang negara. Dua aspirasi, khususnya, masih sangat relevan dengan perbincangan hari ini.

Pertama, aspirasi untuk membina Perniagaan yang Produktif dan Berdaya Maju. Ini memerlukan kita untuk mempergiatkan usaha dalam menarik pelaburan yang berkualiti, membangunkan aktiviti ekonomi baharu dan memperkukuh Perkongsian Awam-Swasta (PPP) untuk memacu kecekapan, keupayaan dan pertumbuhan.

Kedua, aspirasi Alam Sekitar yang Lestari. Dalam usaha kita mencapai pengembangan ekonomi, kita mesti melakukannya secara bertanggungjawab dengan menguruskan jejak karbon kita dan memajukan pelaburan dalam inisiatif yang lebih hijau dan mampan.

Secara keseluruhannya, aspirasi ini

menunjukkan hala tuju yang jelas, pertumbuhan masa depan NBD mestilah dinamik dari segi ekonomi dan mampan dari segi alam sekitar. Mencapai matlamat ini bergantung pada sejauh mana keberkesanan kita menyatukan industri, kewangan dan inovasi melalui perkongsian yang kukuh dan bermatlamat.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kekal teguh dalam komitmennya untuk memajukan dasar dan inisiatif yang menyokong kepelbagaian dan kelestarian ekonomi merentasi semua sektor ekonomi.

Komitmen ini tercermin dalam beberapa projek kebangsaan berimpak tinggi yang dijalankan oleh beberapa Syarikat Berkaitan Kerajaan. Tahun lepas, kerajaan, melalui Khazanah 1, telah bekerjasama dengan syarikat tempatan dan antarabangsa untuk membangunkan loji tenaga solar 30 megawatt di bekas tapak pelupusan sampah di Kampung Belimbing. Projek ini telah mencapai lebih 40 peratus penyiapan dan sebaik sahaja beroperasi pada suku keempat tahun ini, dijangka menjana lebih 64,000 megawatt-jam elektrik bersih setiap tahun.

Pada masa yang sama, Hengyi Industries Sdn. Bhd. terus memajukan agenda kemampanannya melalui Projek Sinar. Ini merupakan inisiatif utama yang mengintegrasikan tenaga boleh diperbaharui ke dalam salah satu tapak perindustrian utama Brunei di Pulau Muara Besar. Ia dijangka menghasilkan sehingga 48 megawatt-peak tenaga bersih dengan potensi untuk berkembang kepada hampir 476 megawatt-peak.

Perkembangan ini mencerminkan

momentum yang semakin meningkat dalam peralihan kita ke arah campuran tenaga yang lebih rendah karbon dan lebih dioptimumkan. Walau bagaimanapun, ia juga menonjolkan realiti penting. Mencapai sasaran negara kita iaitu 30 peratus tenaga boleh diperbaharui menjelang 2035 bukan sahaja memerlukan usaha berterusan tetapi juga pemecutan yang ketara dalam skala dan pelaksanaan.

Dalam konteks ini, perlu diakui dengan jelas bahawa kerajaan tidak boleh memacu peralihan ini secara bersendirian. Pertumbuhan hijau memerlukan keupayaan maju, akses kepada teknologi, pasaran dan modal. Ini adalah bidang di mana sektor swasta dan pemain antarabangsa boleh memainkan peranan penting. Tanpa penajajaran yang lebih kukuh antara sektor awam dan swasta, kemajuan akan kekal secara bertahap dan bukannya transformasi.

Oleh itu, kita mesti melangkaui tanggapan kerjasama ke arah PPP yang lebih berstruktur dan didorong oleh hasil. PPP boleh menjadi mekanisme strategik untuk mempercepatkan pemindahan teknologi dan kepakaran, menghubungkan industri dengan rantaian nilai serantau dan global dan menggerakkan modal melalui pelaburan bersama dan perkongsian risiko. Apabila ini direka bentuk dan dilaksanakan dengan berkesan, PPP membolehkan kita melangkaui projek terpencil dan menyampaikan inisiatif pada skala yang diperlukan untuk memenuhi sasaran negara kita.

>> Muka 5

WAKTU SEMBAHYANG										
JUN MASIHI	HARI	ZULHIJAH HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
13	SABTU	26	4.33	4.43	6.08	6.32	12.21	3.47	6.32	7.48
14	AHAD	27	4.34	4.44	6.08	6.33	12.22	3.47	6.33	7.48
15	ISNIN	28	4.34	4.44	6.09	6.33	12.22	3.48	6.33	7.49
16	SELASA	29	4.34	4.44	6.09	6.33	12.22	3.48	6.33	7.49
17	RABU	1 MUHARAM	4.34	4.44	6.09	6.33	12.22	3.48	6.33	7.49
18	KHAMIS	2	4.34	4.44	6.09	6.33	12.22	3.48	6.33	7.49
19	JUMAAT	3	4.34	4.44	6.09	6.34	12.23	3.49	6.34	7.50

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI										
SABTU			AHAD			ISNIN				
Bandar Seri Begawan										
31	24		32	24		33	25			
°C	°C		°C	°C		°C	°C			
Pekan Bangar										
30	24		31	24		31	24			
°C	°C		°C	°C		°C	°C			
Pekan Tutong										
31	24		31	24		32	25			
°C	°C		°C	°C		°C	°C			
Kuala Belait										
31	24		30	24		31	24			
°C	°C		°C	°C		°C	°C			

Wallahuallah Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

www.mef.gov.bn

SIDANG PENGARANG

13 JUN 2026

Menghayati makna hijrah : Peralihan membina kesejahteraan

TIDAK lama lagi umat Islam akan menyambut Awal Tahun Hijrah bagi Tahun 1448 Hijrah. Tarikh ini adalah sangat penting, bukan sahaja kerana ia menandakan tahun baharu bagi orang-orang Islam, ia mengingatkan kita tentang peristiwa agung hijrah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dari Mekah ke Madinah. Namun, makna hijrah sering dihadkan sebagai sekadar perpindahan secara fizikal. Hakikatnya, penghayatan terhadap hijrah memerlukan kita untuk memahami transformasi secara menyeluruh, daripada keadaan tidak baik kepada yang lebih baik, daripada kejahilan kepada ilmu dan daripada keegoan kepada pengorbanan.

Di peringkat individu, menghayati makna hijrah bermakna melakukan muhasabah diri dan bertanya kepada diri sendiri, adakah kita masih mengulangi dosa dan maksiat? Adakah kita terus terjerat dalam hutang riba, ghibah atau sikap sombong? Hijrah mengajak kita memperbaharui niat dan amalan secara berterusan. Tidak cukup sekadar menjadi baik pada satu musim, tetapi perlu istiqamah sepanjang tahun.

Hijrah bukanlah sekadar perpindahan fizikal tetapi ia menuntut pengorbanan yang tulus untuk melaksanakan segala perintah Allah Subhanahu Wata'ala. Ini kerana hakikat hijrah itu sendiri adalah satu proses perubahan yang pasti memerlukan pengorbanan. Sesungguhnya, tiada perubahan ke arah yang lebih baik dan cemerlang yang mampu dicapai tanpa adanya pengorbanan yang ikhlas. Setiap langkah menuju kebaikan pasti diiringi dengan cabaran dan keperluan untuk melepaskan sesuatu yang diingini tetapi mungkin tidak baik untuk diri kita demi mencapai reda Ilahi.

Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Ar-Ra'd, ayat 11 : Tafsirnya : "...Sesungguhnya Allah tidak mengubah (keadaan) apa yang ada pada suatu kaum sehinggalah mereka mengubah (keadaan) apa yang ada pada diri merekasinggih. Dan apabila Allah menghendaki (untuk menimpa-kan) kezuhudan (azab) kepada suatu kaum maka tidak ada yang dapat menolaknya. Dan mereka tidak memperoleh pelindung selain daripada-Nya".

Kesimpulannya, hijrah adalah konsep dinamik yang relevan untuk semua zaman. Ia bukan sekadar liputan sejarah, tetapi cetusan semangat untuk berubah ke arah kebaikan, membina perpaduan, dan memperkukuh ketakwaan. Marilah kita jadikan setiap langkah kehidupan sebagai hijrah yang diredai Allah. Dengan menghayati makna hijrah, kita bukan sahaja mengingati perjuangan Rasulullah tetapi juga meneruskan legasi kemenangan akhlak dan peradaban. Sebagaimana Nabi bersabda : "Orang yang berhijrah ialah mereka yang meninggalkan apa yang dilarang oleh Allah". Justeru, mulakan hijrah dari saat ini, perbaiki hati, lisan dan tindakan. Semoga Allah merahmati usaha kita semua. - **Ketua Penyuntingan (Nr)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelita-brunei.gov.bn

دربیتکن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتری دان دجیتق اوله قرینت قلس سندیرین برحد، نگاربرونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

BERKENAN BERANGKAT SERTA PROGRAM BIG BLUE HOPE



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan berangkat menyertai Program Big Blue Hope (atas dan bawah kiri). Manakala gambar atas kiri, Yang Teramat Mulia juga berkenan menyertai penanaman karang.

BRUNEI 2026
MID-YEAR CONFERENCE AND EXHIBITION
MYCE 2026

SERASA, Rabu, 10 Jun. - Big Blue Hope merupakan satu program tindakan pemuliharaan marin utama di bawah Program Ocean Week Brunei 2026 di mana sebanyak 333 karang ditanam di Pelong Rocks.

Program ini dianjurkan oleh Poni Group melalui ekosistem kelestarian, pemuliharaan dan inovasinya, termasuk Ocean Week Brunei, Poni Divers dan Poni Foundation bertempat di Jeti Perikanan, Jabatan Perikanan, Serasa.

Program tersebut menghimpunkan penyelam skuba, penyelam snorkel, agensi kerajaan, syarikat, penyelidik, golongan belia, sukarelawan serta anggota komuniti lautan yang lebih luas dalam usaha pemulihan terumbu secara langsung yang memberi tumpuan kepada penanaman karang, pemulihan terumbu dan peningkatan kesedaran mengenai pemuliharaan marin.

Berkenan berangkat menyertai penanaman karang tersebut ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh

Ab. Rahaman sekali gus menunjukkan sokongan padu terhadap pemuliharaan marin dan tindakan praktikal bagi pemeliharaan lautan di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Penyertaan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah turut membantu meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan melindungi terumbu karang NBD demi manfaat generasi akan datang. Aktiviti penanaman karang membolehkan pasukan penyelam dan pasukan marin menjalankan kerja-kerja pemulihan terumbu dengan selamat dan berkesan di Pelong Rocks.

Ahli Lembaga Pengarah Hibiscus EP (Brunei) B.V., Dato' Dr. Zaha Rina binti Zahari juga turut menyertai program tersebut sebagai peserta snorkel dengan mencerminkan sokongan yang semakin meningkat daripada pemimpin korporat dan wakil industri terhadap usaha pemuliharaan yang berasaskan tindakan.

Turut serta, wakil-wakil dari Universiti Brunei Darussalam (UBD), Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), Pasukan Polis Diraja Brunei, Hibiscus EP (Brunei) B.V., Takaful Brunei, Hibiscus Petroleum Berhad, Jabatan Perdana Menteri, Pejabat Wawasan Brunei di bawah Jabatan

Perdana Menteri, Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei serta Jabatan Perikanan.

Terdahulu dalam ucapan pembukaannya, Pengerusi Poni Foundation dan Ketua Pegawai Eksekutif Poni Group, Awang Mohd. Tahsin Wong Abdullah berkata, Ocean Week Brunei 2026 membawa mesej penting bahawa lautan NBD bukan sahaja sesuatu yang perlu dilindungi, malah merupakan sumber peluang pekerjaan, pembangunan komuniti dan pertumbuhan ekonomi masa depan.

Beliau juga menekankan bahawa usaha pemuliharaan perlu melangkaui sekadar meningkatkan kesedaran dengan mewujudkan sistem, kemahiran, data, nilai jangka panjang serta peluang praktikal yang memberi manfaat kepada masyarakat.

Beliau turut menjelaskan bahawa usaha penanaman karang pada tahun ini mula mengintegrasikan penggunaan Kecerdasan Buatan (AI) dan teknologi video melalui StreamOcean, Ujian eDNA (DNA persekitaran), klip karang baharu serta Reef Cloud bagi meningkatkan keupayaan mengukur biodiversiti dan tahap pemulihan terumbu dengan lebih tepat.

Beliau menyatakan bahawa pengukuran yang sistematik dan tepat akan menjadi faktor penting dalam menyokong pembangunan kredit berasaskan alam semula jadi dan menarik peluang pembiayaan antarabangsa serta memperluaskan skala usaha pemulihan terumbu.

Big Blue Hope diadakan sebagai sebahagian daripada Program Ocean Week Brunei yang lebih luas, bersempena dengan Persidangan dan Pameran Pertengahan Tahun Brunei (Brunei Mid-Year Conference and Exhibition - MYCE) serta Hari Lautan Sedunia (World Ocean Day).

Sementara MYCE berperanan sebagai platform kebangsaan untuk perkongsian ilmu, jaringan kerjasama, pelaburan, inovasi

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Muhammad Asri Awang Haji Abas, Ihsan Poni Divers

dan pertumbuhan ekonomi, Ocean Week Brunei membawa momentum tersebut secara langsung ke lautan melalui aktiviti pemuliharaan, penglibatan awam, pendidikan serta tindakan lapangan yang praktikal.

Pada tahun ini, Big Blue Hope diketengahkan sebagai acara penanaman karang terbesar dalam Ocean Week Brunei 2026. Program ini meneruskan kejayaan Edisi 2025 yang menyaksikan sebanyak 310 karang ditanam di Pelong Rocks, sekali gus mengatasi rekod terdahulu sebanyak 210 karang yang dicatatkan dalam edisi sebelumnya.

Program pada tahun 2025 turut mendapat perhatian meluas di peringkat kebangsaan menerusi penyertaan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri dan anakanda Yang Teramat Mulia, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah binti Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, yang turut berkenan menyertai aktiviti penanaman karang di bawah air.

Kerja-kerja pemulihan terumbu dilaksanakan menggunakan struktur terumbu tiruan seperti *reef ball* serta kaedah penanaman karang yang direka untuk menyokong pertumbuhan karang, pemulihan sumber perikanan dan pemulihan biodiversiti secara berperingkat.

Fragmen karang telah disediakan dan dipasang pada struktur terumbu bagi menggalakkan pemulihan ekologi, mewujudkan habitat bagi hidupan marin serta menyumbang kepada pembentukan sistem terumbu yang lebih sihat. Acara ini juga sejajar dengan hala tuju projek perintis Ekonomi Biru (Blue Economy) yang diperkenalkan melalui Ocean Week Brunei 2026.

Antaranya ialah Projek Carbon

AKAR, yang membantu syarikat mengukur pelepasan karbon, menanam bakau serta mewujudkan peluang pekerjaan untuk komuniti; Projek Warisan Oyster, yang menggunakan tiram untuk membantu membersihkan saluran air, menyokong komuniti Kampong Ayer serta meneroka peluang karbon biru dan TRACKS Brunei, yang memberi tumpuan kepada pemuliharaan penyu, penggunaan teknologi, pusat penetasan serta program pemantauan masa hadapan bagi hidupan marin seperti Dugong dan Jerung Paus.

Big Blue Hope mencerminkan model persidangan dan tindakan yang diterapkan oleh Ocean Week Brunei, di mana isu-isu berkaitan lautan dibincangkan melalui forum, pameran dan program awam, manakala aktiviti lapangan memberi peluang kepada peserta untuk menyumbang secara langsung di laut.

Inisiatif ini menunjukkan bagaimana usaha pemuliharaan boleh menyokong keutamaan pembangunan negara yang lebih luas, termasuk pelancongan marin, pembangunan belia, perikanan mampan, kerjasama ESG (Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus) serta pertumbuhan ekonomi biru.

Ketika NBD terus meneroka peluang dalam bidang kelestarian marin dan ekonomi biru, Big Blue Hope menjadi contoh praktikal bagaimana usaha melindungi lautan boleh dikaitkan dengan pembangunan negara pada masa hadapan. Terumbu karang yang sihat menyokong biodiversiti, sektor perikanan, pelancongan, pendidikan, penyelidikan serta memupuk rasa bangga dalam kalangan masyarakat.

Melindungi terumbu karang bukan sahaja mengenai pemeliharaan hidupan marin, malah juga tentang melindungi sistem semula jadi yang menyokong kesejahteraan manusia dan peluang untuk generasi akan datang.



YANG DI-PERTUA MMN TERIMA KUNJUNGAN HORMAT

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat



YANG Berhormat Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara menerima kunjungan hormat secara berasingan daripada Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi Republik India ke Negara Brunei Darussalam; Tuan Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Persekutuan Jerman ke Negara Brunei Darussalam dan Tuan Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Sosialis Viet Nam ke Negara Brunei Darussalam (atas, atas kanan dan kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 10 Jun. - Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib hari ini telah menerima kunjungan hormat secara berasingan daripada Pesuruhjaya Tinggi Republik India ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Ramu Abbagani; Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Persekutuan Jerman ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Weert Börner; dan Duta Besar

Istimewa dan Mutlak Republik Sosialis Viet Nam ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Tran Anh Vu.

Majlis diadakan di Bangunan Dewan Majlis, pagi tadi.

Kunjungan hormat bersama Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi Republik India antara lain menumpukan kepada usaha untuk mempertingkatkan hubungan kerjasama bagi menyokong pencapaian Wawasan Brunei 2035 melalui peningkatan aktiviti perniagaan, pelaburan dan pengintegrasian teknologi khususnya dalam sektor minyak



dan gas.

Kedua-dua pihak turut menyentuh mengenai pengukuhan hubungan antara badan legislatif kedua negeri serta menekankan

kepentingan hubungan yang erat dan sudah terjalin lama antara kedua-dua buah negara.

Sementara itu, semasa kunjungan hormat bersama Tuan

Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Persekutuan Jerman ke Negara Brunei Darussalam, perbincangan turut menyentuh mengenai pengukuhan kerjasama dua hala dalam pelbagai sektor strategik antaranya teknologi dan pendidikan.

Kedua-dua pihak turut bertukar-tukar pandangan mengenai perkara yang berkepentingan di peringkat serantau dan global, di samping menyatakan komitmen untuk terus memperkukuhkan hubungan kerjasama antara MMN dan German Bundestag.

Seterusnya, semasa kunjungan hormat bersama Tuan Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Sosialis Viet Nam ke Negara Brunei Darussalam, kedua-dua pihak menzahirkan penghargaan atas pencapaian yang telah terhasil sejak tertubuhnya hubungan diplomatik sejak tahun 1992.

Perbincangan memfokuskan kepada kerjasama erat antara MMN dan Dewan Negara Republik Sosialis Viet Nam termasuk mengimbas kembali lawatan rasmi Naib Pengerusi Dewan Negara Republik Sosialis Viet Nam pada tahun 2024.

Hadir bersama semasa kunjungan-kunjungan hormat tersebut ialah Jurutulis Majlis Mesyuarat Di-Raja, Setiausaha Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet dan Jurutulis MMN, Datin Paduka Dr. Dayang Hajah Huraeni binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Awang Haji Huraifah.

Mendukung pemuliharaan hutan bakau



YANG Berhormat Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Ekonomi dan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri hadir selaku tetamu kehormat pada perasmian Projek Karbon AKAR.

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin

Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

>> Muka 1

Sebanyak 40 pokok bakau telah ditanam semasa pelancaran tersebut, dengan lebih 60 peserta mengambil bahagian.

Acara tersebut menghimpunkan agensi kerajaan, rakan industri, rakan teknologi, ahli komuniti, belia, sukarelawan dan pihak berkepentingan pemuliharaan bagi menyokong projek pemuliharaan hutan bakau pertama yang dipimpin oleh komuniti di Brunei.

Projek Karbon AKAR direka untuk membantu syarikat mengukur pelepasan gas rumah hijau mereka dan mengambil tindakan iklim dengan menyokong pemuliharaan hutan bakau.

Projek ini juga bertujuan untuk mewujudkan pendapatan komuniti dengan melatih penduduk kampung

tempatan untuk membiak, menanam dan memantau hutan bakau, dengan sebahagian hasil projek disalurkan kepada komuniti.

Tahun pertama program 10 tahun ini menyasarkan untuk menanam sehingga 700 batang pokok bakau.

Dalam ucapannya, Pengerusi Poni Foundation dan Ketua Pegawai Eksekutif Poni Group, Awang Mohd. Tahsin Wong Abdullah, berkata bahawa idea untuk Karbon AKAR bermula bertahun-tahun lalu daripada pengalamannya membawa pelancong melalui hutan bakau Brunei di sekitar Kampong Ayer.

Beliau berkata projek tersebut dibangunkan untuk menjadikan karbon biru, ESG dan kelestarian lebih praktikal dengan mewujudkan model yang dapat membiayai pemuliharaan, menyokong

pekerjaan komuniti dan membantu syarikat mengambil tindakan iklim yang boleh disahkan.

Beliau menambah bahawa Karbon AKAR bermula daripada pendekatan praktikal: menanam hutan bakau, mewujudkan pekerjaan komuniti dan memulakan dengan pengukuran pelepasan yang mudah.

Serasa dipilih dengan sokongan daripada Jabatan Perikanan sebagai tapak demonstrasi praktikal, dengan rancangan masa depan untuk menghubungkan pemuliharaan hutan bakau dengan tiram yang secara semula jadi dapat membantu meningkatkan kualiti air.

Projek ini disokong oleh Rakan Utama, Brunei Gas Carriers (BGC). Dalam ucapan alu-aluannya, Pemangku Pengarah Urusan BGC, Koh Hui Ling berkata bahawa penglibatan BGC mencerminkan komitmennya terhadap penjagaan alam sekitar sebagai pemilik kapal dan pengendali kapal pengangkut LNG.

Beliau berkata projek ini selaras dengan keutamaan ESG BGC, terutamanya tindakan iklim, perlindungan biodiversiti dan penglibatan komuniti, sambil mengiktiraf hutan bakau sebagai pertahanan pantai semula jadi dan penyerap karbon yang berkuasa.

Rakan Teknologi, Jejakin, turut menekankan kepentingan pengukuran jangka panjang dan ketelusan.

Ketua Pegawai Pertumbuhan dan Pengasas Bersama, Jejakin, Awang Sudono Salim, berkata bahawa Karbon AKAR adalah projek pertama yang dihidupkan oleh Jejakin di luar Republik Indonesia.

Jejakin telah menanam hampir dua juta pokok melalui platform mereka, ujarnya.

Beliau berkata teknologi akan membantu memastikan projek itu bergerak melangkaui penanaman seremonial dengan mengubah pemuliharaan menjadi data yang dipercayai melalui imej satelit, data lapangan bertanda geo dan Kecerdasan Buatan untuk memantau kadar hidup, pertumbuhan dan penyerapan karbon hutan bakau dari semasa ke semasa.

Projek ini juga akan meneroka bagaimana hutan bakau dan tiram boleh bekerjasama untuk meningkatkan kualiti air berhampiran kawasan akuakultur, menyokong ekosistem marin yang lebih sihat dan mewujudkan peluang masa depan untuk akuakultur mampan.

Dari masa ke masa, Karbon AKAR bertujuan untuk menyokong pembangunan Brunei dalam penyelesaian iklim berasaskan alam, rangka kerja karbon biru, pelancongan mampan dan laluan masa depan untuk eksport karbon rendah seperti metanol, LNG, produk hiran minyak dan gas dan juga penerbangan.

Awang Mohd. Tahsin juga mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan projek kerana menjayakan pelancaran tersebut, termasuk Rakan Utama, Brunei Gas Carriers; Rakan Perintis, Armada Properties, Brunei Methanol Company, Panaga Natural History Society dan Panaga Club; Rakan Tapak, Jets Sendirian Berhad dan Helif Aquaculture; Rakan Teknologi, Jejakin; dan Rakan Pengetahuan, Sabah Wetlands Conservation Society.

Beliau juga menyampaikan penghargaan kepada Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri, Jabatan Perhutanan,

BRUNEI
MID-YEAR CONFERENCE AND EXHIBITION
MYCE 2026

Jabatan Perikanan, komuniti Serasa dan Muara serta agensi kerajaan yang menyokong.

Projek Karbon AKAR diletakkan sebagai salah satu daripada tiga perintis ekonomi biru yang dilancarkan di bawah Minggu Lautan Brunei, menunjukkan bagaimana pemuliharaan juga dapat menyokong pekerjaan, penggunaan teknologi, penyertaan industri dan nilai nasional jangka panjang.

Melalui kerjasama yang berterusan, projek ini bertujuan untuk membina rangkaian syarikat, komuniti, penyelidik dan sukarelawan yang semakin berkembang yang bekerja bersama untuk melindungi ekosistem pantai Brunei sambil mewujudkan laluan praktikal untuk tindakan iklim dan mata pencarian komuniti.

Orang ramai, sekolah, kumpulan belia, penyelidik, rakan industri dan organisasi yang berminat dengan kelestarian lautan digalakkan untuk menyokong Karbon AKAR dengan menjadi sukarelawan, bekerjasama atau menghubungkan untuk meneroka cara untuk menyumbang.

Projek ini terus mencari rakan kongsi dan penaja untuk meningkatkan skala kerja pemuliharaan mereka dan juga akan membuka peluang kepada individu dalam kalangan orang ramai untuk turut menyumbang kepada tindakan iklim seperti penanaman hutan bakau melalui aplikasi digital pendanaan ramai (*crowdfunding*).

KERJASAMA DUA HALA DIPERKUKUKKAN UNTUK MANFAAT BERSAMA

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Muhammad Asri Awang Haji Abas



YANG Berhormat Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II hadir selaku tetamu kehormat majlis.

>> Muka 1

Tetamu kehormat pada malam tersebut ialah Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara, Menteri

di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd.

Yusuf, berserta isteri, Datin Hajah Kalshom binti Haji Suhaili, yang turut menyertai Duta Besar AS ke NBD, Puan Yang Terutama Caryn R. McClelland, serta para jemputan

kenamaan lain dalam meraikan persahabatan yang berkekalan antara kedua buah negara.

'America 250' merupakan peluang untuk mengimbas kembali nilai-nilai murni yang telah membentuk AS selama dua setengah abad, iaitu kecemerlangan, inovasi dan usaha mewujudkan peluang untuk semua.

Acara tersebut turut menetengahkan hubungan dua hala yang kukuh antara AS dan NBD yang dibina berasaskan kepentingan bersama dalam aspek keselamatan serantau, kemakmuran ekonomi dan hubungan sesama rakyat.

Dalam ucapannya, Puan Yang Terutama Duta Besar AS ke NBD mengumumkan pemergiannya selepas berkhidmat selama empat setengah tahun di NBD serta persaraannya daripada Jabatan Negara AS selepas lebih 30 tahun berkhidmat.

Puan Yang Terutama menegaskan bahawa nilai-nilai bersama yang dikongsi oleh NBD dan AS telah menjadi asas kepada

perkongsian erat antara kedua-dua negara.

"Saya berpeluang bertemu ramai rakyat Brunei yang pernah menetap atau belajar di Amerika dan kembali untuk menyumbang kepada pembangunan negara mereka.

"Saya juga menyaksikan syarikat-syarikat Amerika dan Brunei bekerjasama dalam projek-projek inovatif serta melihat hubungan erat sesama rakyat yang menjadikan hubungan dua hala kita begitu kukuh," tambahnya lagi.

Sambutan turut dimeriahkan dengan pelbagai hidangan klasik Amerika, persembahan muzik Amerika serta aktiviti-aktiviti yang mencerminkan semangat Hari Kemerdekaan AS.

Hubungan antara AS dan NBD bermula dengan pemeteraian Perjanjian Keamanan, Persahabatan, Perdagangan dan Pelayaran pada 23 Jun 1850.

Perjanjian bersejarah ini telah menjadi asas kepada hubungan erat yang terus berkekalan antara kedua-dua negara sehingga hari ini.

Rombongan awal urusan haji selamat tiba



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir bagi mengalu-alukan kepulangan rombongan tersebut di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (atas kiri, atas kanan dan bawah kanan).

BERAKAS, Jumaat, 12 Jun. - Seramai 13 pegawai selaku rombongan awal 'Advance Party' Pejabat Urusan Jemaah Haji (Pentadbiran dan Perubatan) bagi Musim Haji 1447 Hijrah / 2026 Masihi yang terdiri daripada lima

Pegawai Pejabat Urusan Jemaah Haji Pentadbiran dan Iapan Pegawai Pejabat Urusan Jemaah Haji Perubatan telah selamat kembali ke tanah air daripada Arab Saudi pada pukul 4.46 petang tadi setelah selesai melaksanakan

tugas di Tanah Suci.

Rombongan yang diketuai oleh Pemangku Penolong Pengarah Urusan Haji, Pengiran Haji Haslin bin Pengiran Haji Ali selaku Ketua Pejabat Urusan Jemaah Haji Negara Brunei Darussalam Bagi Musim Haji 1447H / 2026M telah bertolak ke Kerajaan Arab Saudi pada 20 April 2026 yang lalu bagi melaksanakan pelbagai persiapan dan pengurusan berkaitan kebajikan, penginapan, pengangkutan, kesihatan serta bimbingan manasik umrah dan haji serta bagi memastikan kelancaran urusan jemaah haji Negara Brunei Darussalam (NBD) sepanjang musim haji.

Hadir bagi mengalu-alukan kepulangan rombongan tersebut di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim dan Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Rafidah binti Haji Gharif.

Turut hadir, Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan), KHEU Awang Haji Shamshol bin Haji Omar; Timbalan

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

Setiausaha Tetap (Dasar dan Pengurusan), Kementerian Kesihatan, Pengiran Mohammad Khiruddin bin Pengiran Haji Yusoff; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), KHEU, Awang Misle bin Haji Abdul Karim dan Pengarah Urusan Haji, KHEU, Awang Haji

Abdullah bin Haji Mohamad serta Ahli-ahli Jemaah Penasihat Haji dan para Pegawai Kanan KHEU.

Doa selamat dibacakan oleh Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Awang Haji Ahmad Muzhafar bin Haji Marsidi, salah seorang Pegawai Pejabat Urusan Jemaah Haji Pentadbiran.



HALUAN

>> Muka 2

Dalam hal ini, platform seperti forum ini memainkan peranan penting dalam memperkukuh dialog antara pembuat dasar dan peneraju industri. Ia menyediakan peluang untuk menyelaraskan perspektif, mengenal pasti peluang dan membangunkan perkongsian yang praktikal dan berpandangan jauh.

Saya memuji Majlis Penasihat Perniagaan ASEAN dan APEC NBD atas usaha berterusan mereka dalam memupuk penglibatan dengan pihak berkepentingan tempatan dan antarabangsa. Inisiatif sedemikian adalah penting dalam memastikan usaha pembangunan kita kekal inklusif dan selaras.

Sebagai penutup, perjalanan NBD ke arah ekonomi yang mampan bukan sahaja bergantung kepada dasar-dasar yang kita laksanakan tetapi juga kepada sejauh mana keberkesanan kita menggabungkan kekuatan kerajaan, industri dan inovasi.

Oleh itu, kerjasama berterusan antara sektor awam dan swasta mesti menjadi model operasi utama dalam memajukan agenda ini. Bersama-sama kita dapat membina dan mempercepatkan peralihan kita ke arah ekonomi yang lebih berdaya tahan, berdaya saing dan mampan. Dengan itu, saya mengucapkan semoga awda semua melalui hari yang produktif dan menarik.

Terima kasih, *Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

SIMPOSIUM PERKUKUH PEMBANGUNAN LESTARI BERTERASKAN NILAI ISLAM



YANG Berhormat Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Ekonomi dan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri semasa berucap.

>> Muka 1

Perkara tersebut ditegaskan oleh Menteri Penyelaras bagi

BRUNEI
MID-YEAR CONFERENCE AND EXHIBITION
MYCE 2026

Dasar-Dasar Ekonomi dan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin semasa merasmikan Simposium Seni Bina Islam : Barakah dalam Bangunan Amalan Seni Bina dan Kelestarian di Negara Brunei Darussalam yang berlangsung di Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB), hari ini.

Menurut Yang Berhormat, seni bina Islam sejak dahulu telah menunjukkan bahawa keindahan dan fungsi boleh berjalan seiring dengan nilai spiritual, kesederhanaan dan keseimbangan alam. Oleh itu,

tegasnya, pendekatan tersebut amat relevan dalam mendepani cabaran moden seperti urbanisasi, perubahan iklim dan keperluan pembangunan lestari.

Negara Brunei Darussalam (NBD) yang berteraskan falsafah Melayu Islam Beraja tambahnya, mempunyai asas kukuh untuk terus menerajui pembangunan yang mengekalkan identiti kebangsaan dan nilai keislaman.

Yang Berhormat seterusnya menekankan, bangunan-bangunan di negara ini seharusnya bukan sahaja moden dan berdaya guna, tetapi turut mencerminkan jati diri bangsa dan aspirasi negara.

Terdahulu, Yang Berhormat merakamkan tahniah dan penghargaan kepada BKISHHB serta Jawatankuasa Penganjur atas usaha menganjurkan simposium yang amat bermakna ini. Program seumpama itu jelas

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

Yang Berhormat, mencerminkan komitmen berterusan dalam membudayakan ilmu dan memperkukuhkan pemikiran strategik dalam pembangunan negara.

Penganjuran simposium itu juga katanya, bertepatan dengan penganjuran dan selaras dengan objektif utama Persidangan dan Pameran Pertengahan Tahun Brunei 2026 (Brunei MYCE 2026) bagi mempromosikan dan memperbanyakkan lagi aktiviti berbentuk perkongsian ilmu, percambahan fikiran, pembarigaan penemuan-penemuan baharu dan peningkatan aktiviti *networking* dalam kalangan para ilmuwan dari dalam dan luar negara, yang diharap dapat menyumbang kepada pertumbuhan Sektor

Pelancongan dan juga ekonomi NBD.

Yang Berhormat juga berharap lebih banyak simposium atau aktiviti seumpama ini dapat dianjurkan pada masa akan datang, ke arah mendukung penganjuran dan pelaksanaan Tahun Melawat Brunei 2027 nanti.

"Saya berharap simposium ini akan menghasilkan resolusi, cadangan dan kerjasama strategik yang mampu menyumbang kepada masa depan pembangunan negara yang lebih mampan dan diberkati. Saya juga berharap generasi muda akan mengambil inspirasi daripada program ini untuk menceburi bidang seni bina, reka bentuk dan inovasi masa hadapan," ujar Yang Berhormat lagi.

Teroka pendekatan baharu dalam bidang seni bina Islam



BEGAWAN, Rabu, 10 Jun. - Simposium Seni Bina Islam 2026 yang bertemakan 'Barakah Dalam Bangunan : Amalan Seni Bina dan Kelestarian di Negara Brunei Darussalam' diadakan selama empat hari, kecuali Jumaat, bermula 10 hingga 14 Jun 2026 bertempat di Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB).

Simposium berkenaan merupakan anjuran BKISHHB dengan kolaborasi strategik bersama Kementerian Pembangunan serta institusi pengajian tinggi awam tempatan iaitu Universiti Brunei Darussalam (UBD), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan Universiti Teknologi Brunei (UTB) dan diadakan bersempena Persidangan dan Pameran Pertengahan Tahun Brunei 2026 (Brunei MYCE 2026).

Sehubungan itu, perasmian simposium tersebut telah disempurnakan oleh Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Ekonomi dan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin, hari ini.

Majlis dimulakan dengan bacaan

Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dibacakan oleh Imam Tingkat 1 (Pegawai Masjid), Masjid Pehin Khatib Abdullah Kampung Kulapis, Awang Abdul Najib Syazwan bin Shahrani.

Pemangku Timbalan Pengarah BKISHHB, Dayang Hajah Nur Kamilah binti Haji Ismail selaku Pengerusi Bersama Simposium Seni Bina Islam 2026 dalam ucapan alu-aluannya antara lain berkata, penganjuran simposium ini selaras dengan hasrat BKISHHB sebagai sebuah Pusat Warisan Ilmu Islam yang berperanan dalam mengumpul, memelihara, mengkaji dan menyebarkan khazanah ilmu Islam melalui pelbagai aktiviti keilmuan.

Simposium ini juga jelasnya, merupakan salah satu usaha BKISHHB dalam memperkukuhkan budaya ilmu serta menyediakan platform yang menghimpunkan para profesional, ahli akademik, pegawai teknikal tempatan, penyelidik, pelajar dan pihak berkepentingan untuk bertukar pandangan, berkongsi pengalaman dan meneroka pendekatan baharu dalam bidang seni bina Islam dan pembangunan mampan.

Majlis diteruskan dengan



YANG Berhormat Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Ekonomi dan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri semasa hadir selaku tetamu kehormat pada Simposium Seni Bina Islam 2026 yang bertemakan 'Barakah Dalam Bangunan : Amalan Seni Bina dan Kelestarian di Negara Brunei Darussalam' (atas kiri, atas kanan dan bawah kanan).

pembentangan ucapama yang disampaikan oleh Dato Seri Paduka Ar. Awang Haji Marzuke bin Haji Mohsin dari Syarikat Eco Bumi and Partners dan Pengerusi Pertubuhan Ukur, Jurutera dan Arkitek (PUJA) dengan tajuk pembentangan 'Barakah-Guiding Architecture Beyond Form'.

Sejurus acara perasmian, Yang Berhormat seterusnya menyaksikan pameran-pameran dan aktiviti-aktiviti menarik dan informatif dari pelbagai agensi kerajaan, institusi pendidikan tinggi, badan profesional, institusi kewangan serta misi diplomatik ke Negara Brunei Darussalam (NBD).

Antaranya termasuk pameran demonstrasi yang diadakan di Galeri Istimewa, mempamerkan tiga seni warisan tradisi dari Republik Islam Iran iaitu Seni Kaligrafi, Seni Jubin Mozek 'Kashi-Moargh' dan Seni Qalamkari.

Ketiga-tiga demonstrasi ini dibawa khas oleh pakar seni dari Kedutaan



Republik Islam Iran ke NBD.

Bersempena dengan Simposium Seni Bina Islam 2026 yang diadakan selama empat hari, pelbagai aktiviti pameran telah diadakan di BKISHHB dan dibuka kepada orang ramai.

Orang ramai juga berpeluang mengikuti dan mempelajari teknik Seni Khat Kaligrafi yang dipamerkan melalui demonstrasi

oleh Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Islam Iran ke NBD, Tuan Yang Terutama Taghi Rajabi.

Seni tersebut merupakan karya seni khat Parsi yang sangat terkenal dan teragung dalam warisan budaya Iran dan bermacam lagi pameran dan aktiviti yang diselenggarakan sepanjang tempoh kunjungan berkenaan.

PEMENANG STACK 2026 TERIMA PENGHARGAAN



Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Na'il Haris Haji Muhd. Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 10 Jun. - STACK merupakan sebuah platform yang menampilkan pelbagai acara berkaitan idea, inovasi dan teknologi. Inisiatif tersebut diwujudkan bagi menyokong pembangunan inovasi bukan sahaja dalam aspek teknologi, malah turut merangkumi elemen manusia dan proses.

Perkara demikian dijelaskan oleh Interim Commissioner of Cyber Security Brunei (CSB), Awang Shamsul Bahri bin Haji Khamis pada Majlis Penghargaan dan Penyampaian Hadiah STACK 2026 berlangsung petang tadi di Dewan An-Naura, Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiah (YSHHB).

Beliau seterusnya

mengongsikan, antara fungsi dan peranan CSB adalah bagi membangunkan dan mempromosikan industri perkhidmatan keselamatan siber di Negara Brunei Darussalam (NBD) dan menyokong kemajuan teknologi serta aktiviti penyelidikan dan pembangunan yang berkaitan dengan keselamatan siber.

"Bagi mencapai matlamat tersebut, kita perlu membangunkan ekosistem yang menyokong pertumbuhannya, khususnya dalam teknologi-teknologi baharu yang semakin meluas penggunaannya seperti Kecerdasan Buatan (AI), Blockchain, Internet Kebendaan (IoT) dan Robotik," ujarnya.

Sehubungan itu jelasnya lagi, Universiti Teknologi Brunei (UTB)

dengan sokongan ITPSS Sdn. Bhd. menganjurkan Innovation Sprint Challenge yang mempamerkan projek-projek inovasi pelajar yang dibangunkan oleh pasukan terpilih daripada institusi teknikal dan institusi pengajian tinggi di NBD.

Hadir bagi menyampaikan hadiah-hadiah kepada para pemenang STACK 2026 ialah Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos.

Pada majlis itu, Best Impact Potential Award dimenangi oleh Team SATRIA - Smart Automated Tablet Reminder and Intelligent Assistant terdiri daripada Awang Muhammad Hairol Arif Thane bin Khairul Amin (UTB), Dayang Siti Aimi Sakini binti Haji Ramli (Universiti Islam Sultan Sharif Ali - UNISSA), Awang Muhammad Afq Hasif bin Abu Bakar (UNISSA),

Dayang Nur Atiqah Afifah binti Awang Haji Rahman (Institut Pendidikan Teknikal Brunei - IBTE) dan Alpha Zaffira Haerudin (Politeknik Brunei - PB).

Manakala Best Commercial-liasation Award disandang oleh Team Smashlink terdiri daripada Awang Muhammad Abdul Hakim bin Abdullah Abdul Sherman (UNISSA), Awang Mohammad Daniel Azrin Muqrish bin Noor Azemi (PB), Awang Muhammad Hanaffi bin Haji Alias (PB) dan Awang Muhammad Hamiz Zawawi@Ikhwan bin Mohammed Zin (IBTE).

Bagi Best Innovation Award dimenangi oleh Team DROVA terdiri daripada Awang Abdul Muizz Safiuddin bin Sherin (UTB), Awang Muhammad Zulfaid Adli bin Rosli (PB), Awang Abdul Khaliq bin Asmali (UTB), Christian Juleon Fronda Alberio (PB) dan Awang

YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penghargaan dan Penyampaian Hadiah STACK 2026 berlangsung di Dewan An-Naura, Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiah (kiri sekali dan kiri).

Fazryn Farwynn bin Samsul (PB).

Pada majlis berkenaan, tetamu kehormat majlis juga menyaksikan pameran daripada para pemenang pertandingan.

Juga hadir, Setiausaha Tetap Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Awang Haji Mohammad Nazri bin Haji Mohammad Yusof; Pesuruhjaya Tinggi Australia ke NBD, Tuan Yang Terutama Michael Hoy dan Counsellor of National Cybersecurity Office of Japan as Co-Chair of the ASEAN-Japan Cybersecurity Meeting hosted by NBD, Tanaka Takahiro.

STACK 2026 mencerminkan komitmen berterusan CSB dalam memperkukuh daya tahan siber negara, membangunkan keupayaan tempatan serta memupuk inovasi melalui kerjasama antara kerajaan, industri dan akademik.

Dengan menghimpunkan kepakaran tempatan dan antarabangsa, acara ini berfungsi sebagai platform untuk menangani cabaran baharu yang muncul, berkongsi amalan terbaik dan menyokong visi NBD sebagai sebuah negara yang selamat serta maju dari segi digital.



Memperkukuhkan pembentukan sahsiah, jati diri Muslimah



SUNGAI HANCHING, Rabu, 10 Jun. - Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM) melalui Bahagian Hal Ehwal Muslimah dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Takmir (AJKT) Masjid Kampung Sungai Hanching telah menganjurkan Program Ceramah 'Meneladani Tokoh Wanita Islam Zaman Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam', hari ini.

Penganjuran program ceramah ini merupakan salah satu usaha memberi peluang kepada para Muslimah untuk mengenali tokoh-tokoh wanita Islam sebagai contoh teladan dalam kehidupan, serta mencetuskan inspirasi dalam pembentukan jati diri yang kukuh, di samping meningkatkan

kesedaran mengenai peranan wanita dalam menegakkan syiar Islam dan mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan Muslimah masjid.

Program yang diadakan bertempat di Masjid Kampung Sungai Hanching itu dihadiri oleh isteri Menteri Hal Ehwal Ugama, Datin Norazimah binti Haji Ramlee.

Program Ceramah 'Meneladani Tokoh Wanita Islam Zaman Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam' itu disampaikan oleh Guru Ugama Terlatih Tingkat Khas merangkap Ketua Unit Kelas Bimbingan Muslimah, JHEM, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Dayang Hajah Nadhirah binti Haji Lahit.



PROGRAM yang diadakan bertempat di Masjid Kampung Sungai Hanching itu dihadiri oleh isteri Menteri Hal Ehwal Ugama (atas), manakala gambar kiri, Program Ceramah 'Meneladani Tokoh Wanita Islam Zaman Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam' itu disampaikan oleh Guru Ugama Terlatih Tingkat Khas merangkap Ketua Unit Kelas Bimbingan Muslimah, JHEM, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Dayang Hajah Nadhirah binti Haji Lahit.

Program ini merupakan salah satu inisiatif di bawah Pelan Tindakan Jawatankuasa Menangani Kegiatan Tidak Bermoral yang bertujuan untuk memperkukuhkan pembentukan sahsiah dan jati diri Muslimah melalui penghayatan kisah-kisah tokoh wanita Islam yang unggul pada zaman Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Melalui ceramah tersebut, para peserta didedahkan kepada keperibadian,

Oleh : Aimi Sani
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

keteguhan iman serta sumbangan para serikandi Islam dalam memperjuangkan agama dan membangunkan masyarakat.

Program seumpama ini diharapkan akan terus menjadi platform yang berkesan dalam memperkasa golongan Muslimah agar mencontohi keperibadian mulia tokoh-tokoh wanita Islam. Melaluinya, diharapkan para

peserta dapat meningkatkan keimanan dan ketakwaan serta menyemarakkan semangat berkhidmat kepada agama, bangsa dan negara.

Turut hadir, AJKT Masjid serta para Muslimah daripada beberapa buah masjid di Daerah Brunei dan Muara yang menyertai program berkenaan.

MENELUSURI EVOLUSI SEJARAH SENI BINA ISLAM



TIMBALAN Menteri Pembangunan hadir selaku tetamu kehormat pada Simposium Seni Bina Islam 2026.

Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 10 Jun. - Simposium Seni Bina Islam 2026 diteruskan lagi dengan pembentangan sesi pertama pada sebelah petang berlangsung di Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanil Bolkiah (BKISHHB), hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Timbalan Menteri Pembangunan, Yang Mulia Dr. Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak.

Pembentangan pertama disampaikan oleh Dr. Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos dari Persatuan Sejarah Brunei (PESEBAR) bertajuk 'From Kampong to Dome : The Evolution of Islamic Architecture and Sustainable Practice in Brunei'.

Dr. Haji Mohd. Rozan dalam pembentangannya menekankan makalah ini menelusuri evolusi sejarah seni bina Islam serta inovasi yang mendorong perkembangannya, dengan tumpuan khusus kepada Negara Brunei Darussalam (NBD) sebagai titik pertemuan trajektori seni bina global dan serantau.

Bermula dengan Masjid Nabi pada abad ke-7 di Madinah dan berkembang melalui inovasi struktur zaman Umayyah, Abbasiyah, Mughal dan Uthmaniyyah, kajian ini mengenal pasti kemajuan teknologi, bahan dan estetika yang membentuk setiap era.

"Kajian turut meneliti bagaimana seni bina Islam berubah apabila tersebar ke Asia Tenggara, di mana iklim tropika, tradisi binaan vernakular Melayu, dan jaringan perdagangan melahirkan bentuk baharu seperti masjid kayu bertingkat dan struktur rumah panggung.

"Dalam naratif yang lebih luas ini, NBD menempati kedudukan istimewa : rekod seni binanya bermula daripada Kampong Ayer yang berusia ribuan tahun hingga ke Masjid Omar 'Ali Saifuddin (1958) dan Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah (1994), serta kini berkembang kepada amalan binaan hijau selaras dengan Wawasan Brunei 2035," jelasnya.

Menggunakan kaedah kualitatif interpretatif-historis, tambahnya, makalah ini berhujah bahawa setiap tahap evolusi bukanlah pemutusan daripada tradisi, tetapi inovasi yang dibina di atasnya. Usaha kelestarian kontemporari di NBD difahami sebagai bab terkini dalam kisah berterusan adaptasi seni bina.

Dapatan kajian ini menyumbang kepada pemahaman yang lebih menyeluruh tentang sejarah seni bina Islam serta memperlihatkan bagaimana inovasi, iklim, budaya dan iman berinteraksi dalam persekitaran binaan sebuah Kesultanan kecil yang signifikan dari segi sejarah.

Manakala Pemangku Arkitek Kanan, Jabatan Kerja Raya, Ar. Ruzanna Musfirah binti Haji Saji pula dalam pembentangannya bertajuk 'Architecture of Faith : Built Heritage and the Ideology of Islamic Architecture in Brunei Darussalam' menjelaskan seni bina bukan sekadar penciptaan struktur fizikal. Pada tahap terbaiknya, apabila dirancang dengan ikhlas, direka dengan teliti, dan dibina dengan jujur, ia menjadi manifestasi nilai, etika dan ibadah.

Pembentangan yang disediakan oleh Jabatan Perkhidmatan Teknikal, Jabatan Kerja Raya ini membawa satu hujah utama di NBD, barakah bukanlah kebetulan bentuk, tetapi hasil daripada niat.

Ditujukan kepada para arkitek dan pelawat antarabangsa, sesi ini menawarkan perspektif sektor awam NBD tentang bagaimana ideologi seni bina Islam dizahirkan secara nyata melalui portfolio laman projek semasa.

Ia mengusulkan bahawa masjid, sekolah, dan ruang awam bukanlah tipologi berasingan, tetapi versi daripada satu 'ayat seni bina' - ditulis dalam tatabahasa Melayu Islam Beraja (MIB) dan sejajar dengan Pelan Strategik Kementerian Pembangunan 2024-2029. Apabila ayat itu disempurnakan dengan setia, barakah pun hadir.

Arkitek, Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan, Awang Haji Mohd. Farihin bin Haji Mohd. Jaafar membentangkan tajuk mengenai 'Manifesting Barakah : Different Abilities Design Guidelines'.

Beliau menyatakan, ketika NBD bersiap menghadapi populasi yang semakin menua dan bergerak ke arah masyarakat yang lebih inklusif, penerapan reka bentuk sejagat serta persekitaran binaan yang mesra akses mencerminkan bukan sahaja tanggungjawab sosial tetapi juga prinsip Islam tentang barakah (keberkatan).

Dalam Islam tambahnya, usaha mewujudkan ruang yang mengurangkan kesukaran, menjaga maruah, dan

meningkatkan kesejahteraan semua anggota masyarakat - termasuk warga emas, individu berkeupayaan berbeza, keluarga dan kanak-kanak adalah satu bentuk kasih sayang dan manfaat kolektif.

Pembentangan diakhiri oleh Arkitek Kerja, Jabatan Kemajuan Perumahan, Ar. Nur Hafizah binti Mohammad bertajuk 'The Next Chapter : Strengthening Trust towards Vertical Public Housing in Brunei Darussalam'.

Selama beberapa dekad, jelasnya, Skim Perumahan Negara telah menjadi salah satu komitmen nasional paling signifikan di NBD, menyediakan peluang pemilikan rumah dan persekitaran hidup bermaruah kepada generasi rakyat NBD.

Namun, apabila ketersediaan tanah di kawasan bandar semakin terhad dan permintaan perumahan terus tertumpu di Daerah Brunei dan Muara, peralihan daripada perumahan mendatar kepada perumahan awam bertingkat menjadi satu keperluan strategik dan tanggungjawab generasi.

Walaupun rasional strategik jelas, penerimaan dan keyakinan masyarakat terhadap kehidupan bertingkat di NBD masih berhati-hati. Pengalaman Projek Perintis H40 Lambak Kanan, iaitu perumahan awam bertingkat pertama negara, mendedahkan potensi serta kekurangan dalam peralihan ini. Walaupun pembangunan tersebut menunjukkan niat seni bina yang terpuji dan perancangan berorientasikan komuniti, isu yang belum diselesaikan berkaitan struktur pengurusan, kesiapsiagaan penyelenggaraan, kerangka pemilikan, dan pelaksanaan strata telah menimbulkan kebimbangan terhadap kebolehdiaman jangka panjang dan kepercayaan masyarakat.

Makalah ini berhujah bahawa memperkukuh kepercayaan awam terhadap perumahan awam bertingkat memerlukan lebih daripada pembinaan fizikal semata-mata.

Isi utama abstrak pembentangan petang ini adalah Evolusi Seni Bina Islam bermula dari Masjid Nabi di Madinah (abad ke-7) hingga inovasi Umayyah, Abbasiyah, Mughal dan Uthmaniyyah. Perkembangan teknologi, bahan, dan estetika membentuk setiap era.

NBD menjadi titik pertemuan tradisi global dan serantau, dari

BRUNEI
MID-YEAR CONFERENCE AND EXHIBITION
MYCE 2026

Kampong Ayer hingga masjid moden serta amalan binaan hijau selaras Wawasan Brunei 2035. "Setiap tahap evolusi bukanlah pemutusan daripada tradisi, tetapi inovasi yang dibina di atasnya".

Sementara itu, Seni Bina Keimanan & Ideologi. Seni bina sebagai manifestasi nilai, etika dan ibadah. Falsafah MIB menjadi kerangka nasional, dipetakan kepada Maqaid Syariah (iman, nyawa, akal, keturunan, harta). Portfolio laman projek (masjid, sekolah, ruang awam) menunjukkan prinsip Islam dalam reka bentuk. Barakah hadir melalui keikhlasan, tanggungjawab dan khidmat masyarakat.

Kemudian, Reka Bentuk Inklusif & Barakah. Garis Panduan Keupayaan Berbeza (2018) memperkenalkan aksesibiliti : sistem sokongan pendengaran, papan tanda Braille, laluan mobiliti, kemudahan mesra keluarga. Dikuatkuasakan oleh ABCI, usaha ini mencerminkan rahmatan lil 'alamin, menjadikan reka bentuk mesra akses sebagai manifestasi barakah yang meningkatkan kualiti hidup masyarakat.

Manakala, Perumahan Awam Bertingkat pula ialah Peralihan daripada perumahan mendatar kepada bertingkat kerana keterbatasan tanah bandar. Projek perintis H40 Lambak Kanan menunjukkan potensi tetapi juga isu pengurusan, penyelenggaraan dan strata. Kejayaan masa depan bergantung pada tiga tiang : martabat seni bina, kesiapsiagaan dasar dan pengurusan serta kohesi komuniti. Prinsip Wasatiyyah dan Maqaid Syariah menjadi asas pembangunan seimbang.

Ringkasnya, keempat-empat abstrak menekankan bahawa seni bina Islam di NBD bukan sekadar bentuk fizikal, tetapi kesinambungan tradisi, manifestasi nilai iman, penerapan kelestarian, inklusiviti sosial dan usaha membina kepercayaan masyarakat dalam konteks moden.

Moderator semasa pembentangan tersebut ialah Penolong Profesor, Architecture Programme Leader Universiti Teknologi Brunei, Dr. Rozia binti Haji Adenan. Pembentangan diakhiri dengan sesi soal jawab.



PEMBENTANGAN pertama disampaikan oleh Dr. Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos dari Persatuan Sejarah Brunei (PESEBAR) bertajuk 'From Kampong to Dome : The Evolution of Islamic Architecture and Sustainable Practice in Brunei' (atas), manakala gambar kanan, antara yang hadir pada simposium berkenaan.



TEROKA PELUANG KERJASAMA DALAM AKADEMIK, PEMBANGUNAN INSAN, KEMAJUAN MASYARAKAT



■ Berita dan Foto : Nurdiyanah Rajami

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 11 Jun. - Penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) antara Kolej Universiti Perguruan U gama Seri Begawan (KUPU SB) dan Universitas PGRI Adi Buana Surabaya, Republik Indonesia ini bukan sekadar memenuhi formaliti institusi, tetapi merupakan simbol komitmen, kepercayaan dan iltizam bersama dalam membangunkan kerjasama strategik yang berorientasikan kecemerlangan akademik, pembangunan insan dan kemajuan masyarakat.

Perkara berkenaan antara yang diutarakan oleh Ra'es KUPU SB, Profesor Madya Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani semasa menyampaikan ucapan alu-aluannya semasa berlangsungnya Sambutan Kunjungan Akademik dan Majlis Penandatanganan MoU antara KUPU SB dan Universitas PGRI Adi Buana Surabaya, Republik Indonesia berlangsung di Dewan Tarbiah, KUPU SB, hari ini.

"Melalui memorandum ini, saya

percaya kedua-dua institusi akan dapat meneroka pelbagai bidang kerjasama yang berpotensi untuk memberikan manfaat bersama.

"Antaranya termasuklah pertukaran pelajar dan tenaga akademik, penyelidikan dan penerbitan ilmiah bersama, penganjuran seminar dan persidangan antarabangsa, pembangunan profesional, program pengabdian masyarakat, serta pelbagai inisiatif lain yang dapat memperkayakan pengalaman pembelajaran dan pengajaran di kedua-dua buah institusi," ujarinya.

Bagi KUPU SB, tambah beliau lagi, usaha memperluas jaringan kerjasama antarabangsa merupakan antara agenda penting dalam memperkukuhkan kedudukan institusi sebagai sebuah pusat kecemerlangan pendidikan perguruan dan pengajian Islam.

Justeru, kerjasama dengan Universitas PGRI Adi Buana Surabaya merupakan langkah yang amat signifikan ke arah

merealisasikan hasrat tersebut, terangnya lagi.

Profesor Madya Dr. Abdul Nasir juga menaruh harapan agar hubungan yang terjalin pada hari ini tidak terhenti pada penandatanganan dokumen semata-mata, tetapi dapat diterjemahkan kepada pelaksanaan program-program yang nyata, berimpak tinggi dan berkesinambungan.

"Saya yakin bahawa gabungan kekuatan, pengalaman dan kepakaran yang dimiliki oleh KUPU SB dan Universitas PGRI Adi Buana Surabaya akan membuka ruang yang luas untuk melahirkan pelbagai inisiatif baharu yang dapat menyumbang kepada kemajuan, pembangunan masyarakat dan pengukuhan hubungan persaudaraan antara kedua-dua perguruan tinggi," ujarinya.

Sementara itu, Direktur Sekolah Pascasarjana, Universitas PGRI Adi Buana Surabaya, Republik Indonesia, Dr Ruffi'i, ST, S.Si., M.Pd. dalam ucapannya sekali gus bagi mewakili rombongan dari Universitas PGRI Adi Buana Surabaya di majlis tersebut antara

RA'ES KUPU SB bergambar ramai bersama para ahli akademik rombongan dari Universitas PGRI Adi Buana serta beberapa orang pegawai-pegawai eksekutif dan utama KUPU SB.

lain berkata mereka memandang bahawa kunjungan akademik ini merupakan momentum penting untuk mempererat hubungan antara institusi pendidikan tinggi di Republik Indonesia dan Negara Brunei Darussalam (NBD).

Selain memperkuat silaturahmi, beliau menjelaskan bahawa kegiatan tersebut juga menjadi sarana untuk berbagi pengalaman, bertukar praktik baik, dan membangun jejaring akademik yang lebih luas.

"Kami percaya bahwa perguruan tinggi memiliki tanggung jawab bersama dalam mencetak sumber daya manusia yang unggul, berakhlak, dan mampu menjawab tantangan global tanpa meninggalkan nilai-nilai keislaman dan budaya Melayu yang menjadi identitas bersama kedua negara," jelasnya.

Oleh karena itu, tambah beliau lagi, mereka juga berharap pertemuan ini dapat menjadi awal dari berbagai bentuk kolaborasi yang berkelanjutan, antara lain kerjasama di bidang pendidikan melalui kuliah tamu, pertukaran pensyarah (dosen) dan mahasiswa, pengembangan kurikulum, serta pembelajaran kolaboratif berbasis teknologi; dan kerjasama di bidang penelitian melalui penelitian (riset) bersama, publikasi ilmiah internasional, seminar, dan konferensi akademik yang melibatkan dosen mahupun mahasiswa.

Begitu juga kerjasama di bidang pengabdian kepada masyarakat melalui program pemberdayaan masyarakat, pelatihan guru, pengembangan literasi digital, dan kegiatan sosial berbasis pendidikan; dan kerjasama di bidang penjaminan mutu melalui *benchmarking* sistem penjaminan mutu internal, berbagi praktik terbaik dalam tatakelola akademik, evaluasi pembelajaran, serta pengembangan budaya mutu yang berkelanjutan, terangnya.

Ujarnya lagi, mereka turut optimistik bahawa kolaborasi tersebut tidak hanya akan meningkatkan kualiti institusi masing-masing, tetapi juga memberikan sumbangan nyata bagi pengembangan pendidikan tinggi di kawasan Asia Tenggara.

"Kehadiran mahasiswa dalam rombongan ini juga merupakan bagian dari proses pembelajaran yang sangat berharga. Mereka dapat melihat secara langsung bagaimana sebuah institusi pendidikan tinggi di Brunei Darussalam mengembangkan budaya akademik, tata kelola kelembagaan serta integrasi nilai-nilai keagamaan dalam penyelenggaraan pendidikan.

"Pengalaman antarabangsa seperti ini diharapkan dapat memperluas wawasan, meningkatkan kemampuan beradaptasi dalam lingkungan global, sekali gus menumbuhkan semangat kolaborasi lintas negara dalam kalangan generasi muda.

"Sebagai penutup, kami sekali lagi mengucapkan terima kasih atas sambutan yang luar biasa dari seluruh keluarga besar KUPU SB.

"Semoga hubungan silaturahmi dan kerjasama yang terjalin hari ini menjadi awal dari perkongsian strategik yang produktif, berkelanjutan, dan memberikan manfaat bagi kedua-dua institusi serta masyarakat di luar sana," jelasnya.

KUPU SB, Universitas PGRI Adi Buana Surabaya meterai kerjasama



PENANDATANGANAN Memorandum Persefahaman (MoU) antara KUPU SB dan Universitas PGRI Adi Buana Surabaya, Republik Indonesia.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 11 Jun. - Kolej Universiti Perguruan U gama Seri Begawan

(KUPU SB) petang tadi menerima kunjungan akademik daripada Universitas PGRI Adi Buana

Surabaya, Republik Indonesia.

Rombongan terdiri daripada lima orang pensyarah (dosen)

bersama 45 orang mahasiswa dan mahasiswi serta alumni Program Studi Magister Teknologi Pendidikan yang diketuai oleh Direktur Sekolah Pascasarjana, Universitas PGRI Adi Buana Surabaya, Republik Indonesia, Dr. Ruffi'i, ST, S.Si., M.Pd.

Hadir bagi mengalu-alukan rombongan di Dewan Tarbiah, KUPU SB ialah Ra'es KUPU SB, Profesor Madya Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani.

Kemuncak acara kunjungan berkenaan ialah penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) antara KUPU SB dan Universitas PGRI Adi Buana Surabaya, Republik Indonesia.

MoU yang dimeterai ini diharapkan akan mengukuhkan lagi kerjasama akademik antara kedua-dua institusi dalam bidang pendidikan, penyelidikan dan pembangunan ilmu.

Ia juga menjadi mekanisme

yang ideal dalam berkongsi kepakaran, sumber dan amalan terbaik dalam pelbagai bidang yang mampu menyumbang kepada pembangunan ummah dan negara.

Dalam pada itu, kunjungan akademik dan penandatanganan MoU ini secara keseluruhannya menggambarkan aspirasi KUPU SB dalam mempertingkatkan jaringan kerjasama dengan komuniti, institusi dan pemegang taruh di peringkat serantau dan antarabangsa dalam membantu KUPU SB mencapai kecemerlangan dalam bidang pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan penerbitan, konsultasi dan khidmat masyarakat.

Turut hadir bagi sama-sama menyaksikan majlis berkenaan ialah pegawai-pegawai eksekutif, pegawai-pegawai utama, tenaga akademik, pegawai, kakitangan dan para pelajar KUPU SB.

KE ARAH MEMPERERATKAN HUBUNGAN BUDAYA, PERTUKARAN RAKYAT



TUAN Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam bergambar ramai pada Acara Promosi Budaya dan Pelancongan Sichuan 'Charming Sichuan Global Insight'.

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 10 Jun. - Acara Promosi Budaya dan Pelancongan Sichuan 'Charming Sichuan Global Insight' mencerminkan komitmen kukuh Wilayah Sichuan dalam mengeratkan hubungan dengan Negara Brunei Darussalam (NBD), khususnya dalam bidang budaya, pelancongan dan pertukaran rakyat.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke NBD, Tuan Yang Terutama Chen Shaochun, semasa menyampaikan ucapan pada majlis berkenaan.

Tuan Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke NBD terlebih dahulu merakamkan ucapan tahniah atas penganjuran acara tersebut serta penghargaan kepada semua pihak dari kedua-dua negara yang telah berusaha menjayakannya.

Menurut TYT, Sichuan merupakan sebuah wilayah yang terkenal dengan keindahan alam semula jadi dan kekayaan warisan budayanya sehingga dikenali sejak zaman dahulu sebagai 'Negeri Kemakmuran'.

Pada masa yang sama, TYT menerangkan bahawa Sichuan kini memainkan peranan penting dalam usaha reformasi dan keterbukaan Republik Rakyat China serta menjadi pemacu utama pembangunan berkualiti tinggi di bahagian barat negara itu.

TYT menjelaskan bahawa daripada pelancongan patriotik kepada keindahan gunung-ganang dan sungai-sungainya, serta daripada pemeliharaan budaya tradisional China kepada perkembangan pesat industri seni persembahan dan ekonomi acara sukan, Sichuan terus membangunkan jenama budaya dan

pelancongan yang dikenali sebagai 'Splendid Tianfu, Leisurely Sichuan'.

Menyentuh mengenai hubungan dua hala, TYT berkata bahawa di bawah bimbingan strategik Presiden Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Xi Jinping dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, hubungan Republik Rakyat China dan Brunei telah memasuki era baharu ke arah pembinaan Komuniti China-Brunei dengan Masa Depan Bersama.

TYT turut menekankan bahawa tahun ini menandakan ulang tahun ke-35 hubungan diplomatik antara kedua-dua negara ketika Republik Rakyat China memulakan pelaksanaan Rancangan Lima Tahun Ke-15 bagi pembangunan ekonomi dan sosial, manakala NBD terus melangkah ke arah merealisasikan Wawasan Brunei 2035.

Dalam ucapannya, TYT turut menyentuh mengenai Lawatan Rasmi Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, ke Republik Rakyat China pada bulan lalu yang menurut beliau telah berjaya memperkukuhkan lagi hubungan dua hala.

Presiden Xi Jinping, ujar TYT, telah menegaskan bahawa kedua-dua negara perlu terus berpegang kepada visi Komuniti China-Brunei dengan Masa Depan Bersama serta memperkukuhkan empat bidang perkongsian strategik, sekali gus membuka lembaran baharu dalam hubungan dua

hala.

TYT turut menyatakan kesediaan pihak Republik Rakyat China untuk bekerjasama dengan pelbagai sektor di Brunei bagi melaksanakan persefahaman yang telah dicapai oleh kedua-dua pemimpin negara dan memperluaskan kerjasama dalam pelbagai bidang.

TYT menambah bahawa Sichuan dan Brunei telah lama menikmati hubungan pertukaran yang baik serta kerjasama yang membuahkan hasil. Acara yang diadakan itu jelas menunjukkan kepentingan yang diberikan oleh Sichuan terhadap hubungannya dengan Brunei, selain mencerminkan momentum positif dalam pertukaran rakyat dengan rakyat antara kedua-dua pihak.

Sementara itu, Timbalan Pengarah Jabatan Penerangan Jawatankuasa Parti Komunis China Wilayah Sichuan, Meng Hua, dalam ucapannya menjelaskan bahawa Brunei dan Republik Rakyat China ialah jiran mesra yang dipisahkan oleh lautan serta mempunyai persahabatan yang telah lama terjalin.

Menurut beliau, seawal tahun 2018, Sichuan telah menandatangani memorandum kerjasama dengan sembilan organisasi sahabat dari negara-negara ASEAN, termasuk Persatuan Persahabatan Brunei-China, yang membawa kepada kerjasama erat dalam bidang kebudayaan, pendidikan dan pertukaran belia.

"Terletak di barat daya China, Sichuan merupakan tanah air panda gergasi, khazanah negara China.

"Ia bukan sahaja salah sebuah wilayah yang paling dinamik dari segi ekonomi di China, malah juga destinasi pelancongan yang terkenal di dunia," tambahnya.

DOA SELAMAT

MAJLIS MENGANGKAT SUMPAH
MENTERI-MENTERI KABINET
DAN TIMBALAN-TIMBALAN MENTERI

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَ ذِكْرَهُ طُمَأْنِينَةً لِلْقُلُوبِ ، وَجَلَاءَ لَهَا عَنْ
رَيْنِ الدُّنُوبِ وَدَنْسِ الْغُيُوبِ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
الدَّاعِي إِلَى كُلِّ أَمْرٍ مَحْبُوبٍ ، وَفَعْلٍ مَطْلُوبٍ ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
الْمُقْتَفِينَ سَبِيلَهُ عَلَى خَيْرِ أَسْلُوبٍ .

نَحْمَدُكَ اللَّهُمَّ وَنُشْكُرُكَ عَلَى نِعَمِكَ السَّابِقَةِ ، وَإِحْسَانِكَ
الْمُنْتَالِيَةِ ، وَفَضْلِكَ الْكَثِيرَةِ ، أَنْ نَجْتَمِعَ فِي هَذَا الْمَجْلِسِ :

Majlis Mengangkat Sumpah bagi Menteri-Menteri Kabinet dan Timbalan-Timbalan Menteri.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ مِنْ خَيْرِهِ وَخَيْرِ مَا جِبَلْتَ عَلَيْهِ ، وَنَعُوذُ بِكَ
مِنْ شَرِّهِ وَمِنْ شَرِّ مَا جِبَلْتَ عَلَيْهِ .

اللَّهُمَّ احْفَظْ جَلَالَهَ الْمَلِكِ

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam,

فِي نَفْسِهِ وَأَهْلِهِ وَأَوْلَادِهِ وَأَخْفَادِهِ وَقَرَابَتِهِ وَرَعِيَّتِهِ أَجْمَعِينَ . اللَّهُمَّ أَدِمَّهُ

مُتَمَتِّعًا بِطَوْلِ الْبَقَاءِ ، مُتَوَجِّحًا بِتَيْجَانِ الصِّحَّةِ وَالْهَنَاءِ . اللَّهُمَّ أَطْلِ

عُمْرَهُ مُصْلِحًا لِلْمُوظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةَ وَالْبِلَادَ ، وَتَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُ لِبَطْرِيقِ

الْهُدَى وَالرَّشَادِ .

اللَّهُمَّ اجْعَلْ مَمْلَكَتَهُ Negara Brunei Darussalam مَعْمُورَةً

بِالْتَّقْدِيمِ وَالسَّلَامِ ، وَالْعَدْلِ وَالصَّلَاحِ وَالْبِرَّةِ بَيْنَ الْأَنْعَامِ وَالرَّخَاءِ

وَالْأَمْنِ وَالنَّصْرِ وَسَائِرَ بِلَادِ الْإِسْلَامِ .

Allahumma Ya Allah, mohon, supaya Menteri-Menteri Kabinet dan Timbalan-Timbalan Menteri yang telah dilantik akan benar-benar menjadi tonggak dalam kerajaan raja berdiri teguh di belakang baginda untuk memberikan sokongan dan dukungan yang kuat lagi padu, beriqrar dan berjanji dengan ikhlas hati untuk bertaat setia tanpa berbelah bahagi dan bertekad serta berniat jujur untuk menyembahkan nasihat-nasihat yang berguna lagi benar, sebagai cara untuk menunaikan amanat yang ditamai, yang merupakan perjanjian suci kita dengan Allah, Tuhan Yang Maha Pengurnia.

Allahumma Ya Allah, lanjutkan usia raja kami serta limpahkan nikmat taufiq dan hidayah kepada baginda nikmat kesihatan, nikmat kekuatan dan nikmat keselamatan, supaya baginda dapat terus memimpin dan memerintah negara ini dengan jayanya.

آمِينَ ، يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ ، يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ .

اللَّهُمَّ الطُّفْ بِنَا فِي تَيْسِيرِ كُلِّ عَسِيرٍ ، فَإِنَّ تَيْسِيرَ كُلِّ عَسِيرٍ

عَلَيْكَ يَسِيرٌ ، وَنَسْأَلُكَ الْيُسْرَ وَالْمُعَافَاةَ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ .

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ .

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ

رَبِّ الْعَالَمِينَ .

Doa disediakan dan dibaca oleh :
Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia
Dr. Ustaz Awang Haji Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan.
Termaktub di Jabatan Mufti Kerajaan,
Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
Pada hari Isnin,
21 Zulhijjah 1447H bersamaan 8 Jun 2026M

Majlis Pemantauan Memulakan Bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran Majlis Khatam Al-Quran 80 Kali Khatam Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung serta Penuntut-penuntut Sekolah Seluruh Negara

Daerah Brunei dan Muara

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 11 Jun. - Majlis Pemantauan Memulakan Bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran bagi Majlis Khatam Al-Quran 80 Kali Khatam Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK) serta Penuntut-penuntut Sekolah Seluruh Negara sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80 bagi Tahun 2026 diadakan hari ini, bermula selepas Sembahyang Fardu Asar Berjemaah di masjid-masjid terpilih di setiap daerah.

Majlis pemantauan tersebut merupakan kesinambungan daripada Majlis Pelancaran Memulakan Bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran bagi Majlis Khatam Al-Quran 80 Kali Khatam yang telah diadakan pada Khamis, 13 Syawal 1447 Hijrah bersamaan 2 April 2026 di masjid-masjid terpilih di seluruh negara.

Bagi Daerah Brunei dan Muara, majlis berkenaan berlangsung di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Setiausaha Tetap Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Awang Haji

Mohammad Nazri bin Haji Mohammad Yusof.

Atur cara dimulakan dengan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah, diikuti bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Awang Ahmad Syafiq bin Othman.

Acara diteruskan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran secara persendirian dan diakhiri dengan bacaan Doa Selamat yang juga dipimpin oleh Awang Ahmad Syafiq.

Seramai 1,708 peserta dari seluruh negara mengambil bahagian dalam pembacaan ayat-ayat suci Al-Quran tersebut.

Mereka terdiri daripada Ahli-ahli MPMK, penuntut-penuntut sekolah dan institusi pengajian tinggi di keempat-empat daerah mengikut kategori lelaki dewasa dan wanita dewasa, termasuk peserta daripada Pertubuhan WARGAMAS, belia dan beliawanis berumur antara 13 hingga 20 tahun yang terpilih mewakili mukim dan kampung masing-masing.

Turut dilibatkan ialah penuntut-penuntut Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanil Bolkiah, sekolah-sekolah Arab serta peserta Skim Tilawah Al-Quran yang terdiri daripada remaja dan kanak-kanak lelaki

dan perempuan berumur 12 tahun ke bawah yang mewakili sekolah-sekolah Arab, sekolah-sekolah agama dan Skim Khatam Al-Quran. Penyertaan juga melibatkan kanak-kanak di bawah umur 10 tahun serta penuntut-penuntut sekolah di bawah Kementerian Hal Ehwal Agama dan Kementerian Pendidikan, termasuk institusi-institusi pengajian tinggi.

Hadir sama ialah Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap dan Pemangku Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Pemangku Pegawai Daerah, Ketua Pegawai Agama Daerah, ketua-ketua jabatan serta pegawai-pegawai kanan dari Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Hal Ehwal Agama, Kementerian Pendidikan, Kementerian



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi hadir selaku tetamu kehormat majlis (atas), manakala gambar bawah, antara yang hadir pada Majlis Pemantauan Memulakan Bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran bagi Majlis Khatam Al-Quran 80 Kali Khatam Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung serta Penuntut-penuntut Sekolah Seluruh Negara di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong.

Pengangkutan dan Infokomunikasi serta Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Turut hadir ialah penghulu-penghulu mukim,

ketua-ketua kampung, Ahli-ahli MPMK, pegawai dan kakitangan jabatan daerah, pegawai-pegawai agama, bilal-bilal serta ahli-ahli takmir masjid.



Daerah Tutong

Oleh : Pg. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Agama hadir selaku tetamu kehormat majlis (atas), manakala gambar kanan, Majlis Pemantauan Memulakan Bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran bagi Majlis Khatam Al-Quran 80 Kali Khatam Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung serta Penuntut-penuntut Sekolah Seluruh Negara di Masjid Hassanil Bolkiah Pekan Tutong.

TUTONG, Khamis, 11 Jun. - Majlis Pemantauan Memulakan Bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran bagi Majlis Khatam Al-Quran 80 Kali Khatam Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung dan Penuntut-penuntut Sekolah Seluruh Negara sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanil Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-80 bagi Tahun 2026 diadakan pada petang tadi, bermula selepas Sembahyang Fardu Asar Berjemaah bertempat di

masjid-masjid terpilih di setiap daerah.

Majlis Pemantauan Bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran berkenaan adalah kesinambungan daripada Majlis Pelancaran Memulakan Bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran bagi Majlis Khatam Al-Quran 80 Kali Khatam yang diadakan pada 2 April 2026 lalu di masjid-masjid terpilih di setiap daerah.

Bagi Daerah Tutong, majlis diadakan di Masjid Hassanil Bolkiah Pekan Tutong, di sini.

Pemantauan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran dikepalai oleh tetamu kehormat majlis, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Agama (KHEU), Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim.

Terdahulu, acara dimulakan dengan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah yang diimkan oleh Ketua Imam Masjid Hassanil Bolkiah, Awang Mohammad Waiz bin Tajuddin.

Disusuli dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh tetamu kehormat majlis.

Kemudian diikuti dengan Majlis Membaca Ayat-ayat Suci Al-Quran beramai-ramai secara persendirian dan diakhiri dengan bacaan Doa Selamat.

Para peserta terdiri dalam kalangan Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK), penuntut-penuntut sekolah dan institusi-institusi pengajian tinggi di keempat-empat daerah mengikut kategori dewasa lelaki dan dewasa wanita,

termasuk peserta daripada Pertubuhan WARGAMAS, belia dan beliawanis berumur 13 tahun hingga 20 tahun yang terpilih dan mewakili mukim dan kampung.

Turut dilibat sama ialah penuntut-penuntut sekolah-sekolah Arab, iaitu Ma'had Islam Brunei dan Skim Tilawah Al-Quran Remaja dan Kanak-kanak Lelaki dan Perempuan yang berumur 12 tahun ke bawah yang mewakili sekolah-sekolah Arab, sekolah-sekolah agama dan Skim Khatam Al-Quran di bawah umur 10 tahun serta penuntut-penuntut

sekolah di bawah Kementerian Hal Ehwal Agama (KHEU) dan Kementerian Pendidikan termasuk institusi-institusi pengajian tinggi.

Hadir pada majlis berkenaan, Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Ketua Pegawai Agama Daerah Tutong, ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai kanan kerajaan, penghulu-penghulu mukim, ketua-ketua kampung, Ahli-ahli MPMK serta pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Daerah, pegawai-pegawai agama, bilal-bilal, dan ahli-ahli takmir masjid.



Majlis Pemantauan Memulakan Bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran Majlis Khatam Al-Quran 80 Kali Khatam Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung serta Penuntut-penuntut Sekolah Seluruh Negara

Daerah Belait

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Hernie Suliana Haji Othman



KUALA BELAIT, Khamis, 11 Jun. - Seramai 1,708 peserta mengambil bahagian dalam Majlis Pemantauan Memulakan Bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran Majlis Khatam Al-Quran 80 Kali Khatam bagi Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK) dan Penuntut-penuntut Sekolah Seluruh Negara sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-80 bagi Tahun 2026.

Majlis tersebut diadakan selepas

Sembahyang Fardu Asar Berjemaah bertempat di masjid-masjid terpilih di setiap daerah.

Bagi Daerah Belait, majlis berlangsung di Masjid Muhammad Jamalul Alam, Kuala Belait yang dihadiri oleh Setiausaha Tetap (Perbandaran dan Daerah), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Awang Abdul Walid bin Haji Matassan.

Atur cara dimulakan dengan Sembahyang Fardu Asar yang diimamkan oleh Imam Tingkat 3, Masjid Mohammad Jamalul Alam, Awang Haji Noor Azhar bin Haji Harith.



BAGI Daerah Belait, majlis berlangsung di Masjid Muhammad Jamalul Alam, Kuala Belait yang dihadiri oleh Setiausaha Tetap (Perbandaran dan Daerah), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (atas), manakala gambar kiri, antara pelajar yang menyertai majlis berkenaan.

Acara disusuli dengan bacaan surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Setiausaha Tetap (Perbandaran dan Daerah) KHEDN, diikuti dengan Majlis Membaca Ayat-ayat Suci Al-Quran beramai-ramai secara persendirian, sebelum diakhiri dengan bacaan Doa Selamat yang diketuai oleh Awang Haji Noor Azhar.

Para peserta pembacaan ayat-ayat suci Al-Quran di kesemua daerah terdiri daripada ahli-ahli MPMK, penuntut-penuntut sekolah serta institusi-institusi pengajian tinggi di keempat-empat

daerah mengikut kategori dewasa lelaki dan dewasa wanita; termasuk ahli-ahli Pertubuhan WARGAMAS serta belia dan beliawanis berumur 13 hingga 20 tahun yang terpilih dan mewakili mukim dan kampung masing-masing.

Penyertaan turut melibatkan penuntut-penuntut Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, sekolah-sekolah Arab serta Skim Tilawah Al-Quran remaja dan kanak-kanak lelaki dan perempuan yang berumur 12 tahun ke bawah yang mewakili sekolah-sekolah Arab, sekolah-sekolah agama dan Skim

Khatam Al-Quran di bawah umur 10 tahun; selain penuntut-penuntut sekolah di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Kementerian Pendidikan termasuk institusi-institusi pengajian tinggi.

Majlis Pemantauan Bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran berkenaan adalah kesinambungan daripada Majlis Pelancaran Memulakan Bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran Majlis Khatam Al-Quran 80 Kali Khatam yang diadakan pada Khamis, 13 Syawal 1447 Hijrah bersamaan 2 April 2026 lepas di masjid-masjid terpilih di setiap daerah.

Daerah Temburong

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



SETIAUSAHA Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam), Jabatan Perdana Menteri hadir selaku tetamu kehormat majlis (atas), manakala gambar kanan, antara yang hadir dan menyertai majlis berkenaan yang diadakan di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar.

TEMBURONG, Khamis, 11 Jun. - Kelancaran bacaan ayat suci Al-Quran bagi Majlis Khatam Al-Quran 80 Kali Khatam tidak ketinggalan juga dijalankan di bumi Permata Hijau bertempat di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar, hari ini.

Majlis Pemantauan Memulakan Bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran Majlis Khatam Al-Quran 80 Kali Khatam Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung dan Penuntut-penuntut Sekolah

Seluruh Negara itu diadakan sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-80 bagi Tahun 2026.

Sehubungan itu, pemantauan bacaan para peserta sendiri



disaksikan secara dekat oleh Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam), Jabatan Perdana Menteri, Awang Ajman bin Haji Meludin yang juga mengepalai bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai.

Juga hadir, Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Hassan Baha bin Haji Umar.

Para peserta yang mewakili Daerah Temburong pada tahun ini dicatatkan seramai 334 penyertaan yang terdiri daripada Majlis Perundingan Kampung (MPK),

iaitu 35 lelaki dewasa, 30 belia, 35 perempuan dewasa dan 30 beliawanis, manakala dari Kementerian Pendidikan seramai 45 lelaki dan 45 perempuan.

Sementara Kategori Kanak-kanak dari Jabatan Pengajian Islam diwakili seramai 52 lelaki dan 52 perempuan, manakala Pertubuhan WARGAMAS pula seramai 10 peserta, iaitu lima lelaki dan lima perempuan.

Terdahulu, Sembahyang Fardu Asar Berjemaah diimamkan oleh

Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Utama Mohammad Salleh Pekan Bangar, Awang Muhammad Syahmi bin Haji Zaini yang juga kemudiannya membacakan Doa Selamat.

Majlis Pemantauan Bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran berkenaan adalah kesinambungan daripada Majlis Pelancaran Memulakan Bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran Majlis Khatam Al-Quran 80 Kali Khatam yang telah dilancarkan April lalu di masjid-masjid terpilih di setiap daerah.

MAJLIS PECAH TANAH, DOA KESYUKURAN BAGI PEMBAIKAN, PENGGANTIAN TAPAK STESEN MINYAK

Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi



MUKIM LUMAPAS, Khamis, 11 Jun. - Stesen Minyak Koperasi Tasamul Mukim Lumapas Berhad yang sudah pun memulakan kerja-kerja pembaikan dan seterusnya penggantian kawasan tapak stesen berkenaan akan dijangka siap sepenuhnya nanti pada tahun hadapan.

Sehubungan itu, Majlis Pecah Tanah dan Doa Kesyukuran bagi pembaikan dan penggantian tapak Stesen Minyak Koperasi Tasamul Mukim Lumapas Berhad berlangsung hari ini di kawasan tapak stesen berkenaan, di sini.

Hadir pada majlis berkenaan, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara,

Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin, Penghulu Mukim Lumapas; Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, Ketua Kampung Putat; dan Yang Berhormat Awang Mohammad Ali bin Tanjong, Ketua Kampung Lumapas 'B'.

Juga hadir, ketua-ketua kampung di bawah Mukim Lumapas, Ahli-ahli Koperasi Tasamul Mukim Lumapas dan Syarikat RE Sdn.Bhd.

Menurut Pengerusi koperasi berkenaan, Awang Haji Jumat bin Akim, penutupan stesen minyak berkenaan antaranya disebabkan oleh keadaan struktur bangunan



YANG Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara hadir pada majlis berkenaan (atas), manakala gambar kiri, sekitar Majlis Pecah Tanah dan Doa Kesyukuran bagi pembaikan dan penggantian tapak Stesen Minyak Koperasi Tasamul Mukim Lumapas Berhad.

yang tidak stabil serta tangki minyak yang sudah berusia lebih 25 tahun dan dari itu, ia memerlukan penggantian kepada yang baharu.

Jelasnya, projek baik pulih dan penggantian bagi stesen berkenaan merupakan antaranya bagi keperluan penduduk dan masyarakat sekitar dan juga kepentingan pengguna kenderaan. Dengan beroperasinya semula stesen minyak berkenaan juga akan memberikan peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan nanti.

Sementara itu, Pengarah Urusan Syarikat RE Sdn. Bhd., Mejar (B) Mohd. Akhmalnizam bin Sulaiman yang merupakan kontraktor bertanggungjawab bagi projek berkenaan menyatakan bahawa insyaaAllah, kesiapan projek dijangka pada Mac tahun hadapan nanti.

Projek yang menelan perbelanjaan sebanyak BND360 ribu berkenaan jelasnya, merangkumi kerja-kerja utama seperti pembaikan struktur bangunan, penggantian tangki-tangki minyak, *dispensing*

point, serta penggantian baharu bagi paip-paip minyak dan kelengkapan-kelengkapan keselamatan stesen berkenaan.

Pada masa sekarang tambahnya lagi, pihaknya masih menunggu untuk tangki-tangki penyimpanan minyak yang dibekalkan dari pihak Brunei Shell Marketing Company (BSM) Sdn. Bhd.

Adapun penubuhan awal Stesen Minyak Koperasi Tasamul Mukim Lumapas Berhad bermula pada 1998 dan telah mula beroperasi sepenuhnya pada 4 Ogos 2000.

Festival Makanan Singapura 2026 dilancarkan



FESTIVAL Makanan Singapura 2026 dirasmikan oleh Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri, selaku tetamu kehormat serta Pengerusi RBC (atas dan atas kanan).

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 10 Jun. - Royal Brunei Culinary (RBC) dengan sokongan Suruhanjaya Tinggi Republik Singapura di Bandar Seri Begawan dan Lembaga Pelancongan Republik Singapura, melancarkan Festival Makanan Singapura 2026 bertempat di Restoran Anjung Saujana, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, di sini.

Festival Makanan Singapura 2026 tersebut dirasmikan oleh Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri,

Awang Haji Mohd. Yusree bin Haji Junaidi selaku tetamu kehormat serta Pengerusi RBC, bersama Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Yip Wei Kiat.

Turut hadir ialah Pengarah Eksekutif Asia Tenggara Lembaga Pelancongan Republik Singapura, Terrence Voon; serta ahli Lembaga Pengarah RBC, wakil daripada Suruhanjaya Tinggi Republik Singapura, Lembaga Pelancongan Republik Singapura, Baiduri Bank Berhad,

Old Chang Kee, pihak pengurusan RBC dan para tetamu jemputan.

Pengurus Besar RBC, Awang Haji Jeff Hadiman bin Dato Paduka Haji Danial dalam ucapan alu-aluannya menyatakan kepentingan acara tahunan ini kini telah berkembang menjadi salah satu acara utama RBC dan dinanti-nantikan ramai dalam kalendar makanan Brunei.

Kini mencecah edisi ke-17, festival ini ujarnya tetap menjadi wadah meraikan warisan makanan pelbagai budaya Republik Singapura, sekali gus membuktikan erat dan kukuhnya hubungan dua hala antara Negara Brunei Darussalam dan



Republik Singapura.

Sementara itu, Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura ke Negara Brunei Darussalam berkata makanan sentiasa menjadi sebahagian penting budaya kita di Republik Singapura mahupun Brunei.

Festival ini merayakan kekayaan dan kepelbagaian warisan masakan kita.

Daripada hidangan warisan penjaja sehinggalah kegemaran masyarakat peranakan, kami telah berkongsi rasa asli Republik Singapura bersama rakan-rakan di Brunei menerusi acara tahunan ini.

"Ia juga mencerminkan kemesraan dan keakraban kedua-dua negara. Kami menjemput rakyat Brunei untuk sama-sama merasai pelbagai rasa masakan Singapura - hasil

gabungan pelbagai budaya dan pengaruh serantau," tambahnya lagi.

Terdahulu pada tahun ini, RBC telah berpeluang mempamerkan masakan Brunei di Republik Singapura menerusi promosi 'Rasa Brunei' di Royal Plaza on Scotts, Republik Singapura.

Menyambung semangat pertukaran budaya ini, edisi kali ini turut menampilkan kerjasama istimewa dengan Old Chang Kee, salah satu jenama makanan tempatan Republik Singapura yang paling terkenal dan diminati ramai.

Pengunjung boleh menikmati sajian istimewa iaitu Bufet Makan Malam Singapura yang menampilkan lebih 70 jenis hidangan, diilhamkan daripada kekayaan warisan masakan pelbagai budaya negara tersebut.

MENGHAYATI HIJRAH, MEMPERBAHARUI MINDA

Khutbah Jumaat Negara Brunei Darussalam pada 26 Zulhijjah 1447H / 12 Jun 2026M



Sila Imbas Untuk Khutbah Lengkap

TAHUN BAHARU 1448 HIJRIAH

Peristiwa hijrah bukanlah sekadar perpindahan dari suatu tempat ke suatu tempat yang lain bahkan merupakan titik perubahan besar dalam sejarah Islam.

SETIAP MUSLIM HENDAKLAH SENTIASA MEMBUAT PERSEDIAAN DALAM PELBAGAI ASPEK KEHIDUPAN, ANTARANYA:

Memperkukuhkan
keimanan



Meningkatkan
daya tahan diri



Memperluas ilmu
pengetahuan



Memupuk semangat
juang dalam
mempertahankan
akidah dan agama



Maksudnya: Seorang Muslim itu ialah orang yang menyelamatkan saudara Muslim yang lain daripada kejahatan lidah dan tangannya. Dan seorang yang berhijrah ialah siapa yang berhijrah daripada perkara yang ditegah oleh Allah.” (Hadis riwayat Imam Bukhari)

Hadis ini menjelaskan bahawa hijrah yang perlu kita laksanakan secara berterusan ialah meninggalkan segala perkara yang dimurkai Allah SWT. Hijrah menuntut kesungguhan untuk memperbaiki diri. Antaranya daripada kelalaian kepada ketaatan, daripada sifat mementingkan diri sendiri kepada sikap bertanggungjawab serta daripada tutur kata yang menyakiti kepada perkataan yang membawa manfaat dan berbudi bahasa.

Bahagian Penyelidikan dan Perkembangan, Jabatan Hal Ehwal Masjid,
Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam



BERTAKWALAH kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar takwa iaitu dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Alhamdulillah, beberapa hari lagi kita akan melangkah ke Tahun Baharu 1448 Hijrah. Setiap kali tibanya bulan Muharam, ingatan kita pasti kembali kepada peristiwa agung penghijrahan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dari Mekah Al-Mukarramah ke Madinah Al-Munawarah. Peristiwa hijrah bukanlah sekadar perpindahan dari suatu tempat ke suatu tempat yang lain, bahkan merupakan titik perubahan besar dalam sejarah Islam.

Sejarah telah membuktikan bahawa peristiwa hijrah telah membuka lembaran yang sangat agung, bukan sahaja dalam perkembangan agama Islam, bahkan dalam sejarah tamadun manusia seluruhnya. Melalui hijrah, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah berjaya membentuk umat yang bersatu padu, saling bersaudara dan bekerjasama atas dasar iman. Masyarakat Madinah dibangunkan dengan berteraskan akidah yang kukuh, persaudaraan yang erat, keadilan, amanah serta sikap saling menghormati, daripada sinilah lahir sebuah tamadun yang menjadi contoh kepada umat manusia.

Namun, bagi kita pada hari ini, hijrah bukanlah sekadar memperingati perpindahan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dari Mekah Al-Mukarramah ke Madinah Al-Munawarah lebih daripada itu, hijrah hendaklah dihayati sebagai suatu dorongan untuk melakukan perubahan ke arah kebaikan dengan memperbaharui minda, memperbersihkan jiwa,

Menghayati hijrah, memperbaharui minda

memperbaiki akhlak dan meningkatkan ketaatan kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan melaksanakan segala perintah Allah Subhanahu Wata'ala serta meninggalkan segala larangan-Nya.

Kita hendaklah berhijrah daripada perkara yang kurang baik kepada yang baik, dan daripada yang baik kepada yang lebih baik, daripada sifat *mazmumah* kepada sifat *mahmudah*, agar kehidupan kita sentiasa berada di bawah rahmat dan keredaaan Allah Subhanahu Wata'ala. Daripada Abdullah bin Amru Radiallahuanhuma, daripada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Seorang Muslim itu ialah orang yang menyelamatkan saudara Muslim yang lain daripada kejahatan lidah dan tangannya. Dan seorang yang berhijrah ialah siapa yang berhijrah daripada perkara yang ditegah oleh Allah". (Hadis Riwayat Imam Bukhari)

Hadis ini menjelaskan bahawa hijrah yang perlu kita laksanakan secara berterusan ialah meninggalkan segala perkara yang dimurkai Allah Subhanahu Wata'ala. Hijrah menuntut kesungguhan untuk memperbaiki diri. Antaranya daripada kelalaian kepada ketaatan, daripada sifat mementingkan diri sendiri kepada sikap bertanggungjawab serta daripada tutur kata yang menyakiti kepada perkataan yang membawa manfaat dan berbudi bahasa.

Setiap Muslim hendaklah sentiasa membuat persediaan dalam pelbagai aspek kehidupan, antaranya memperkukuhkan keimanan, meningkatkan daya tahan diri, memperluas ilmu pengetahuan serta memupuk semangat juang dalam mempertahankan akidah dan agama. Islam tidak mengajar umatnya untuk hanya berpeluk tubuh dan menyerah kepada keadaan, sebaliknya Islam memerintahkan umatnya supaya sentiasa berusaha, berikhtiar dan berjuang ke arah kebaikan.

Melalui usaha dan kesungguhan tersebut, peningkatan dalam aspek keimanan, ilmu pengetahuan dan amalan akan terus berkembang. Inilah hakikat kemajuan yang sebenar iaitu hijrah yang membawa perubahan daripada keadaan yang kurang baik kepada yang lebih baik serta menjadikan seseorang itu lebih dekat kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Hijrah juga menuntut perubahan diri agar menjadi insan yang lebih beriman, berilmu dan berakhlak menurut ajaran Islam. Hijrah seperti inilah yang paling utama dan wajib diusahakan oleh setiap Muslim yang mukalaf. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Ar-Ra'd, ayat 11 :

Tafsirnya : "Bagi (setiap) manusia ada malaikat-malaikat silih berganti dari hadapannya dan dari belakangnya yang menjaganya atas perintah Allah. Sesungguhnya Allah tidak mengubah (keadaan) apa yang ada pada suatu kaum sehinggalah mereka mengubah (keadaan)

apa yang ada pada diri mereka sendiri. Dan apabila Allah menghendaki (untuk menimpakan) keburukan (azab) kepada suatu kaum maka tidak ada yang dapat menolaknya. Dan mereka tidak memperoleh pelindung selain daripada-Nya".

Ayat ini mengingatkan kita bahawa perubahan yang besar bermula daripada kesediaan untuk mengubah diri sendiri. Minda yang baik akan melahirkan pertimbangan yang bijaksana, hati yang bersih akan mendorong kepada amalan yang ikhlas dan akhlak yang mulia akan membawa kebaikan kepada masyarakat seluruhnya.

Dengan menjelang Tahun Baharu 1448 Hijrah ini, marilah kita menjadikan detik permulaan tahun baharu ini sebagai peluang untuk melakukan perubahan dalam diri melalui hijrah minda. Tahun yang silih berganti bukan sekadar pertukaran angka, bahkan ia merupakan peringatan bahawa masa terus berjalan dan usia kita semakin berkurang. Oleh itu, setiap peralihan tahun seharusnya menjadi saat untuk kita bermuhasabah, menilai diri dan bertanya kepada diri sendiri : Apakah perubahan yang telah kita lakukan untuk menjadi hamba Allah Subhanahu Wata'ala yang lebih baik daripada sebelumnya?

Jika pada zaman dahulu umat Islam berhadapan dengan cabaran dalam bentuk ancaman fizikal dan peperangan, pada hari ini cabaran yang kita hadapi semakin kompleks dan pelbagai. Kita bukan sahaja berdepan dengan cabaran fizikal, bahkan juga cabaran pemikiran, penyebaran fahaman yang mengelirukan, pengaruh budaya yang bercanggah dengan nilai-nilai Islam serta penggunaan teknologi tanpa batasan dan panduan yang betul.

Lebih membimbangkan lagi, tidak semua kandungan yang disebarkan melalui media dan teknologi membawa manfaat dan kebaikan. Maka dalam mengharungi lambakan maklumat ini, umat Islam hendaklah sentiasa berhati-hati dan penuh bijaksana kerana tidak semua perkara yang menarik perhatian wajar dipercayai dan tidak semua yang diterima wajar disebarkan. Jika tidak dipandu dengan ilmu, iman dan kebijaksanaan, seseorang akan mudah terpengaruh dan hanyut dibawa arus perkembangan yang tidak terkawal.

Oleh itu, marilah kita sentiasa mengamalkan sikap *tabayun* iaitu menyelidik dan memastikan kesahihan sesuatu maklumat sebelum dipercayai atau menyebarkannya, janganlah disebabkan oleh kecuaiannya menjadi penyebab tersebarinya fitnah yang boleh merosakkan keharmonian dan memudaratkan masyarakat. Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Sesungguhnya seorang

hamba mengucapkan perkataan tanpa difikirkan terlebih dahulu dan kerananya dia terjatuh ke dalam neraka sejauh antara Timur dan Barat". (Hadis Riwayat Imam Bukhari)

Gunakanlah media sosial dan teknologi sebagai medan untuk menyebarkan kebaikan, menyampaikan dakwah, berkongsi ilmu yang bermanfaat serta mengeratkan silaturahim sesama manusia. Janganlah pula kita menjadikannya sebagai tempat menyebarkan fitnah, mencetuskan permusuhan, membuka aib orang lain atau menghabiskan masa dengan perkara yang tidak mendatangkan manfaat. Setiap perkongsian, penulisan, komen dan tindakan yang kita lakukan di alam maya juga merupakan amanah yang tetap akan dipertanggungjawabkan di hadapan Allah Subhanahu Wata'ala.

Maka marilah kita berhijrah daripada sikap lalai kepada sikap yang lebih bertanggungjawab dan daripada menjadi pengguna teknologi yang leka kepada pengguna yang bijaksana. Sesungguhnya hijrah minda amat penting kerana setiap perubahan bermula daripada perubahan dalam pemikiran, hati dan jiwa. Apabila cara berfikir berubah ke arah yang lebih baik, sikap dan tindakan juga akan turut berubah, seterusnya membawa kebaikan kepada diri, keluarga dan masyarakat seluruhnya.

Jadikanlah kedatangan Tahun Baharu Hijrah ini sebagai peluang untuk menghayati semangat hijrah dan memperbaharui minda melalui muhasabah serta penilaian diri dengan penuh keinsafan. Renungilah kembali segala perbuatan, turut kata dan amalan yang telah kita lakukan di sepanjang perjalanan hidup ini, perbaikilah segala kelemahan, bertaubatlah daripada segala dosa dan kelalaian serta perbaharuilah azam untuk menjadi insan yang lebih baik.

Mudah-mudahan dengan semangat menghayati hijrah dan memperbaharui minda, hati kita menjadi semakin bersih, jiwa semakin tenang. Pemikiran semakin matang dan azam semakin teguh untuk melakukan perubahan ke arah kebaikan. Semoga kita semua diberikan kekuatan untuk terus berganding bahu dalam membangunkan agama, memajukan bangsa dan mensejahterakan negara serta sentiasa berada di bawah petunjuk dan rahmat Allah Subhanahu Wata'ala. Amin Ya Rabbal Alamin.

Tafsirnya : "Dan sesiapa yang berhijrah pada jalan Allah, nescaya dia akan mendapati di muka bumi ini tempat berhijrah yang luas dan rezeki yang banyak. Dan sesiapa keluar dari rumahnya dengan tujuan berhijrah kepada Allah dan rasul-Nya kemudian dia mati (dalam perjalanan), maka sesungguhnya telah tetap pahala (hijrahnya) di sisi Allah. Dan Allah adalah Maha Pengampun lagi Maha Pengasih". (Surah An-Nisa, ayat 100)

Pengemaskinian Alert List BDCB

Siaran Akhbar : Brunei Darussalam Central Bank

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 10 Jun. - Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai pengemaskinian Alert List BDCB.

Alert List BDCB merupakan senarai entiti-entiti, iaitu syarikat dan individu yang tidak dilesenkan, dibenarkan atau dikawal selia oleh BDCB. Alert List berkenaan dikeluarkan bagi meningkatkan kewaspadaan orang ramai dan mengelakkan salah tanggapan bahawa individu atau syarikat yang disenaraikan

adalah dilesenkan, dibenarkan atau dikawal selia oleh BDCB.

Senarai berkenaan adalah tanpa prejudis kepada sebarang penilaian lanjut oleh BDCB terhadap aktiviti-aktiviti entiti berkenaan.

BDCB juga ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa syarikat atau individu yang telah dimasukkan ke dalam Alert List BDCB ialah @jftiaracollection / Money Transfer by JFTIARA / +673 7159447 (kiriman wang); amalianaexpress_ / +673 7265791 (kiriman wang); shopwtammar /

+673 8369495 (kiriman wang); dan +673 8267784 (kiriman wang).

Alert List BDCB yang telah dikemaskinian boleh didapati di laman sesawang BDCB.

BDCB ingin menasihatkan kepada orang ramai supaya hanya berurusan dengan institusi-institusi kewangan yang berlesen dan seterusnya, untuk berwaspada terhadap syarikat atau individu tidak berlesen yang menjalankan atau menawarkan perkhidmatan kewangan.

Antara perkhidmatan-perkhidmatan kewangan di bawah bidang kuasa BDCB adalah pengiriman wang, penukaran

wang, pinjaman wang dan perkhidmatan pajak gadai. Orang ramai juga diingatkan bahawa perlindungan di bawah rangka kerja penyeliaan BDCB tidak dapat diberikan kepada sesiapa yang memilih untuk berurusan dengan syarikat atau individu yang tidak dilesen atau dikawal selia.

Orang ramai juga boleh melayari laman sesawang BDCB di www.bdcg.gov.bn atau Instagram BDCB @centralbank.brunei untuk maklumat lanjut mengenai bahaya entiti kewangan tidak berlesen serta cara-cara mengenal pasti

penipuan kewangan.

BDCB akan terus mementingkan kestabilan kewangan Negara Brunei Darussalam (NBD) dan mengutamakan perlindungan sistem kewangan dan kepentingan pengguna kewangan di NBD.

BDCB juga akan terus memantau sebarang aktiviti kewangan yang mencurigakan atau tidak berlesen di NBD.

Jika orang ramai mempunyai sebarang maklumat mengenai aktiviti kewangan yang mencurigakan atau tidak berlesen, sila hubungi BDCB melalui talian +673 238007 atau +673 8380007 atau e-emel fcf@bdcg.gov.bn atau Talian Bantuan Anti Penipuan 16993.

MENYOKONG USAHA LITERASI KEWANGAN KEBANGSAAN



MAJLIS Perasmian Cawangan Baharu Bank Baiduri di Amber Hills disempurnakan oleh Pengarah Urusan Brunei Darussalam Central Bank (BDCB), Dayang Hajah Rashidah binti Haji Sabtu (kiri dan kanan).

GADONG, Rabu, 10 Jun. – Bank Baiduri hari ini secara rasmi membuka cawangan baharunya di Amber Hills, sekali gus memperkukuhkan komitmennya untuk menjadikan perkhidmatan perbankan lebih mudah diakses dalam kawasan komersial yang sedang berkembang pesat, selain memperkenalkan Pusat Pinjaman Perumahan sebagai ciri utama cawangan tersebut.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Pengarah Urusan Brunei Darussalam Central Bank (BDCB), Dayang Hajah Rashidah binti Haji Sabtu, juga selaku Pengerusi Teras 3 Majlis Literasi Kewangan Kebangsaan (NFLC), dengan kehadiran wakil pengurusan dan kakitangan BDCB, ejen serta pemaju hartanah, dan para peniaga di kawasan berkenaan.

Cawangan Amber Hills mencerminkan pendekatan Bank Baiduri dalam membangunkan rangkaian fizikal yang berfungsi dan mudah diakses, dengan membawa perkhidmatan lebih dekat kepada pelanggan melalui lokasi yang strategik serta mempunyai hubungan yang baik.

Setiap cawangan Bank Baiduri direka dengan tujuan yang jelas, dan cawangan Amber Hills memberi tumpuan khusus kepada usaha menyokong perjalanan pemilikan rumah melalui Pusat Pinjaman Perumahan yang bersepadu.

Pusat Pinjaman Perumahan tersebut berfungsi sebagai ruang khusus yang membolehkan pelanggan mendapatkan bimbingan terancang daripada perunding gadai janji, meliputi aspek-aspek penting seperti kemampuan kewangan, struktur pembiayaan dan perancangan kewangan jangka panjang.

Ia juga merupakan lanjutan kepada usaha Pusat Kesejahteraan Kewangan Bank Baiduri yang bukan sahaja meningkatkan kesedaran kewangan, malah membantu pelanggan mencapai matlamat kehidupan sebenar.

Melalui kemudahan ini, pelanggan dapat meneroka pelbagai aspek perjalanan pemilikan rumah di satu lokasi, daripada idea dan pembangunan hartanah sehingga kepada pilihan pembiayaan, sekali gus mewujudkan pengalaman yang lebih menyeluruh dan lancar.

Dengan menggabungkan khidmat nasihat, pelbagai alat sokongan dan pandangan yang relevan, Bank Baiduri berhasrat membantu pelanggan membuat keputusan kewangan yang mampan dan memberi manfaat dalam jangka panjang.

Inisiatif ini turut menegaskan peranan Bank Baiduri dalam menyokong usaha literasi kewangan kebangsaan, selaras dengan agenda BDCB dan NFLC untuk menterjemahkan

pengetahuan kewangan kepada tindakan yang praktikal.

Pusat Pinjaman Perumahan itu juga menggabungkan elemen yang sejajar dengan inisiatif Baiduri Greenprint, khususnya di bawah teras Planet, dengan menggalakkan pertimbangan terhadap ciri-ciri rumah lestari seperti penyelesaian cekap tenaga dan integrasi tenaga solar sebagai sebahagian daripada proses membuat keputusan.

Ketua Pegawai Eksekutif Bank Baiduri, Ti Eng Hui, berkata: "Amber Hills merupakan hab komersial yang dinamik dan penting bagi kami untuk berada di lokasi di mana pelanggan kami sedang membina masa depan mereka. Cawangan ini direka untuk mudah diakses dan relevan dengan keperluan harian mereka".

Beliau menambah, "Salah satu ciri utama cawangan ini ialah Pusat Pinjaman Perumahan yang meneruskan usaha Pusat Kesejahteraan Kewangan kami dengan mengambil langkah seterusnya iaitu membantu pelanggan beralih daripada pemahaman kepada tindakan. Dengan menggabungkan panduan pembiayaan bersama pertimbangan pemilikan rumah yang lebih menyeluruh, kami berharap dapat membantu pelanggan mendekati pencapaian penting ini secara lebih praktikal dan bersepadu".

Pelancaran cawangan Amber Hills menandakan satu lagi langkah dalam evolusi Bank Baiduri ke arah model yang lebih berorientasikan khidmat nasihat dan berfokuskan pelanggan, dengan menghubungkan akses, bimbingan dan aspirasi dalam satu persekitaran yang menyeluruh.


Bersempena dengan pelancaran tersebut, Bank Baiduri menawarkan pakej promosi bagi Pinjaman Pemilikan Rumah dan Pinjaman Pelaburan Hartanah Kediaman, dengan kadar faedah efektif serendah 4% serta subsidi sehingga BND20,000.

Pelanggan juga berpeluang menikmati pulangan tunai

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Azmah Haji Ahad

sebanyak lima peratus apabila membelanjakan sekurang-kurangnya BND30 menggunakan Kad Bank Baiduri di premis-premis yang mengambil bahagian di Amber Hills, bermula dari 10 Jun hingga 9 Julai 2026.

Untuk maklumat lanjut mengenai cawangan, produk dan perkhidmatan Baiduri Bank, orang ramai boleh melayari laman sesawang rasmi Bank Baiduri, mengikut platform media sosialnya atau menghubungi Talian Bantuan Pelanggan 24 jam di +673 2449666.



Selamatkan Usus Awda.
Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.ppkk.gov.bn

*Sasaran pemeriksaan:
Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

PENGESANAN AWAL DAPAT MENYELAMAT NYAWA

Sambutan Hari Awda

Mendukung inisiatif pembangunan kemahiran, pendidikan OKU



Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 10 Jun. - Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam berbesar hati

menerima sumbangan yang amat bermakna daripada PAR Food & Beverage Sendirian Berhad pada

SUMBANGAN tersebut disampaikan oleh Pengurus Besar, PAR Food & Beverage Sdn. Bhd., Art Terrado kepada Pemegang Amanah Eksekutif Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Pengiran Datin Hajah Noraini binti Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Haji Abdul Momin.

acara bersempena Sambutan Hari Numerasi Pusat Ehsan yang berlangsung di Dewan Sebaguna, pusat berkenaan, di sini.

Sumbangan tersebut disampaikan oleh Pengurus Besar, PAR Food & Beverage Sdn. Bhd., Art Terrado kepada Pemegang Amanah Eksekutif Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Pengiran Datin Hajah Noraini binti Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Haji Abdul Momin.

Sumbangan berkenaan mencerminkan komitmen PAR Food & Beverage Sdn. Bhd. dalam menyokong inisiatif

kemasyarakatan serta menggalakkan peluang yang inklusif bagi kanak-kanak dan individu berkeupayaan berbeza, di samping akan dapat membantu Pusat Ehsan dalam usaha berterusannya menyediakan program pendidikan, pemulihan dan pembangunan yang berkualiti kepada para pelajar dan pelatihnya.

Majlis penyampaian sumbangan ini juga bertepatan dengan pembukaan cawangan baharu The Coffee Bean & Tea Leaf® Amber Hills di Batu Bersurat, yang menandakan satu lagi pencapaian penting dalam perkembangan syarikat serta penglibatannya yang berterusan bersama masyarakat setempat.

Melalui sumbangan yang bermakna ini, PAR Food & Beverage Sdn. Bhd. menunjukkan komitmennya terhadap tanggungjawab sosial korporat serta sokongannya kepada organisasi yang memberikan

impak positif kepada masyarakat.

Sambutan Hari Numerasi Pusat Ehsan bertujuan untuk menengahkan kepentingan kemahiran numerasi melalui aktiviti pembelajaran yang menarik dan inklusif bagi para pelajar, keluarga serta orang ramai.

Acara ini juga menjadi platform untuk meningkatkan kesedaran mengenai kebolehan dan pencapaian Orang Kelainan Upaya (OKU).

Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada PAR Food & Beverage Sdn. Bhd. atas kemurahan hati dan sokongan yang diberikan.

Kerjasama seumpama ini memainkan peranan penting dalam mengukuhkan hubungan komuniti serta memajukan misi pusat untuk memperkasa individu berkeupayaan berbeza agar dapat mencapai potensi mereka sepenuhnya.

PUPUK KESEDARAN, KEFAHAMAN MENGENAI ISU KESIHATAN MENTAL

Berita dan Foto :
Siti Rokiah Abdullah

TIMBALAN Setiausaha Tetap (Dasar dan Pengurusan), Kementerian Kesihatan hadir selaku tetamu kehormat majlis.

GADONG, Khamis, 11 Jun. - Seramai 30 orang ketua jabatan di bawah Kementerian Kesihatan telah menyertai Bengkel The Introduction to Mental Health First Aid (MHFA) anjuran Kementerian Kesihatan melalui kerjasama Jabatan Pentadbiran dan Kewangan serta Pusat Promosi Kesihatan.

Bengkel tersebut turut mendapat sokongan daripada Perkhidmatan Psikiatri dan Perkhidmatan Psikologi, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS), serta Bahagian Perkhidmatan Kaunseling, Jabatan Perkhidmatan Awam.

Bengkel selama dua hari berkenaan diadakan di The Centrepoin Hotel, Gadong dan bertujuan untuk meningkatkan kesedaran serta kefahaman mengenai isu-isu kesihatan mental, khususnya dalam konteks tempat kerja.

Sehubungan itu, Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil bagi bengkel berkenaan telah diadakan petang tadi dan disempurnakan oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Pengurusan), Kementerian Kesihatan, Pengiran Mohammad Khiruddin bin Pengiran Haji Yusoff, selaku tetamu kehormat majlis.



Bengkel tersebut merupakan inisiatif julung kali diadakan khusus bagi ketua-ketua jabatan di bawah Kementerian Kesihatan.

Ia dihasratkan untuk meningkatkan kepekaan, kesedaran dan kefahaman mengenai isu-isu kesihatan mental serta penyakit mental, khususnya dalam konteks tempat kerja.

Selain itu, bengkel tersebut juga bertujuan melengkapkan para peserta dengan pengetahuan dan kemahiran asas untuk mengenal pasti tanda-tanda awal masalah kesihatan mental, di samping memperkenalkan alat serta sumber sokongan yang boleh dimanfaatkan bagi mendapatkan bantuan dan intervensi awal yang bersesuaian.

Penganjuran bengkel ini turut diadakan bersempena Sambutan

World Day for Safety and Health at Work 2026 peringkat Kementerian Kesihatan.

Antara objektif utama bengkel ialah membantu mengurangkan stigma dan persepsi negatif yang sering dikaitkan dengan isu kesihatan mental di tempat kerja.

Pada masa yang sama, bengkel tersebut juga bertujuan menggalakkan pembentukan persekitaran kerja yang positif, saling menyokong dan selamat dari segi psikologi (*psychologically safe*).

TETAMU kehormat majlis semasa menyempurnakan penyampaian sijil.



Tingkatkan kefahaman tentang amalan pekerjaan inklusif



PENCERAMAH dari Yayasan Gamuda dan One-Two Boost dari Selangor Dredging Company, Yeong Moh Foong ketika berkongsi perspektif beliau (atas) dan Dato Sherlock Syn Lok Chin selaku Pengerusi Lembaga Pengarah La Vida Berhad semasa menyampaikan ucapan alu-aluannya (kanan), manakala gambar bawah kiri, antara hadirin pada forum berkenaan.




BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 11 Jun. - Dalam usaha untuk menggalakkan kesedaran, pemahaman dan tindakan yang lebih besar ke arah pekerjaan yang inklusif, dengan tumpuan untuk menyokong individu neurodivergen di tempat kerja, La Vida Berhad pada hari ini telah menganjurkan Forum Bridging Employment with Able Mindset (BEAM) yang mengambil tempat di Radisson Hotel, Bandar Seri Begawan, di sini.

Berita dan Foto : Ak. Mohd. Zaki Pg. Haji Kasharan

Dianjurkan dengan kerjasama Radisson Hotel, dan disokong oleh Bank Baiduri dan Program Ekonomi Brunei, forum berkenaan turut menampilkan penceramah daripada Yayasan Gamuda dan One-Two Boost dari Selangor Dredging Company iaitu Grace Gan Wei Cheng dan Yeong Moh Foong yang berkongsi perspektif berharga untuk mewujudkan tempat kerja yang lebih inklusif, mendukung dan mampan.

Hadir sama semasa acara berkenaan ialah Dato Sherlock Syn Lok Chin selaku Pengerusi Lembaga Pengarah La Vida Berhad yang turut berkesempatan menyampaikan ucapan alu-aluannya pada permulaan acara. Forum pada petang tadi itu telah menghimpunkan pihak-pihak berkepentingan utama, termasuk ibu bapa dan penjaga individu berkeperluan khas, majikan yang sedang mengambil atau berminat untuk mengambil bakat para individu neurodivergen, serta agensi kerajaan yang berkaitan, pertubuhan bukan kerajaan dan rakan kongsi komuniti.

Menerusi pandangan yang dikongsikan semasa forum



berkenaan, perbincangan praktikal dan pengalaman dunia sebenar, forum ini dapat memperdalam pemahaman tentang amalan pekerjaan inklusif dan meneroka cara tempat kerja boleh menyokong pekerja dan rakan sekerja neurodivergen dengan lebih baik. La Vida Berhad selaku penganjur acara juga berharap bahawa forum yang julung kalinya diadakan ini dapat membantu meningkatkan kesedaran tentang mewujudkan lebih banyak tempat kerja neuro-inklusif di Negara Brunei Darussalam dan pada masa yang sama boleh merapatkan lagi jurang yang diharapkan dapat menggalakkan pekerjaan yang lebih mampan bagi individu neurodivergen.

INTEGRASIKAN NILAI, ETIKA ISLAM DALAM PEMBELAJARAN REKA BENTUK LESTARI

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Mohammad Hasif Matzin



BRUNEI MYCE 2026
MID-YEAR CONFERENCE AND EXHIBITION

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 11 Jun. - Simposium Seni Bina Islam 2026 pagi tadi diteruskan dengan Sesi Panel Kedua bertemakan 'Kelestarian sebagai Amanah - Reframing Sustainability' yang berlangsung di Dewan Auditorium, Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB), di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi sesi panel kedua tersebut ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan), Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar.

Atur cara dimulakan dengan

bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Pegawai Eksekutif BKISHHB, Awang Muhammad Izzul Afifi bin Kifli.

Sesi berkenaan dikendalikan oleh Pengarah Akademi Pengajian Brunei, Universiti Brunei Darussalam (UBD), Dr. Abdul Hai bin Haji Julay selaku moderator.

Pembentangan pertama disampaikan oleh Dekan Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam, Universiti Sultan Sharif Ali (UNISSA), Profesor Madya Dr. Anis Malik Thoha menerusi tajuk 'Melangkaui Kelestarian: Rekonstruksi Paradigma Epistemologi Berteraskan Barakah dalam Seni Bina di Brunei Darussalam'.

Tajuk tersebut antara lain membincangkan mengenai pendekatan baharu dalam seni bina yang melangkaui konsep kelestarian biasa dengan

menggunakan konsep barakah dalam konteks Brunei Darussalam.

Pembentangan kedua bertajuk 'Islamic Architecture: Timeless Sustainability for Modern Design' disampaikan oleh Ketua Jawatankuasa Green and Sustainable Architecture, Institute of Architects PUJA Brunei (IAPB), Pertubuhan Ukur, Jurutera dan Arkitek (PUJA), Ar. Hajah Roswatinee binti Dato Paduka Haji Abdullah.

Dalam pembentangan itu, seni bina Islam menunjukkan bahawa kelestarian bukan konsep baharu tetapi asas reka bentuk yang menekankan keseimbangan, amanah dan keharmonian antara manusia, alam dan persekitaran.

Sepanjang sejarah, seni bina Islam tradisional menggunakan reka bentuk yang sesuai seperti laman dalam, skrin mashrabiya, menara angin, elemen air dan penggunaan bahan tempatan untuk meningkatkan keselesaan semula jadi serta mengurangkan penggunaan tenaga.

Sesi tersebut diakhiri dengan pembentangan bertajuk 'Integrating Islamic Value and Ethics into Sustainable Built Environment Education for Architecture Programmes in Brunei Darussalam' oleh Penolong Profesor Universiti Teknologi Brunei (UTB), Dr. Zulkefle bin Ismail.

Pembentangan ini antara lain menyorot satu kerangka pendidikan yang dilaksanakan dalam Program Seni Bina di UTB yang mengintegrasikan nilai dan etika Islam dalam pembelajaran reka bentuk lestari.

Kerangka berkenaan



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan), Kementerian Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat pada sesi panel kedua berkenaan (atas). Manakala gambar kiri, sesi berkenaan dikendalikan oleh Pengarah Akademi Pengajian Brunei, Universiti Brunei Darussalam, Dr. Abdul Hai bin Haji Julay selaku moderator.

dirangka beraskan prinsip khalifah yang menekankan amanah sebagai penjaga alam sekitar, amanah dalam setiap keputusan reka bentuk, wasatiyyah yang menekankan keseimbangan dan kecekapan sumber; ihsan dalam mencapai kecemerlangan reka bentuk, masalah yang mengutamakan kesejahteraan komuniti, serta hifz al-bi'ah iaitu perlindungan terhadap alam sekitar.

Sesi panel berkenaan membuka ruang soal jawab yang memberi peluang kepada para peserta untuk berinteraksi secara langsung dengan ahli panel serta bertukar pandangan mengenai tema yang dibincangkan.

Simposium Seni Bina Islam 2026 yang bertemakan 'Barakah Dalam Bangunan: Amalan Seni Bina dan Kelestarian di Negara Brunei Darussalam' itu

berlangsung selama empat hari, kecuali hari Jumaat, bermula 10 hingga 14 Jun 2026.

Program tersebut dianjurkan bersama oleh BKISHHB dan Kementerian Pembangunan serta diadakan bersempena Pameran dan Persidangan Pertengahan Tahun Brunei 2026 (MYCE 2026).

Antara objektif simposium berkenaan adalah untuk menghimpunkan arkitek, cendekiawan, ahli profesional, ekspatriat, pelajar dan pihak berkepentingan sebagai platform perkongsian ilmu mengenai seni bina Islam sebagai pendekatan yang menggabungkan nilai estetika, etika, inovasi hijau dan falsafah Melayu Islam Beraja (MIB), di samping memelihara kelestarian alam sekitar serta identiti budaya dan warisan masyarakat Negara Brunei Darussalam.

Pelihara kelestarian alam sekitar, identiti budaya warisan negara

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Muhammad Asri Awang Haji Abas



BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 11 Jun. - Simposium Seni Bina Islam 2026 meneruskan sesi panel ketiga dan terakhir, menampilkan Arkitek dari Jabatan Perkhidmatan Teknikal, Jabatan Kerja Raya, Ar. Hajah Hafizah binti Dato Paduka Haji Mohd. Nor selaku moderator.

Hadir bagi sesi panel ketiga ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan, Awang Aliudin bin Haji Abdul Rahman.

Sesi panel ketiga menampilkan pembentang pertama Pemangku Pengarah

Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri dengan tajuk 'Seni Bina Islam dan Garis Panduan Pembinaan Masjid-masjid di Negara Brunei Darussalam'.

Seterusnya pembentang kedua, Profesor Dr. Ooi Keat Gin dari Akademi Pengajian Brunei, Universiti Brunei Darussalam yang menyampaikan pembentangan bertajuk 'Abdel-Wahed El-Wakil and Chien Chung (Didi) Pei and Brunei Architecture Showcasing the Confluence of Heritage, National Identity, and Sustainable Communal

TIMBALAN Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan hadir bagi sesi panel ketiga tersebut (kanan).

Well-being'.

Pembentangan terakhir disampaikan oleh Ar. Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abdul Rahman dari Syarikat Eco Bumi and Partners dengan tajuknya 'From Vision to Legacy - Designing Sacred Spaces'.

Sesi panel ketiga membuka ruang sesi soal jawab memberikan peluang kepada para peserta untuk berinteraksi dan bertukar pandangan secara langsung bersama ahli-ahli panel mengenai tema yang dibincangkan.

Objektif simposium berkenaan diadakan sebagai platform anjuran Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah dengan Kerjasama Kementerian Pembangunan menghimpunkan para arkitek, cendekiawan, ahli profesional, ekspatriat, pelajar dan pihak berkepentingan.

Dalam masa yang sama, ia bertujuan untuk berkongsi ilmu mengenai seni bina Islam sebagai satu pendekatan yang menggabungkan nilai estetik,



PARA pembentang sesi panel ketiga yang dikendalikan oleh Arkitek dari Jabatan Perkhidmatan Teknikal, Jabatan Kerja Raya, Ar. Hajah Hafizah binti Dato Paduka Haji Mohd. Nor selaku moderator (atas kiri). Sementara gambar kanan, sebahagian daripada yang hadir pada sesi panel tersebut.

etika, inovasi hijau, dan Falsafah Melayu Islam Beraja (MIB), di samping memelihara kelestarian

alam sekitar serta identiti budaya warisan masyarakat Negara Brunei Darussalam.

MAHASISWA INDONESIA JAYAKAN KHIDMAT MASYARAKAT DI KAMPUNG KERIAM



ROMBONGAN berkesempatan beramah mesra bersama Pemangku Pegawai Daerah Tutong (kiri), manakala gambar kanan, seramai 48 peserta daripada Program Pascasarjana Teknologi Pendidikan, Universiti PGRI Adi Buana Surabaya, Indonesia mengadakan lawatan khidmat masyarakat ke Kampung Keriam.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Ihsan Majlis Perundingan Kampung Keriam

KERIAM, Jumaat, 12 Jun. - Semangat kesukarelawanan dan keprihatinan terhadap masyarakat terserlah apabila seramai 48 peserta daripada Program Pascasarjana Teknologi Pendidikan, Universiti PGRI Adi Buana Surabaya, Indonesia telah mengadakan lawatan khidmat masyarakat ke Kampung Keriam, di sini.

Program yang merupakan sebahagian daripada lawatan akademik dan kemasyarakatan mereka ke Negara Brunei Darussalam (NBD) itu bertujuan memperkukuhkan hubungan antara institusi pendidikan dan komuniti setempat, di samping memupuk nilai tanggungjawab

sosial dalam kalangan peserta.

Ketibaan rombongan yang diketuai oleh Dr. Ruffi'i, S.Si., ST., M.Pd., selaku Direktur Program Pascasarjana Prodi Teknologi Pendidikan Universiti PGRI Adi Buana Surabaya, telah dialu-alukan oleh Ketua Kampung Keriam, Awang Haji Bahrin bin Haji Bolhassan bersama Ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung (MPK) Keriam serta Ahli Jawatankuasa Takmir (AJKT) Masjid Kampung Keriam di Masjid Kampung Keriam.

Majlis dimulakan dengan sesi bergambar ramai sebelum diteruskan dengan ucapan alu-aluan dan taklimat ringkas oleh Awang Haji Bahrin mengenai

sejarah, perkembangan serta pelbagai aktiviti kemasyarakatan yang dilaksanakan di Kampung Keriam.

Bagi menjayakan program khidmat masyarakat tersebut, para peserta dibahagikan kepada dua kumpulan. Kumpulan pertama melaksanakan kerja-kerja pembersihan di kawasan Masjid Kampung Keriam, manakala kumpulan kedua mengadakan lawatan kebajikan ke kediaman seorang penduduk Orang Kelainan Upaya (OKU) iaitu Dayang Halimah binti Apong dengan menjalankan aktiviti membersihkan kawasan persekitaran rumah Dayang Halimah.

Rombongan juga berkesempatan beramah mesra bersama Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji

Mohammad Sofian bin Haji Basri di kediamannya dan juga menyaksikan persembahan berbentuk kebudayaan dan kemudiannya menerima cenderahati daripada Awang Haji Mohammad Sofian dan pihak MPK berkenaan.

Aktiviti yang dijalankan bukan sahaja membantu meningkatkan kebersihan persekitaran, malah menjadi wadah untuk memupuk nilai empati, kerjasama dan semangat gotong-royong dalam kalangan peserta serta masyarakat setempat.

Dr. Ruffi'i merakamkan penghargaan atas layanan mesra dan kerjasama yang diberikan oleh penduduk Kampung Keriam sepanjang program berlangsung. Beliau turut menyifatkan pengalaman tersebut sebagai

platform berharga untuk para peserta memahami budaya masyarakat setempat dan menghayati kepentingan khidmat sosial.

Sementara itu, Awang Haji Bahrin juga menzahirkan penghargaan kepada pihak Universiti PGRI Adi Buana Surabaya kerana memilih Kampung Keriam sebagai lokasi program dan berharap hubungan persahabatan dan kerjasama yang terjalin melalui program tersebut akan terus diperkukuhkan pada masa hadapan.

Turut hadir menjayakan program berkenaan ialah Ahli-ahli MPK Keriam, AJKT Masjid Kampung Keriam serta penduduk kampung yang bersama-sama memberikan sokongan padu terhadap pelaksanaan aktiviti tersebut.



MAJLIS Penutup yang menyaksikan pembentangan Resolusi Simposium Seni Bina Islam 2026.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Awang Haji Sulaiman
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 11 Jun. - Simposium Seni Bina Islam 2026 yang dianjurkan oleh Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB) dengan kerjasama Kementerian Pembangunan berakhir dengan Majlis Penutup yang menyaksikan pembentangan Resolusi Simposium Seni Bina Islam 2026.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pemangku Timbalan Pengarah BKISHHB, Dayang Hajah Nur Kamillah binti Haji Ismail selaku Pemangku

Pengerusi Bersama Simposium Seni Bina Islam 2026.

Pembentangan Resolusi Simposium Seni Bina 2026 disampaikan oleh Arkitek Jabatan Perkhidmatan Teknikal dari Jabatan Kerja Raya, Ar. Hajah Hafizah binti Dato Paduka Haji Mohd. Nor.

Dalam pembentangannya, beliau mengongsikan bahawa simposium berkenaan telah merumuskan sebanyak 10 resolusi, iaitu memperkukuh identiti Islam-Brunei dengan cara

Simposium Seni Bina Islam 2026 Iakar 10 resolusi perkukuh identiti, kelestarian

menegaskan seni bina Islam sebagai manifestasi falsafah Melayu Islam Beraja (MIB) dan Maqasid Syariah; menjadikan konsep barakah sebagai paradigma utama dalam reka bentuk, melangkaui kelestarian konvensional dengan dimensi spiritual, moral dan sosial serta mengintegrasikan nilai reka bentuk Islam dengan teknologi moden untuk menghasilkan seni bina dan bentuk rekaan seperti cekap tenaga dan berprinsip kesederhanaan.

Juga termasuk dalam resolusi ialah memperkukuh kurikulum institut pengering tinggi di Negara Brunei Darussalam (NBD) mengikut enam prinsip Islam (Khalifah, Amanah, Wasatiyyah, Ihsan, Maslahah, Hifz al-Bi'ah) bagi melahirkan arkitek beretika dan bertanggungjawab; memastikan pembinaan masjid menepati syarak dan standard teknikal supaya selamat, sesuai digunakan, dan kekal sebagai mercu tanda Islam; dan melaksanakan garis panduan Different Abilities Design Guidelines (2018) secara berterusan bagi memastikan bangunan dan ruang awam mudah digunakan oleh semua golongan termasuk warga emas dan orang berkeupayaan berbeza sebagai

bukti kasih sayang dan manfaat bersama dalam Islam.

Di samping itu, memelihara warisan dan kelestarian dengan menjadikan bangunan ikonik seperti BKISHHB dan Masjid Ash-Shaliheen sebagai contoh keseimbangan antara warisan budaya dan kelestarian moden; menguatkan peranan masjid sebagai pusat pendidikan, kebajikan sosial, refleksi rohani dan kelestarian alam, bukan sekadar tempat ibadah; menggalakkan kolaborasi antara kerajaan, institusi akademik, arkitek dan masyarakat untuk bekerjasama menyayur seni bina Islam bukan sahaja kekal indah, tetapi juga relevan dan berfungsi dalam kehidupan moden; dan menyokong Wawasan Brunei 2035 dengan menjadikan seni bina Islam sebagai tonggak pembangunan bersepadu yang menyumbang kepada matlamat nasional dan Sustainable Development Goals (SDGs) global.

Acara diteruskan dengan penyerahan Resolusi Simposium kepada tetamu kehormat majlis diikuti dengan penyampaian sijil penghargaan kepada seramai 121 peserta Simposium Seni Bina Islam 2026.

Simposium Seni Bina Islam

BRUNEI 2026
MID-YEAR CONFERENCE AND EXHIBITION
MYCE 2026

2026 berlangsung selama empat hari kecuali Jumaat dari 10 hingga 14 Jun 2026.

Pembentangan simposium telah berlangsung selama dua hari, iaitu pada 10 hingga 11 Jun 2026 dengan sebanyak 10 pembentangan kertas kerja dan satu pembentangan ucapan telah diperdengarkan.

Bertemakan 'Barakah Dalam Bangunan: Amalan Seni Bina dan Kelestarian di NBD', acara berkenaan merupakan sebahagian daripada pengisian bersempena Persidangan dan Pameran Pertengahan Tahun Brunei 2026 (Brunei Mid-Year Conference and Exhibition 2026 - MYCE 2026).

Bagi menyemarakkan lagi simposium berkenaan, acara turut diserikan dengan pelbagai pameran interaktif aktiviti-aktiviti kesenian yang dipamerkan oleh agensi kerajaan, institusi pendidikan tinggi, badan profesional, institusi kewangan serta misi diplomatik ke NBD.

SEMAI MINAT MEMBACA, MENINGKATKAN TAHAP LITERASI



PEMANGKU Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Awang Suip bin Haji Abdul Wahab hadir selaku tetamu khas majlis.

KAMPUNG LAMBAK KIRI, Rabu, 10 Jun. - Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) melalui Bahagian Perpustakaan mengadakan Majlis Pelancaran Perkhidmatan Perpustakaan Bergerak di Sekolah Rendah Dato Othman, Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) Kampung Lambak Kiri, pagi tadi.

Hadir selaku tetamu khas dan seterusnya menyempurnakan pelancaran tersebut ialah Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Awang Suip bin Haji Abdul Wahab.

Perpustakaan merupakan institusi penting dalam pembudayaan ilmu serta menyokong pembangunan masyarakat berinformasi dan berdaya saing. Namun, tidak semua lapisan masyarakat mempunyai akses kepada kemudahan perpustakaan fizikal, khususnya mereka yang tinggal di kawasan pedalaman atau menghadapi kekangan untuk berkunjung ke perpustakaan.

Sehubungan itu, Perkhidmatan Perpustakaan Bergerak

Oleh : Nurdiyanah Rajami
Foto : Nurdiyanah Rajami,
Ihsan Dewan Bahasa dan Pustaka

diperkenalkan sebagai inisiatif bagi merapatkan jurang akses maklumat dan bahan bacaan kepada masyarakat secara lebih menyeluruh. Perkhidmatan ini memainkan peranan penting dalam menyemai minat membaca, meningkatkan tahap literasi serta menyediakan sumber rujukan kepada semua peringkat umur.

Dengan pendekatan yang lebih fleksibel dan proaktif, perpustakaan bergerak mampu mendekati komuniti secara langsung.

Setakat ini, Perkhidmatan Perpustakaan Bergerak Dewan Bahasa dan Pustaka mempunyai sebanyak 78 buah pusat perhentian terdiri daripada sekolah kerajaan, sekolah swasta dan sekolah agama di Daerah Brunei dan Muara melalui jadual lawatan yang telah ditetapkan.

Inisiatif ini bukan sahaja membantu meningkatkan akses kepada ilmu pengetahuan, malah turut menyokong usaha kerajaan dalam membina masyarakat yang berilmu, celik maklumat dan berbudaya membaca.

Turut dilancarkan ialah Program Bestari Readers sempena Hari Buku Sedunia 2026 anjuran sekolah berkenaan.

Meningkatkan kesedaran undang-undang persaingan sektor pembuatan, hiliran

Siaran Akhbar dan Foto : Suruhanjaya Persaingan Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 11 Jun. - Suruhanjaya Persaingan Brunei Darussalam (CCBD), melalui Sekretariat Eksekutif CCBD telah mengadakan satu sesi advokasi mengenai Akta Persaingan, Penggal 253, bersama Brunei Fertiliser Industries Sdn. Bhd. (BFI) pada 26 Mei 2026.

Sesi berkenaan merupakan sebahagian daripada usaha berterusan CCBD dalam memperkukuh interaksi dengan pemain-pemain industri utama yang beroperasi di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Sesi berkenaan telah dihadiri oleh lebih daripada 30 kakitangan BFI yang mencerminkan langkah strategik CCBD dalam meningkatkan kesedaran mengenai undang-undang persaingan dalam kalangan perniagaan di sektor pembuatan dan hiliran, serta pematuhan terhadap akta berkenaan adalah penting bagi melindungi pasaran yang adil dan cekap.

Pada sesi berkenaan, pegawai-pegawai daripada Sekretariat Eksekutif CCBD telah menyampaikan ringkasan keseluruhan mengenai Akta Persaingan, Penggal 253, termasuk tiga larangan utama, iaitu perjanjian anti-persaingan, penyalahgunaan kedudukan dominan serta penggabungan yang menyebabkan pengurangan persaingan dengan ketara.

Sesi berkenaan turut membincangkan pertimbangan pematuhan praktikal yang berkaitan dengan perniagaan industri, seperti risiko yang berkaitan dengan pertukaran maklumat antara pesaing, *vertical supply arrangements* serta tindakan oleh syarikat yang memegang kuasa pasaran yang ketara.

Sekretariat Eksekutif CCBD turut menekankan bahawa pematuhan terhadap Akta Persaingan merupakan tanggungjawab bersama antara pihak pengawal selia dan komuniti perniagaan, serta menegaskan semula komitmen CCBD untuk bekerjasama rapat dengan industri bagi memupuk budaya pematuhan yang menyokong daya saing dan inovasi jangka panjang di NBD.

Sesi berkenaan turut merangkumi Regim Kelonggaran (Leniency Regime) CCBD. Di bawah regim berkenaan, mana-mana individu atau syarikat yang terlibat dalam aktiviti ekonomi yang tampil ke hadapan dengan maklumat berhubung amalan kartel mungkin diberikan kekebalan atau pengurangan penalti kewangan, tertakluk kepada syarat-syarat yang dinyatakan dalam garis panduan regim kelonggaran (Guidelines on Leniency) CCBD.

Para peserta juga disarankan untuk merujuk kepada garis panduan-garis panduan CCBD yang diterbitkan di laman sesawang CCBD bagi rujukan lanjut mengenai pelaksanaan Akta Persaingan.

Menerusi inisiatif sebegini, CCBD akan terus menggalakkan manfaat persaingan yang adil serta memupuk budaya pematuhan di NBD, selaras dengan matlamat Wawasan Brunei 2035 untuk membina ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan.



SESI advokasi mengenai Akta Persaingan, Penggal 253, bersama Brunei Fertiliser Industries Sdn. Bhd.

Peluang sertai Kempen Derma Darah

Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 11 Jun. - Pusat Pendermaan Darah di Jabatan Perkhidmatan Makmal, Kementerian Kesihatan, akan mengadakan Kempen Derma Darah sempena Hari Penderma Darah Sedunia Tahun 2026.

Kempen berkenaan akan diadakan pada Sabtu, 13 Jun 2026, jam 8.00 pagi hingga 11.00 pagi dan 1.00 petang hingga 3.00 petang; dan pada Isnin, 15 Jun 2026, jam 8.00 pagi hingga 11.00 pagi dan 1.00 petang hingga 3.00 petang, bertempat di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, Commonwealth Drive, Jalan Perdana Menteri.

Orang ramai adalah diseru untuk menyertai kempen berkenaan dan sekali gus menderma darah bagi sama-sama membantu meningkatkan bekalan darah di negara ini.

Sementara itu untuk makluman orang ramai, Pusat Pendermaan Darah di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) akan ditutup pada dua hari berkenaan. Individu yang ingin menderma darah dinasihatkan untuk menyertai Kempen Derma Darah di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan pada waktu yang ditetapkan atau berkunjung ke tabung-tabung darah di hospital-hospital daerah.

61 peserta sertai Kursus Kepimpinan Pandu Puteri 2026



Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah

ANGGEREK DESA, Rabu, 10 Jun. - Seramai 61 peserta terdiri daripada 23 pelajar Pusat Tingkatan Enam dan institusi pengajian tinggi, bersama 38 guru pengawas, telah menyertai Kursus Kepimpinan Pandu Puteri 2026 yang berlangsung selama dua hari di Ibu Pejabat Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam (PPPBD), Kampung Anggerek Desa, di sini.

Kursus kepimpinan berkenaan menghimpunkan para peserta yang terdiri daripada Pemimpin Pandu Puteri Tunas, Pandu Puteri, Pemimpin Muda serta Pandu Puteri Renjer.

Program tersebut dianjurkan oleh Bahagian Beruniform dan Perkhidmatan, Jabatan Pendidikan

Kokurikulum, Kementerian Pendidikan dengan kerjasama PPPBD.

Majlis penutup kursus berkenaan diadakan petang tadi dan disempurnakan oleh Ketua Pesuruhjaya PPPBD, Dayang Norazrina binti Haji Sarbini selaku tetamu kehormat.

Beliau turut menyampaikan sijil penyertaan kepada para peserta kursus.

Semasa menyampaikan ucapan, Ketua Fasilitator, Dayang Hajah Siti Afsah binti Haji Matassan menjelaskan bahawa program kepimpinan tersebut menjadi wadah penting dalam memperkukuh pemahaman peserta terhadap peranan dan program yang dilaksanakan oleh

KETUA Pesuruhjaya Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam, Dayang Norazrina binti Haji Sarbini hadir selaku tetamu kehormat serta menyampaikan sijil penyertaan kepada para peserta kursus.

PPPBD.

Menurut beliau, selain mengasah bakat serta kemahiran kepimpinan, program itu turut memberi penekanan kepada pengurusan aktiviti, penghayatan Lencana Pencapaian serta pemahaman terhadap sistem 3PeK dalam Program Sahsiah Pelajar (PSP).

Beliau turut menambah bahawa program berkenaan selaras dengan visi dan misi persatuan untuk melahirkan kanak-kanak perempuan dan wanita muda yang berkeyakinan, berani serta mampu menjadi agen perubahan dalam masyarakat.

"Peserta bukan sahaja dibentuk untuk aktif dalam persatuan, malah turut diterapkan dengan nilai integriti, semangat kesukarelawanan dan tanggungjawab," jelas beliau lagi.

Kursus tersebut diadakan sebagai sebahagian daripada Program Pembangunan Profesional yang disasarkan kepada Pemimpin Dewasa iaitu guru-guru pengawas, Pemimpin Muda daripada institusi pengajian tinggi, Pandu Puteri Renjer dari Pusat Tingkatan Enam serta guru-guru yang berminat menubuhkan pasukan Pandu Puteri di sekolah masing-masing.



**JABATAN DAERAH TUTONG
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Jawatan Kosong Sebagai

**Ketua Kampung Tingkat I
PMKK.3
(BND2,270 - BND4,240)**

Atau

**Ketua Kampung Tingkat II
PMKK.2
(BND1,990 - BND2,970)**

Atau

**Ketua Kampung Tingkat III
PMKK.1
(BND1,280 - BND2,270)**

bagi

Daerah Tutong

1. Kampung Merimbun, Mukim Rambai
2. Rancangan Perumahan Negara Bukit Beruang Kawasan 2, Mukim Telisai
3. Rancangan Perumahan Negara Bukit Beruang Kawasan 4, Mukim Telisai
4. Kampung Bukit Sulang, Menengah dan Panchong, Mukim Lamunin
5. Kampung Sinaut dan Sungai Kelugos, Mukim Keriam

Adalah dimaklumkan bahawa Jabatan Daerah Tutong, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dengan sukacitanya mempelawa dan menjemput penduduk-penduduk yang bermastautin di kampung yang tersenarai di atas bagi untuk menghadapi pencalonan bagi mengisikan jawatan sebagai Ketua-Ketua Kampung.

**Tatacara Menghadapkan
Borang Pencalonan:**

**Keterangan lanjut dan borang pencalonan boleh didapati dan dikembalikan ke alamat seperti berikut:-
Bahagian Institusi Mukim dan Kampung
Jabatan Daerah Tutong
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri
Negara Brunei Darussalam**

Tarikh Tutup mengembalikan borang pencalonan adalah pada
**Selasa,
30 Jun 2026
jam 4.00 petang.**

Sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi melalui talian 4222491 sambungan 110 / 111 atau alamat e-mel kepada imk.jdt@tutong.gov.bn



KEMENTERIAN PERTAHANAN

Rujukan Bilangan dan Tajuk Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2026 / NAU / LOG / TA / 1002
Pembelian Cargo Towing Tractor Bagi Unit 35 Skuadron Cawangan No.3 Tentera Udara Diraja Brunei

Yuran Tawaran:
BND50.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah **seminggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu Selasa, 7 Julai 2026.**

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
21 Julai 2026
2.00 Petang



**JABATAN DAERAH
BRUNEI DAN MUARA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Bilangan Tawaran:
JDBM / LTN- 001 / 2026

Tawaran:
Menaik Taraf Jambatan Kayu Sepanjang 1.750 Kilometer Kepada Tiang Dan Pak Konkrit Serta Lantai Dan Gelagar Kayu Bertempat Mukim Burong Pingai Ayer, Mukim Kota Batu Dan Mukim Sungai Kebun Untuk Tempoh Empat (4) Tahun, Negara Brunei Darussalam.

Bilangan Tawaran:
JDBM / LTN - 002 / 2026

Tawaran:
Menaik Taraf Jambatan Kayu Sepanjang 1.137 Kilometer Kepada Tiang Dan Pak Konkrit Serta Lantai Dan Gelagar Kayu Bertempat Mukim Saba Untuk Tempoh Empat (4) Tahun, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Tutup:
Isnin, 15 Jun 2026



Rujukan Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2026 / ITAU / TA / PEN / 002
(JPPK/LTK/15/2026)

Proposed Construction For Fencing Enclosing The Gaps To The Existing Perimeter Fencing, Special Force Regiment, Penanjong Garrison.

Kelas:
III dan Ke Atas

Kategori:
KA01 dan B01

Tempoh Penyiapan Kerja :
Enam (06) Bulan

Yuran Tawaran :
BND 30.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah **seminggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu Selasa, 7 Julai 2026.**

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
14 Julai 2026
Jam 2.00 Petang



**JABATAN ADAT
ISTIADAT NEGARA
JABATAN PERDANA MENTERI**

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
JAIN / 11 / 2011 – 2026
Membekalkan Lambang Kerusi Peribadi Kerabat Diraja Jabatan Adat Istiadat Negara

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
JAIN / 8 / 2001 / II
- (01/2026)
Pembaikan Pencetak Lexmark CS923DE Jabatan Adat Istiadat Negara



**JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PERDANA MENTERI**

Bilangan dan Tajuk Tawaran
JPE / LTK / PSP / 006 / 2026
Infrastruktur Luaran Bagi Kawasan Industri Tanjong Kajar, Kampong Tanah Jambu

Harga Dokumen:
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)

Kelayakan:
Mempunyai Pendaftaran Syarikat Dengan Kementerian Pembangunan Dalam Kelas IV, V Atau VI Sahaja
Dalam Kategori E03 Dan Mempunyai Pekerja Yang Berdaftar Dengan JPE Dalam Kategori E03

Tempat Tutup:
Peti Tawaran,
Pengerusi,
Lembaga Tawaran Kecil,
Jabatan Perdana Menteri,
Lobi Utama, Aras 1,
Bangunan Jabatan Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan, BB3913
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 23 Jun 2026
Jam 2.00 Petang



Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
JAIN / 8 / 2001 / II
Pembekalan Barangan Pencetak Lexmark Jabatan Adat Istiadat Negara

Tarikh Tutup / Jam:
Selasa,
23 Jun 2026
Jam 9.00 Pagi

Tempat Menghantar Sebut Harga:
Peti Sebut Harga,
Jabatan Adat Istiadat Negara,
Bandar Seri Begawan BA8610,
Negara Brunei Darussalam.



Lanjutan Iklan Tawaran

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / JAN / 109 / 2025

Tajuk Tawaran:
Request For Quotation - Provision Of Emergency Backup Power Supply At Belingus Power Station And Other Potential Alternate DES Sites On A Turnkey Basis For A Period Of Two (2) Years

Tarikh Tutup:
Selasa,
23 Jun 2026
Jam 2.00 Petang



JABATAN PERDANA MENTERI

**Jabatan Perkhidmatan
Pengurusan
Jabatan Perdana Menteri**

Bilangan Rujukan dan Tajuk Sebut Harga:
JPP / 1 / 3 / 16 / 1 / 26-27
Penerbitan Video dan Grafik bagi Pengurniaan Anugerah Inovasi Perdana sempena Hari Perkhidmatan Awam Ke-33, Tahun 2026

Bilangan Rujukan dan Tajuk Sebut Harga:
JPP / 1 / 3 / 16 / 2 / 26-27
Pembuatan & Merekabentuk Piala bagi Pengurniaan Anugerah Inovasi Perdana sempena Hari Perkhidmatan Awam Ke-33, Tahun 2026

Yuran Sebut Harga (E-dokumen):
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup:
Rabu,
24 Jun 2026
Jam 2.00 Petang




**JABATAN DAERAH BELAIT
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Bilangan Sebut Harga:
JDB / 2.2 / PA SYSTEM DEWAN
SANTAP / B / 2026

Tajuk Projek:
Sebut harga Bagi Menyewakan
Dan Mengendalikan Set
Pembesaran Suara (PA System)
Untuk Majlis Santap Sempena
Sambutan Perayaan Ulang Tahun
Keputeraan Kebawah Duli Yang
Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan dan Yang Di-Pertuan
Negara Brunei Darussalam Yang
Ke-80 Bagi Tahun 2026 Peringkat
Daerah Belait

Bilangan Sebut Harga:
JDB / 2.3 / PA SYSTEM PENTAS
MALAM PERAYAAN / C / 2026

Tajuk Projek:
Sebut harga Bagi Pakej
Menyewakan Dan Mengendalikan
Set Pembesaran Suara (PA System)
Bagi Persembahan Pentas Malam
Perayaan Sempena Sambutan
Perayaan Ulang Tahun
Keputeraan Kebawah Duli Yang
Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan dan Yang Di-Pertuan
Negara Brunei Darussalam Yang
Ke-80 Bagi Tahun 2026 Peringkat
Daerah Belait

Tarikh Tutup:
Selasa,
16 Jun 2026



1. Bilangan Tawaran:
JDB / BKPD / SH / 08 / 2026

Tajuk Tawaran:
Supply And Installion New
Framing And Glass Window At
Dewan Santap, Jalan Maulana
Kuala Belait (Phase II)

2. Bilangan Tawaran:
JDB / BKPD / SH / 03 / 2026

Tajuk Tawaran:
1 Year Term Contract For
Cleaning, Sanitizing,
Unclogging & Removal Of
Debris Or Blockage On
Manholes Under Belait District
Office Asset

3. Bilangan Tawaran:
JDB / BKPD / SH / 02 / 2026

Tajuk Tawaran:
Term Contract (24 Month)
For Refuse Collection Within
Jabatan Daerah Belait Area

Yuran Tawaran:
BND 5.00

Tarikh Tutup:
23 Jun 2026
(Selasa)


**DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

**Bilangan Dan
Tajuk Tawaran :**
10 / DBP / SH / 2026-2027
Penyediaan Dan Pemasangan
Reruai, Kelengkapan Dan
Keperluan Pesta Buku Brunei
2026 (Re-Tender)

**Bilangan Dan
Tajuk Tawaran:**
11 / DBP / SH / 2026-2027
Khidmat Pengawal Keselamatan
Pesta Buku Brunei 2026
(Re-Tender)

**Bilangan Dan
Tajuk Tawaran:**
12 / DBP / SH / 2026-2027
Penyediaan Dan Pemasangan
Kain Rentang Dan Gergantung
(Vertical Banner)
Bulan Bahasa 2026
(65 Tahun Penubuhan Dewan
Bahasa Dan Pustaka)

Yuran Tawaran:
BND10.00

**Tarikh Tutup
Tawaran:**
Selasa,
16 Jun 2026
Jam 2.00 Petang


**SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI**

Bilangan dan Tajuk Tawaran :
SPA / BPK / SBH / 02 / 2026
Kerja-Kerja Pemeliharaan Dan
Pembersihan (Luar) Bangunan
Pejabat Suruhanjaya
Perkhidmatan Awam Selama Satu
(1) Tahun Mulai Pada
1 Ogos 2025 Hingga 31 Julai 2026

Kelas & Kategori:
II, P06

Tarikh Buka Tawaran:
Isnin,
8 Jun 2026

**Tarikh Akhir mengambil
Dokumen Tawaran:**
Khamis, 18 Jun 2026

Tarikh Tutup Tawaran:
Isnin,
29 Jun 2026

Yuran Tawaran:
BND5.00 tunai
(Tidak Dikembalikan)



Bilangan dan Tajuk Tawaran:
SPA / BPK / SBH / 01 / 2026
Kerja-Kerja Pemeliharaan Dan
Pembersihan (Dalam) Bangunan
Pejabat Suruhanjaya
Perkhidmatan Awam Selama Satu
(1) Tahun Mulai Pada 6 Oktober
2026 Hingga 5 Oktober 2027

Kelas & Kategori:
II, S02

Tarikh Buka Tawaran:
Isnin,
8 Jun 2026

**Tarikh Akhir mengambil
Dokumen tawaran:**
Khamis,
18 Jun 2026

Tarikh Tutup Tawaran:
Isnin,
29 Jun 2026

Yuran Tawaran:
BND5.00 tunai
(Tidak Dikembalikan)


**PERATURAN
PENGIKLANAN**
(SEKTOR AWAM / KERAJAAN)
DI PELITA BRUNEI


IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*)
hendaklah dihantar dan diterima oleh
Meja Iklan bagi **iklan Tawaran TIDAK
kurang dari empat (4) minggu dan
iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari
dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan
dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah
dibaca menggunakan **Microsoft Word**
dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang
Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar
menggunakan **BAHASA MELAYU
SAHAJA**.



Sila sertakan dokumen-dokumen yang
berkaitan dan nyatakan apa-apa
keperluan iklan berkenaan, seperti
tarikh terbitan untuk diiklankan dan
sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah
dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :

+673 2383400
sambungan Meja Iklan

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA
DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI
MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.


**JABATAN PEMBANGUNAN
MASYARAKAT
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

Kenyataan Sebut Harga

Bilangan Sebut Harga:
(01-2026) JAPEM / KRK /
TEN / HARIAN
Pembekalan Barang Keperluan
Harian Bagi Residen Kompleks
Rumah Kebajikan (KRK)
Untuk Tempoh 24 Bulan

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Khamis,
25 Jun 2026
Jam 2.00 Petang


**UNIVERSITI BRUNEI
DARUSSALAM**

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
UBD / RFP / 002 / 2026
Request For Proposal - To
Manage, Maintain And Operate
Universiti Brunei Darussalam
Sports Complex

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
7 Julai 2026
Jam 2.00 Petang


**JABATAN PERHUTANAN
KEMENTERIAN SUMBER-
SUMBER UTAMA DAN
PELANCONGAN**

**Bilangan dan
Tajuk Sebut Harga:**
JPH / 002 / SH2576 / 2026-2027
To Supply And Deliver Camping
Equipment (Bahagian Pengurusan
Dan Pembangunan Sumber
Hutan)

Tarikh Tutup Tawaran:
Khamis,
25 Jun 2026,
Jam 2.00 Petang





**JABATAN DAERAH TUTONG
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

**Jawatan Kosong Sebagai
Penghulu Mukim Tingkat III -
PMKK.4
(BND3,880 - BND4,240)**

Bagi

Daerah Tutong

Mukim Rambai

Adalah dimaklumkan bahawa Jabatan Daerah Tutong, Kementerian Hal EHWal Dalam Negeri dengan sukacitanya mempelawa dan menjemput penduduk-penduduk yang bermastautin di Daerah Tutong untuk menghadapi pencalonan bagi mengisi jawatan sebagai Penghulu Mukim Rambai, Daerah Tutong.

**Tatacara Menghadapkan
Borang Pencalonan:**

Keterangan lanjut dan borang pencalonan boleh didapati dan dikembalikan ke alamat seperti berikut:-

**Bahagian Institusi
Mukim dan Kampung
Jabatan Daerah Tutong
Kementerian Hal EHWal
Dalam Negeri
Negara Brunei Darussalam**

Tarikh Tutup mengembalikan borang pencalonan adalah pada
**Selasa,
30 Jun 2026,
jam 4.00 petang.**

Sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi melalui talian 4222491 sambungan 110 / 111 atau alamat E-mel kepada imk.jdt@tutong.gov.bn



**JABATAN BELIA DAN SUKAN
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
(39) JBS / ADM / QC / 2026
Rewinding and Repair Water Pump Motor Including Replace All Faulty Parts and Components to Aquatic Centre (Swimming Pool), Tutong Sports Complex Pump House System

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
(40) JBS / ADM / QC / 2026
Twelve (12) Months Term Contract for General Pest Control Services at Tutong Sports Complex
1. Multipurpose Hall
2. Track and Field And
3. Aquatic Centre

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
(41) JBS / ADM / QC / 2026
Mechanical and Electrical Term Maintenance for A Period of Thirty – Six (36) Months for Hassanal Bolkiah National Stadium

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
(42) JBS / ADM / QC / 2026
Rooftop Repair and Cleaning of The Led Scoreboard Display System at Hassanal Bolkiah National Stadium

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
(43) JBS / ADM / QC / 2026
Annual Preventive Maintenance and Support Services for Closed-Circuit Television (CCTV) System at Hassanal Bolkiah National Stadium

Bayaran Yuran Tawaran:
BND5.00
Tidak Dikembalikan

Tarikh Tutup Tawaran:
Khamis,
25 Jun 2026
Jam 2.00 Petang



**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

**Bilangan Dan Tajuk
Sebut Harga:**
10 / MAY / 2026 / KKBS / PJK /
16.91
Anti Termite Control And Treatment At Ministry Of Culture, Youth And Sports Main Building At Jalan Kebangsaan And Sinarubai Storage At Jalan Bengkurong, Brunei Darussalam

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis,
18 Jun 2026
Jam 2.00 Petang



**INSTITUT TAHFIZ
AL-QURAN SULTAN HAJI
HASSANAL BOLKIAH
KEMENTERIAN
HAL EHWAL UGAMA**

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:**
ITQ / T / 2106 / 26 - 28
(LANDSCAPING)
Term Contract (24 Months)
For Maintenance Of Landscaping And Grasscutting Works To Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah Building Compound, Negara Brunei Darussalam

Kelas:
I & II

Kategori:
S03 & KP12

**Tarikh Tutup
Sebut Harga:**
Rabu,
24 Jun 2025
Jam 2.00 Petang



**سوروهنجاي فرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN**

**IKLAN JAWATAN KOSONG
PERKHIDMATAN AWAM**
MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

PERINGATAN PENTING

1. Teliti Skim Iklan sebelum memohon.
2. Profil yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat kelayakan skim iklan akan ditolak.
3. Lengkapkan Profil PSQR 2.0 (WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)
4. Lengkapkan Kelulusan (keputusan / pengkat serta subjek / bidang kelulusan)
5. Muat naik dokumen kelulusan yang lengkap (sijil, transkrip dan pengkiran / Tajuk Kelulusan / Pengkiran Kelulusan (PCK) yang berkenaan)
6. Tandakan "X" pada kotak semak "Jawatan Selaras" di dalam ruangan "Pengalaman Kerja Kerajaan"
7. Lengkapkan Maklumat (Jawatan / peperiksaan / Peperiksaan Perkhidmatan Awam / latihan latihan / kelayakan profesional dan lain-lain yang dipaparkan di dalam skim iklan)

JAWATAN, TANGGA GAJI DAN BILANGAN IKLAN	URUS SETIA PENGAMBILAN	KEKOSONGAN	JENIS IKLAN	TARIKH TUTUP PERMOHONAN
1. GURU JABATAN PENGAJIAN ISLAM KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA G.8 (BAHAGIAN III) 2026/JUN/01/KHEU	KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA	01	7(A)	20 JUN 2026
2. PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS KANAN JABATAN PERDANA MENTERI KUMPULAN 3 (BAHAGIAN I) 2026/JUN/01/JPM	SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM	01	38(A)	22 JUN 2026
3. PEMBANTU KAJI MATA KEMENTERIAN KESIHATAN D.1 EB.2-3 (BAHAGIAN IV) 2026/JUN/01/KKS	KEMENTERIAN KESIHATAN	03	7(A)	22 JUN 2026

- PERINGATAN
1. BAGI MELIHAT IKLAN JAWATAN KOSONG, SILA DAFTAR MASUK KE PROFIL PSQR 2.0, KLIK "DASHBOARD SAYA" DAN KEMUDIAN KLIK "IKLAN JAWATAN KOSONG"
 2. PEMOHON YANG BUKAN TERDIRI DARI PEGAWAI DAN KAKITANGAN KERAJAAN HANYA BOLEH MELIHAT JAWATAN YANG DIKELUARKAN DIBAWAH PERATURAN 7(A) SAHAJA
 3. PANDUAN PSQR 2.0 DAN SOALAN-SOALAN LAZIM BOLEH DIPEROLEHI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN



**سوروهنجاي فرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN**

**PERATURAN-PERATURAN IKLAN JAWATAN
AKTA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM (PENGAL 83)**

Bab 7(A)

Peraturan 7(A): Dibukakan kepada orang ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

*termasuk Gaji Hari, Luar Bidang Kuasa SPA dan Luar Negeri



Bab 38(A)

Peraturan 38(A): Khusus bagi Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

*termasuk Luar Bidang Kuasa SPA

Bab 38(B)

Peraturan 38(B): Khusus bagi Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian atau Jabatan dimana kekosongan jawatan diiklankan.

*termasuk Luar Bidang Kuasa SPA



**JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER
UTAMA DAN PELANCONGAN**

Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0017 / 2026
To Design, Supply And Install Hdpe Seawater Intake Pipeline Extension With Anchoring System, Including Integration To Existing Intake At Meragang Site

**Tarikh Tutup
Sebut Harga:**
Khamis,
25 Jun 2026
Jam 2.00 Petang





MAHKAMAH BESAR NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Di Dalam Mahkamah Tinggi Negara Brunei Darussalam Di Bandar Seri Begawan

Kes No.

BCY / CP / 22 / 2026

**Bank Islam Brunei Darussalam
Berhad**
Pemiutang Penghakiman /
Pemetisyen

JD1 – Kuan Kim Jok
BPIC NO. 30-087154

JD2 – Kuan Ming Onn
BPIC NO. 30-104938
Penghutang Penghakiman /
Penentang

Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa:

Satu Perintah Penerimaan telah
dibuat terhadap Penghutang yang
berikut pada JD1 dan JD2 -
14 Mei 2026.

Nama dan alamat terakhir diketahui:

JD1 – Kuan Kim Jok
JD2 – Kuan Ming Onn
No. 13, Simpang 100-6-1,
Kampung Pengkalan,
Jalan Tungku Link,
Jalan Gadong,
Brunei Darussalam.

Tarikh Petisyen:
14 April 2026

Semua Sipiutang-sipiutang
kepada nama Penghutang yang
tersebut diatas hendaklah
menghadapkan borang-borang
bukti hutang yang boleh diperolehi
di Pejabat Pegawai Penerima
Rasmi dengan seberapa boleh.
Semua hutang-hutang yang
seharusnya dibayar kepada
Penghutang tersebut diatas
hendaklah dihadapkan kepada
Pegawai Penerima Rasmi,
Tingkat Dua, Bangunan
Mahkamah Besar, Bandar Seri
Begawan, Brunei Darussalam.

Bertarikh:
21 Mei 2026

Notis Kepada Pemiutang Untuk Perjumpaan Pertama

Di bawah Perintah Penerimaan
bertarikh **JD1 dan JD2 – 14 Mei**
2026.

Notis adalah dengan ini diberikan
bahawa satu perjumpaan
Pemiutang-pemiutang mengenai
perkara diatas akan diadakan di
Pejabat Pegawai Penerima
Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-8),
Mahkamah Besar pada 2 Julai
2026 jam 10.30 Pagi.

Bagi membolehkan kamu
mengundi disana bukti-bukti kamu
mestilah diserahkan-simpan kepada
saya tidak lewat dari 24 jam
sebelum waktu yang ditetapkan
bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan
digunakan di perjumpaan ini
mestilah diserahkan-simpan kepada

saya tidak lewat dari 24 jam
sebelum waktu yang telah
ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi
penghutang adalah ditetapkan
pada 2 Julai 2026 jam 10.30 Pagi
di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak Pemiutang
yang telah menyerahkan bukti,
atau wakil-wakilnya yang diberi
kuasa secara bertulis, bolehlah
menyoal penghutang semasa
pemeriksaan awam penghutang,
mengenai dengan hal-halnya dan
juga sebab kegagalannya.

Bertarikh:
21 Mei 2026

Muhammad Syafiq Bin Awang
Haji Zakaria
Timbalan Pegawai Penerima
Rasmi
b/p Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

Kes No.
BCY / CP / 29 / 2026

P B.T. Forwarding Snd Bhd
[RC20001745]
Pemiutang Penghakiman /
Pemetisyen

Chin Ai Mee
[Trading under the name and
style of Synergia Company (
P00085049)]
BYIC NO. 00-288022
Penghutang Penghakiman /
Penentang

Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa:

Satu Perintah Penerimaan telah
dibuat terhadap Penghutang yang
berikut pada **14 Mei 2026.**

Nama dan alamat terakhir
diketahui:
Chin Ai Mee
[Trading under the name and
style of Synergia Company (
P00085049)]
LTS 4443, Simpang 292-82,
Jalan Sungai Teraban,
Kampong Sungai Teraban,
Kuala Belait. KA 3331.
Brunei Darussalam

Tarikh Petisyen:
17 Mac 2026

Semua Sipiutang-sipiutang
kepada nama Penghutang yang
tersebut diatas hendaklah
menghadapkan borang-borang
bukti hutang yang boleh diperolehi
di Pejabat Pegawai Penerima
Rasmi dengan seberapa boleh.
Semua hutang-hutang yang
seharusnya dibayar kepada
Penghutang tersebut diatas
hendaklah dihadapkan kepada
Pegawai Penerima Rasmi,
Tingkat Dua, Bangunan
Mahkamah Besar, Bandar Seri
Begawan, Brunei Darussalam.

Bertarikh:
19 Mei 2026

Notis Kepada Pemiutang Untuk

Perjumpaan Pertama

Di bawah Perintah Penerimaan
bertarikh **14 Mei 2026.**

Notis adalah dengan ini diberikan
bahawa satu perjumpaan
Pemiutang-pemiutang mengenai
perkara diatas akan diadakan di
Pejabat Pegawai Penerima
Rasmi, Tingkat 2, Bilik (L2-9),
Mahkamah Besar pada 24 Jun
2026 jam 11.00 Pagi.

Bagi membolehkan kamu
mengundi disana bukti-bukti kamu
mestilah diserahkan-simpan kepada
saya tidak lewat dari 24 jam
sebelum waktu yang ditetapkan
bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan
digunakan di perjumpaan ini
mestilah diserahkan-simpan kepada
saya tidak lewat dari 24 jam
sebelum waktu yang telah
ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi
penghutang adalah ditetapkan
pada 24 Jun 2026 jam 11.00 pagi
di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak Pemiutang
yang telah menyerahkan bukti,
atau wakil-wakilnya yang diberi
kuasa secara bertulis, bolehlah
menyoal penghutang semasa
pemeriksaan awam penghutang,
mengenai dengan hal-halnya dan
juga sebab kegagalannya.

Bertarikh:
19 Mei 2026

Raihan Nabilah Binti Haji
Ahmad Ghazali
Timbalan Penerima Rasmi
b/p Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

Kes No.
BCY / CP / 282 / 2025

Bank Islam Brunei Darussalam
Berhad
Pemiutang Penghakiman /
Pemetisyen

Mohd Azri Bin Tengah
[BYIC No. 01-063609]
Penghutang Penghakiman /
Penentang

Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa:

a) Satu Perintah Penerimaan telah
dibuat terhadap Penghutang yang
berikut pada **2 April 2026.**

Nama dan alamat terakhir
diketahui:
Mohd Azri Bin Tengah
No. 49-A,
Jeti 5,
Kg Sungai Bunga,
BD3317,
Brunei Darussalam.

Tarikh Petisyen:
7 Februari 2026

Semua Sipiutang-sipiutang
kepada nama Penghutang yang
tersebut diatas hendaklah

menghadapkan borang-borang
bukti hutang yang boleh diperolehi
di Pejabat Pegawai Penerima
Rasmi dengan seberapa boleh.
Semua hutang-hutang yang
seharusnya dibayar kepada
Penghutang tersebut di atas
hendaklah dihadapkan kepada
Pegawai Penerima Rasmi,
Tingkat Dua,
Bangunan Mahkamah Besar,
Bandar Seri Begawan,
Brunei Darussalam.

Bertarikh:
13 Mei 2026

Nur Sariy Syahmina Binti Jaffri
Timbalan Pegawai Penerima
Rasmi
B/P Pegawai Penerima Resmi
Mahkamah Besar

Kes No.
BCY / CP / 17 / 2026

Perbadanan Tabung Amanah
Islam Brunei
Pemiutang Penghakiman /
Pemetisyen

Hasdah Binti Maidin
BYIC No. 00-127352
Penghutang Penghakiman /
Penentang

Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa:

Satu Perintah Penerimaan telah
dibuat terhadap Penghutang yang
berikut pada **9 Mei 2026.**

Nama dan alamat terakhir
diketahui:
Hasdah Binti Maidin
No. 16, Spg. 46-12-17,
STKRJ Kg. Lumapas, 'A',
BJ3324,
Brunei Darussalam.

Tarikh Petisyen:
2 April 2026

Semua Sipiutang-sipiutang
kepada nama Penghutang yang
tersebut diatas hendaklah
menghadapkan borang-borang
bukti hutang yang boleh diperolehi
di Pejabat Pegawai Penerima
Rasmi dengan seberapa boleh.
Semua hutang-hutang yang
seharusnya dibayar kepada
Penghutang tersebut diatas
hendaklah dihadapkan kepada
Pegawai Penerima Rasmi,
Tingkat Dua, Bangunan
Mahkamah Besar, Bandar Seri
Begawan, Brunei Darussalam.

Bertarikh:
19 Mei 2026

Notis Kepada Pemiutang Untuk Perjumpaan Pertama

Di bawah Perintah Penerimaan
bertarikh **9 Mei 2026.**

Notis adalah dengan ini diberikan
bahawa satu perjumpaan
Pemiutang-pemiutang mengenai
perkara di atas akan diadakan di
Pejabat Pegawai Penerima
Rasmi, Mahkamah Besar pada
21 Julai 2026 jam 9:45 pagi.

Bagi membolehkan kamu
mengundi disana bukti-bukti kamu
mestilah diserahkan-simpan kepada
saya tidak lewat dari 24 jam
sebelum waktu yang ditetapkan
bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan
digunakan di perjumpaan ini
mestilah diserahkan-simpan kepada
saya tidak lewat dari 24 jam
sebelum waktu yang telah
ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi
penghutang adalah ditetapkan
pada 21 Julai 2026, Jam 9:45
pagi, di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak Pemiutang
yang telah menyerahkan bukti,
atau wakil-wakilnya yang diberi
kuasa secara bertulis, bolehlah
menyoal penghutang semasa
pemeriksaan awam penghutang,
mengenai dengan hal-halnya dan
juga sebab kegagalannya.

Bertarikh:
19 Mei 2026

Kes No.
BCY / CP / 9 / 2007

Bank Islam Brunei Darussalam
Berhad
Pemiutang Penghakiman

Pg Norlehawati Binti Pg Damit
(Deceased)
BYIC No. 00-273494
Penghutang Penghakiman

Notis Pembatalan

Sila ambil perhatian bahawa
Perintah Penerimaan yang di buat
terhadap Penghutang berikut
pada **12 Mei 2007 telah**
dibatalkan pada 9 Mei 2026.

Nama Penghutang:
Pg Norlehawati binti Pg Damit
(Deceased)

Alamat Penghutang:
No. 15, Simpang 51-17-5-6,
STKRJ Kampong Rimba,
Brunei Darussalam.

Bertarikh:
19 Mei 2026

Kes No.
BCY / CP / 477 / 2012

Baiduri Finance Berhad
(previously filed by HSBC
Finance (B) Berhad)
Pemiutang Penghakiman

Mosdi Bin Sinapang
BYIC No. 00-256033
Penghutang Penghakiman

Notis Pembatalan

Sila ambil perhatian bahawa
Perintah Penerimaan yang di buat
terhadap Penghutang berikut
pada 25 Januari 2014 telah
dibatalkan pada 9 Mei 2026.

Nama Penghutang:
Mosdi bin Sinapang

Alamat Penghutang:
No. 8, Simpang 930,
Kg. Nong Anggeh,
Ukong, Tutong,
TF1947,
Brunei Darussalam.

Bertarikh:
19 Mei 2026

Nurul Hidayah Binti Hamdan
Timbalan Pegawai
Penerima Rasmi
b/p Pegawai Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

DOA KESYUKURAN, TAHLIL SEMPENA 60 TAHUN PENERBITAN MAJALAH BAHANA



PEMANGKU Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Awang Suip bin Haji Abdul Wahab hadir selaku tetamu khas pada Majlis Bacaan Doa Kesyukuran dan Tahlil sempena Sambutan Jubli Intan 60 Tahun Penerbitan Majalah Bahana 1966 hingga 2026 (atas kiri), sementara gambar atas kanan, sebahagian daripada yang hadir pada majlis tersebut yang telah mengambil tempat di Balai Sarmayuda DBP Berakas.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BERAKAS, Khamis, 11 Jun. —Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) melalui Bahagian Sastera dan Majalah mengadakan Majlis Bacaan Doa Kesyukuran dan Tahlil sempena Sambutan Jubli Intan 60 Tahun Penerbitan Majalah Bahana 1966 hingga 2026, pagi tadi. Majlis diadakan di Balai Sarmayuda DBP Berakas.

Hadir selaku tetamu khas,

Pemangku Pengarah DBP, Awang Suip bin Haji Abdul Wahab.

Majlis dimulakan dengan bacaan tahlil serta Doa Kesyukuran, diikuti dengan ucapan ringkas yang disampaikan oleh Ketua Bahagian Sastera dan Majalah, DBP, Dr. Haji Mohd. Ali bin Haji Radin.

Dr. Haji Mohd Ali dalam ucapannya menjelaskan, enam dekad penerbitan majalah Bahana mencerminkan

peranan besar majalah sebagai wadah penting dalam menghimpunkan suara penulis, penyair, pemikir dan intelektual tanah air, di samping memperkaya khazanah kesusasteraan negara, serta membentuk identiti dan pemikiran masyarakat.

Menurutnya, jasa para perintis, editor, penulis dan tokoh sastera yang telah banyak menyumbang kepada

perkembangan majalah Bahana akan terus dikenang termasuk yang telah kembali ke rahmatullah.

Beliau seterusnya berharap agar majalah Bahana akan terus kekal relevan sebagai medan percambahan idea, pemupuk kreativiti, dan jambatan yang menghubungkan generasi penulis masa lalu, masa kini dan masa hadapan.

Sambutan Jubli Intan 60 Tahun Penerbitan Majalah Bahana berkenaan merupakan detik bersejarah yang mencerminkan kesinambungan komitmen DBP dalam memartabatkan bahasa, sastera dan budaya bangsa, melalui penerbitan majalah sastera yang terus menjadi wadah penting kepada penulis, pengkaji, penggiat dan pencinta sastera di negara ini.

Taklimat membantu dalam kesiapsiagaan, perancangan hadapi perubahan cuaca

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 11 Jun. - Jabatan Kaji cuaca Brunei Darussalam (BDMD), di bawah Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC), pagi tadi mengadakan Taklimat Cuaca Kebangsaan Kali Ke-27 di Dewan Auditorium, Jabatan Penerangan, Berakas, di sini.

Taklimat berkenaan dihadiri oleh 88 wakil daripada agensi kerajaan, sektor swasta serta orang ramai.

Sesi taklimat telah disampaikan oleh Pegawai Kaji cuaca, Awang Hassanul Kamal bin Haji Adam, yang memfokuskan kepada Monsun Barat Daya dan tempoh Peralihan Monsun yang akan datang.

Taklimat Cuaca Kebangsaan merupakan inisiatif berterusan BDMD bagi meningkatkan penglibatan pelbagai kumpulan pengguna, termasuk Kumpulan Tindakan Awal dan Keselamatan, Kumpulan Ekonomi dan Industri, syarikat pembinaan, syarikat insurans, Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) serta pihak media massa.

Matlamat utama pengajaran taklimat ini adalah untuk

meningkatkan kefahaman dan kepekaan orang ramai serta pelbagai kumpulan pengguna terhadap keadaan cuaca semasa dan ramalan cuaca di Negara Brunei Darussalam.

Di samping itu, taklimat ini turut membantu dalam usaha kesiapsiagaan dan perancangan awal bagi menghadapi perubahan cuaca.

Taklimat kali ini memberi tumpuan kepada keadaan cuaca, tinjauan iklim dan ramalan cuaca jangka panjang bagi Monsun Barat Daya yang telah bermula pada penghujung Mei 2026 dan dijangka berterusan sehingga penghujung September 2026.

Turut dibentangkan ialah ramalan bagi tempoh Peralihan Monsun yang dijangka berlaku dari Oktober hingga penghujung November 2026.

Semasa Monsun Barat Daya, keadaan atmosfera negara lazimnya lebih stabil dengan pengurangan kejadian hujan berpetir setempat.

Sepanjang tempoh ini, angin secara amnya bertiup dari arah barat daya.

Monsun Barat Daya juga

dikaitkan dengan musim pembentukan ribut tropika dan taufan di kawasan barat laut Lautan Pasifik serta Laut China Selatan.

Pengaruh sistem ribut tropika atau taufan yang berlaku berhampiran rantau ini boleh mencetuskan fenomena garis badai yang menyebabkan cuaca tidak menentu, termasuk kejadian angin kencang dan ribut petir sekali-sekala.

Sementara itu, tempoh Peralihan Monsun lazimnya dicirikan dengan cuaca cerah pada waktu pagi dan hujan berasingan di

kawasan pesisiran sekitar tengah hari.

Kekerapan kejadian ribut petir adalah lebih tinggi berbanding bulan-bulan lain, khususnya di kawasan pedalaman pada waktu petang sebelum merebak ke kawasan pesisiran dan perairan negara pada waktu malam, dan kadangkala berlanjutan sehingga awal pagi keesokan harinya.

Dari segi ramalan taburan hujan bulanan, Negara Brunei Darussalam dijangka menerima jumlah hujan dalam kategori Sedikit Bawah Normal, antara 140 hingga

190 milimeter bagi bulan Jun dan Julai 2026.

Manakala bagi bulan Ogos 2026, jumlah hujan diramalkan berada dalam kategori Bawah Normal, iaitu tidak melebihi 140 milimeter.

Orang ramai boleh mendapatkan maklumat, nasihat dan amaran cuaca terkini dengan menghubungi Talian Cuaca 114, menggunakan aplikasi mudah alih Brunei WX, melayari laman sesawang BDMD atau mengikuti saluran media sosial rasmi BDMD melalui Facebook, Instagram, WhatsApp dan Telegram.



TAKLIMAT berkenaan dihadiri oleh 88 wakil daripada agensi kerajaan, sektor swasta serta orang ramai.

MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Makanan Segera dan Risiko Terhadap Kesihatan'. Tarikh Tutup : 17 Jun 2026
2. 'Peranan belia dalam pembangunan negara'. Tarikh Tutup : 24 Jun 2026
3. 'Keselamatan Data Peribadi dalam Era Digital'. Tarikh Tutup : 1 Julai 2026

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300 patah perkataan**.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian **PELITA BRUNEI**, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

MAJLIS KHATAM AL-QURAN RAIKAN 96 MURID DARJAH VI

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Awang Haji Sulaiman
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said



SEKOLAH Ugama Pengiran Anak Puteri Majeedah Nuurul Bolkiah, Kilanas mengadakan Majlis Khatam Al-Quran bagi meraikan seramai 96 murid Darjah VI yang berjaya menamatkan bacaan 30 Juzuk Al-Quran (atas dan bawah).

BEBATIK KILANAS, Rabu, 10 Jun. - Dalam usaha memperkukuhkan pembelajaran dan penghayatan Al-Quran dalam kalangan murid, Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Majeedah Nuurul Bolkiah, Kilanas mengadakan Majlis Khatam Al-Quran bagi meraikan seramai 96 murid Darjah VI yang berjaya

menamatkan bacaan 30 Juzuk Al-Quran.

Peserta khatam terdiri daripada 54 murid lelaki dan 42 murid perempuan yang merupakan gabungan murid sesi pagi dan sesi petang. Majlis tersebut diadakan di Dewan Ar-Rahmah, Kompleks Mim-Nun Jaya, Jalan Bebatik-Kilanas, Kampung

Kilanas, di sini.

Hadir selaku tetamu khas majlis ialah Ketua Kampung Kilanas, Awang Haji Mohammad Ameerolbahrynee bin Haji Abdul Hamid. Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai yang diketuai oleh tetamu khas majlis, diikuti dengan bacaan surah-surah lazim oleh para peserta khatam.

Majlis kemudian diteruskan dengan bacaan Takhtim dan Doa Khatam yang dibacakan oleh peserta khatam, Awang Muhammad Mifzal Marhan bin Musa serta persembahan dikir. Tetamu khas majlis seterusnya menyempurnakan penyampaian Sijil Khatam kepada para peserta. Bagi memberkati majlis, bacaan Doa Selamat dipimpin oleh tenaga pengajar sekolah berkenaan, Awang Haji Adanan bin Haji Ahmad.

Antara lain, majlis diadakan selaras dengan hasrat kerajaan untuk melahirkan generasi celik Al-Quran, beriman, beramal dan bertakwa, di samping menjadikan membaca Al-Quran sebagai amalan hidup beragama. Ia juga sebagai usaha pihak Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam sama-sama mengukuhkan syiar Islam di negara ini.



Sebuah syarikat dikenakan kompaun



SEBUAH syarikat telah didapati melanggar Akta Kesalahan-kesalahan Rampaian 2021, di tempat projek Kampung Petani, Tutong. Syarikat tersebut didenda sebanyak BND2,000 di bawah Bab 12 (1) (d).

TUTONG, Rabu, 10 Jun. - Hasil pemantauan dan pemeriksaan Unit Penguatkuasaan, Jabatan Daerah Tutong telah mengeluarkan kompaun terhadap sebuah syarikat kerana didapati melanggar Akta Kesalahan-kesalahan Rampaian

2021.

Syarikat tersebut ialah Nur Halima Sdn. Bhd. didenda sebanyak BND2,000 di bawah Bab 12 (1) (d). Syarikat berkenaan telah melakukan kesalahan di tempat projek Kampung Petani, Tutong

Siaran Akhbar dan Foto :
Jabatan Daerah Tutong

dan dikehendaki untuk menjelaskan kompaun dalam tempoh tujuh hari.

Jika gagal membayar denda tersebut dalam masa tujuh hari dari tarikh kompaun dikeluarkan maka syarikat tersebut boleh dihadapkan ke mahkamah dan jika sabit kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak kurang daripada BND2,000 dan tidak melebihi BND10,000.

Dan bagi kesalahan kedua atau berikutnya boleh dikenakan hukuman denda tidak kurang dari BND10,000 dan tidak melebihi BND30,000 dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 12 bulan atau kedua-duanya sekali.

Unit Penguatkuasaan, Jabatan Daerah Tutong ingin mengingatkan orang ramai, pihak syarikat pemaju dan pemilik premis-premis perniagaan agar sentiasa menjaga kebersihan alam sekitar, khususnya di kawasan premis-premis perniagaan dan juga kawasan awam dengan tidak membuang, melonggokkan atau meninggalkan apa jua jenis sampah sarap di tempat awam.

PUISI

Menghimbau Hidayah Menjelang Ilal Hijrah 1448

Dalam harmoni mesra ingatan
tika hadirnya 25 Rejab 1447
minda fikir mendekat di sisi
penggerak nubari menghimbau segera
Ilal Hijrah 1448 datang mendampingi
menggamit rasa peka insan terhadap alam
pastinya pemastautin yang setia berbakti
mensyukuri damai harmoninya negara
pesat berkembang maju diilhami hidayah.

Memang! hijrah itu hakikatnya benar
bersama amal makruf yang diimpikan
demi hijrah Rasulullah mukjizatnya kabir
tulus mulus hening dan bening hati
sedang hijrah insan biasa manfaatnya sendiri
dalam ambisi keghairahan menjulang tinggi
walhal hijrah ke jalan lurus maknanya tulus
perihal diri bermotif lurus terjerumus
biarkan Ilahi penentu jaya atau durjananya.

Pastinya hijrah itu melangkah terus
tanpa henti tanpa ada noktahnya
siapa pun memburu atau diburu
maju ataupun layu terharu
benarlah kuasa Halik mutlak dan jitu
penentu segalanya atau tiadanya
mentauhidkan hukum kudrat iradat-Nya
siapa pun dalangnya infaknya fana jua
kerana Maha Kuasa itu amat perkasa.

Katakan! Masihi dan Hijrah punya kelainannya
Demikian! Islam dan Kristian berbeza falsafahnya
Ingatlah! bahawa anasir dunia penuh kegilaannya
egoistik dan rakus terbatas tiada
bezakan! maksud amanah dan amarah
lewat ucapan semanis gula dan madu
sedang madah terucap hela berhelah
kedegilan dan kebakhilan berleluasa
bumi hangus terbakar insan menderita

Nah! jelas terpamer sudah angkara murka
ke mana lagi mencari damai tiada tergugat
Waima pun insan beriman resah gelisah sentiasa
bumi damai bak dilanda bah lantak memusnah
keterpaksaan yang bukan rela dipasrahkan
tiada lagi secantik hiasan yang didambakan
ingatlah ajaran Al-Quran dan Sabda Nabi:
Demi kebaikan umat, berpesan-pesanlah
Berpesan-pesanlah demi kebenaran mutlak

Pengiran Haji Shamsu PHK 26/1/2026

Anak Muda, Harapan Bangsa Dan Negara

Umpama benih tanaman yang subur,
Diasuh dengan ilmu manfaat di taman pendidikan
Dibai dengan nilai dan akhlak luhur yang mulia
Supaya mekar menjadi bunga pembangunan
Kamulah hai anak muda, pewaris bangsa negara.

Zaman berzaman kian berubah
Waktu berjalan tanpa henti sejenak
Teknologi kian merentas sempadan dunia
Adanya anak muda yang pintar bijaksana
Menjadikannya jambatan menuju kejayaan
Berpaksikan falsafah Melayu Islam Beraja
Mengorak langkah mengejar impian tinggi
Memelihara warisan bangsa tercinta
Agar tidak tenggelam ditelan zaman.

Wahai anak muda Brunei yang berwawasan
Kamulah pelita dikala gelap gelita
Kamulah nakhoda bahtera dalam negara
Mengemudi bangsa negara ke lautan sejahtera aman sentosa
Kelak apabila masa bersilih ganti
Generasi seterusnya mengambil alih tempatmu
Namamu akan terpahat dalam sejarah
Sebagai penerus negara bermartabat
Bangkitlah dengan ilmu dan budi pekerti
Satukanlah hati dan tenaga, semai perpaduan
Kerana di tangan kamu wahai anak muda
Terletaknya kegemilangan masa depan Brunei Darussalam.

Muhammad Ali Norhadi Abdullah Mohammad Noh



Derma darah semai budaya prihatin, selari tuntutan syariat, raih ganjaran di akhirat

Rencana dan Foto : Ak. Jefferi Pg. Durahman

DARAH adalah antara satu keajaiban ciptaan Allah Subhanahu Wata'ala kerana ia komponen terpenting dalam sistem tubuh badan manusia normal. Tanpa darah, hidup akan terhenti untuk selamanya.

Menginsafi hakikat kepentingan darah, kita seharusnya sedar aktiviti menderma darah bukan sekadar kempen biasa namun ia usaha sangat mulia dan terpuji. Menderma darah bukan amalan duniawi semata-mata bahkan ia tuntutan umum dalam hidup beragama dan bermasyarakat.

Hakikatnya harus diakui, amalan menderma darah adalah usaha mulia dan baik untuk menghilangkan kesusahan orang lain yang memerlukan darah.

Sehubungan itu, Hari Penderma Darah Sedunia disambut setiap tahun di seluruh dunia pada setiap 14 Jun adalah sebagai satu inisiatif global untuk meningkatkan kesedaran orang ramai tentang keperluan darah dan produk darah yang selamat dan mampan. Sambutan ini bertujuan untuk menzahirkan penghargaan dan merakamkan ucapan terima kasih kepada semua para penderma darah yang menderma secara sukarela, yang telah menyumbangkan darah mereka yang sangat bernilai untuk menyelamatkan nyawa insan-insan yang memerlukan, tanpa mengharapkan sebarang balasan.

Darah satu komponen penting dalam perawatan kesihatan, manakala penderma darah nadi kehidupan negara. Malahan sumbangan mereka bukan sahaja menyelamatkan nyawa, tetapi juga membina harapan ribuan pesakit setiap tahun. Bahkan, segala usaha dan matlamat membekalkan darah yang secukupnya untuk kegunaan pesakit tidak akan berjaya tanpa sokongan seluruh masyarakat dan kesedaran masyarakat itu amat perlu sekiranya kita

ingin menjadikan pendermaan darah ini sebagai tanggungjawab dan budaya hidup seluruh masyarakat.

Istimewa Hari Menderma Darah Sedunia

Sambutan Hari Menderma Darah Sedunia bukan hanya sekadar menolong nyawa yang memerlukan darah tetapi juga membawa harapan baru kepada golongan yang memerlukan. Ia juga bertujuan untuk meraikan aktiviti kemanusiaan dalam meningkatkan perpaduan dalam kehidupan bermasyarakat agar kekal bersatu dan bertanggungjawab untuk menyelamatkan nyawa melalui pendermaan darah tanpa mengira budaya, agama dan bangsa.

Menganjurkan kempen juga salah satu cara untuk kita memberi inspirasi kepada orang ramai yang layak khususnya golongan belia, untuk mula menderma darah dan juga kepada mereka yang sudah berkali-kali membuat sumbangan menderma darah kerana mereka ini boleh dipercayai tidak berisiko tinggi terhadap jangkitan virus yang boleh ditularkan melalui transfusi berbanding penderma baharu.

Objektif menderma darah

- Ia adalah satu strategi untuk meningkatkan usaha menggandakan bilangan penderma melalui pelbagai program yang dijalankan seperti kempen menderma darah selain untuk memastikan bekalan darah yang selamat, berterusan (*sustainable*) dan mudah diakses kepada semua lapisan rakyat di negara ini, pada bila-bila masa dan di mana jua mereka berada;

- Meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai keperluan menderma darah dan

plasma serta impak positifnya terhadap kesejahteraan pesakit;

- Mengetengahkan impak positif penderma darah kepada kesihatan dan kesejahteraan orang lain dan mempromosikan nilai-nilai perpaduan dan belas kasihan melalui pendermaan darah; dan

- Menggalakkan sokongan berterusan daripada agensi-agensi kerajaan dan rakan-rakan kongsi untuk terus bekerjasama ke arah program darah kebangsaan yang mampan, bagi mencapai akses universal kepada pemindahan darah yang selamat.

Usaha berterusan kerajaan

Alhamdulillah, aktiviti-aktiviti dan kempen pendermaan darah rancak diadakan secara berterusan di Negara Brunei Darussalam. Kementerian Kesihatan melalui Pusat Pendermaan Darah di Jabatan Perkhidmatan Makmal sentiasa bekerjasama dengan agensi-agensi Kerajaan, institusi-institusi pendidikan, pasukan seragam, sektor swasta dan badan-badan bukan kerajaan (NGO) untuk menyelaraskan dan mengendalikan kempen-kempen pendermaan darah di semua daerah di negara ini.

Dalam usaha Kementerian Kesihatan untuk memastikan akses universal kepada pemindahan darah yang selamat di negara ini, sebuah projek di bawah Rancangan Kemajuan Negara Ke-12 dalam pembinaan Pusat Darah Kebangsaan (National Blood Centre) telah pun diluluskan. Pusat ini akan menyediakan persekitaran yang selamat dan kondusif bagi menempatkan sebuah *suite* pendermaan darah termasuk ruang pemeriksaan berasingan dan ruang rehat yang khusus bagi meningkatkan aksesibiliti penderma darah dan keramaian penderma *walk-in*. Di samping itu, pusat ini akan dilengkapi dengan fasiliti makmal yang terlibat dalam pendermaan darah *centralised*

laboratories for blood donation testing seperti Makmal Saringan Pendermaan Darah, Makmal Pemprosesan Darah, Makmal Pemeriksaan Kualiti Darah serta ruang penyimpanan bekalan darah yang lebih teratur mengikut piawaian antarabangsa.

Kesimpulannya strategi promosi kesihatan seperti kempen media massa, penglibatan komuniti, serta program pendermaan darah di tempat kerja dan sekolah adalah penting dalam meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan pendermaan darah.

Selain itu, pendidikan berterusan mengenai faedah pendermaan darah dan penjagaan selepas pendermaan dapat membantu mengatasi mitos yang menghalang ramai individu daripada menderma darah.

Usaha berterusan mempromosikan kesedaran dan pendidikan mengenai pendermaan darah, diharap dapat meningkatkan kadar pendermaan darah secara keseluruhan dan memastikan bekalan darah mencukupi untuk memenuhi keperluan kesihatan negara dan global. Pada masa sama, tumpuan perlu terus diberi untuk memastikan elemen kesejahteraan penderma atau *donor care* diberi perhatian, penderma darah sejahtera dan selamat pasti dapat menyumbang kepada bekalan darah yang cukup.

Orang ramai bolehlah mengikuti laman akaun sosial rasmi iaitu Facebook : [bloodbankripas.brunei](https://www.facebook.com/bloodbankripas.brunei) atau Instagram : [@bloodbank_ripas](https://www.instagram.com/bloodbank_ripas) untuk mengetahui maklumat terkini mengenai aktiviti-aktiviti Pusat Pendermaan Darah. Bagi mendapatkan slot perjanjian menderma darah di Pusat Pendermaan Darah Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, orang ramai bolehlah menempah slot melalui aplikasi BloodKad atau menghubungi pusat ini melalui talian +673 2242424 sambungan 5745 / 6001 atau +673 7440267 atau +673 7440277 (Hotline / WhatsApp).



FLAT LAMA DAN BANGLO BAHARU

Rumah Baharu

Oleh : Utsukushii_Tsuki

Ilustrasi : Muhammad Al Khaliq Ali

TIDAK terasa sudah 10 tahun Rizuan mendiami berek kerajaan bersama isteri dan anak-anaknya. Ini bererti anak pertama juga sudah berumur 10 tahun kerana pertama kali berpindah 10 tahun yang lalu, Alana anak sulung mereka baru berusia 6 bulan.

"Ma, rumah kami *ani* boleh ditambah ke atas kah?" soalan seperti ini sudah acap kali ditanyakan anak-anak.

"Mana dapat *lai*, *ani* bukan rumah sendiri." Fatin membalas diiringi dengan tawa kecil. Geli hati mendengar pertanyaan anaknya itu.

Tapi benar saja semakin anak membesar, keperluan untuk tinggal di rumah yang lebih luas adalah keperluan bukan kemahuan. Anak-anak sudah mula memerlukan ruang khas untuk belajar, tempat tidur yang selesa dan yang paling penting adalah ruang makan serta ruang solat berjemaah.

Alana akan menduduki Peperiksaan Sekolah Rendah pada tahun hadapan tetapi ruang untuk belajar pun hanya menggunakan *coffee table* yang disediakan oleh pihak kerajaan. Di situlah mereka biasa makan sekeluarga, menonton televisyen dan juga untuk mengulang kaji Pelajaran. Rumah itu hanya dilengkapi dengan dua buah bilik. Alana dan adik perempuannya Alani terpaksa berkongsi bilik. Ruang bilik juga agak kecil hanya cukup untuk menempatkan dua buah katil *single* dan almari pakaian. Sudah acap kali juga Fatin mengurangkan pakaian dalam bilik itu. Diberikan pada orang-orang memerlukan dan ada juga yang dijual dengan harga satu ringgit.

"Mungkin sudah tiba masanya untuk *kitani* pindah," malam itu, Fatin menyuarakan hasrat untuk pindah rumah kepada suaminya.

"Ke mana jua, bukan ada banyak pilihan.

Kebanyakan flat-flat kerajaan memang disediakan dua buah bilik saja.

"Tapi *ani* pun tinggal jauh dari tempat kerja. Kanak-kanak balik jam 3. Kita balik jam 4:30. Aku balik jam 5".

Sejak anak-anak sekolah secara integrasi memang kepayahan pertama pada memastikan anak balik dari sekolah tepat masa kerana guru-guru juga perlu bergerak cepat untuk menjemput anak-anak mereka yang bersekolah di sekolah lain. Kadang-kadang Alani terpaksa balik sekolah berjalan kaki dan perlu menunggu di rumah seorang diri sehingga jam 5 lebih petang. Alani bersekolah di sekolah rendah yang terletak tidak jauh dari berek mereka tinggal manakala Alana dan Alaina bersekolah agak jauh dari rumah.

"Kalau pindah sekolah pun *nada* sekolah mahu menerima. Mesti ikut tadahan tempat tinggal," Fatin memang mengetahui peraturan itu tapi untuk menghantar semua anak ke sekolah swasta pasti akan membebaskan kewangan pula.

Persoalan itu tidak terjawab. Fatin tidak dapat menjawab. Akhirnya Fatin memaksa dirinya untuk tidur. Esok Fatin perlu bangun awal untuk menyiapkan anak-anak ke sekolah. Fatin juga perlu bersiap untuk bekerja pada esok hari. Bekerja di syarikat swasta, Fatin perlu memastikan untuk hadir tepat waktu. Lambat sikit pasti gaji akan dipotong dan Fatin memang tidak suka datang ke tempat kerja lewat waktu.

"Kalau mencari rumah sewa *okaykah*, cari yang dekat dengan tempat kerja," Fatin akhirnya bersuara. Perjalanan ke sekolah anak dan ke tempat kerja pagi itu agak sunyi.

"Gaji cukupkan?"

"Kalau *durang* semua sekolah kerajaan tahun depan insyaaAllah *okay* pulang. *Ani* belum dapat pindah Alaina ke sekolah

kerajaan sebab tengah hari *nada* orang menjaga ia balik sekolah. Biar *tia* Daycare dulu".

"Hmmm .. tapi rumah sewa di Brunei *nada* murah. Semua mahal masa *ani*".

"Yatahkan.. tapi menunggu flat kerajaan *ani* bilakan dapat?"

Sebagai suami, Rizuan juga kusut fikiran. Urusan pindah rumah bukan mudah. Menunggu juga bukan sekejap. Permohonan untuk mendapatkan rumah perumahan negara juga belum ada jawapan tapi sampai bila dia akan tinggal bersempit dalam rumah kecil. Bukan tidak bersyukur, tetapi kewajipan menyediakan rumah selesa untuk isteri dan anak-anak adalah menjadi tanggungjawabnya juga.

"Siapa cakap di Brunei *ani* semua orang kaya" Rizuan mengeluh.

"Yatahkan. Walaupun *kitani* dua-dua keraja. Tapi gaji berapa saja *nada* cukup kan membeli rumah".

"Yeay.. sampai. *Okay bah* salam dulu," Alana menceleh. Tidak sedar Rizuan sudah sampai di pekarangan sekolah.

"*Okay*, baik-baik sekolah. Rajin-rajin belajar". Fatin tidak lupa mengingatkan anak-anaknya setiap hari. Fatin kasihan melihat anak-anak. Dalam hati mahu memberikan sebuah rumah yang selesa untuk mereka.

"*Nah*, Farha dapat rumah sudah. Hari *ani* *kana* bagi kunci," Farha adalah adik kepada Fatin. Dia akan berpindah ke Daerah Tutong untuk tinggal bersama suaminya di berek askar.

"Alhamdulillah. Rezeki ..".

"*Siuk*, *dorang* dapat yang tiga bilik," Fatin juga tumpang gembira membaca mesej dari adiknya. Fatin tidak menaruh harapan tinggi untuk memiliki rumah besar, mewah atau baharu. Fatin hanya bermimpikan untuk mendapat rumah yang mempunyai tiga buah bilik untuk keselesaan anak-anak dan

keluarga.

Sebulan kemudian, Rizuan pula datang membawa khabar kalau abangnya akan berpindah dari rumah flat ke rumah banglo kerana dia sudah naik pangkat dan diberikan kelebihan untuk mendiami sebuah rumah banglo yang juga dilengkapi dengan tiga buah bilik. Razak, abang Rizuan mempunyai empat orang anak lelaki dan sebelum ini juga lama menetap di flat yang hanya ada dua buah bilik. Setelah 10 tahun akhirnya mereka akan menikmati keselesaan di rumah banglo.

"Hari minggu kita ke sana. Bantu mana yang patut. Sebab ada kerosakan di rumah banglo," Rizuan mengajak Fatin.

"Oh. Ubah suai sendirikah. Bayar sendiri?" Fatin ingin tahu.

"*Awu*. Hari tu rumah Farha pun kita datang bantu bersihkan. Cat rumah sendiri," Rizuan cuba mengingatkan. Walaupun agak sedikit mudah untuk mereka mendapatkan tempat tinggal baharu tetapi mereka terpaksa mengeluarkan wang saku sendiri untuk tujuan baik pulih. 10 tahun lalu, Rizuan mendapat berek dengan keadaan baharu. Semua sudah siap diubah suai.

"Lain jabatan. Memang lain *budget*," Rizuan menyudahi.

Fatin tumpang gembira. Dalam masa setahun dua orang ahli keluarganya mendapat rumah baharu. walaupun bukan rumah sendiri tapi itu sudah cukup untuk disyukuri kerana harga tanah sekarang juga tidak murah apa lagi untuk membuat rumah. Fatin dan Rizuan belum memiliki tanah, jika ada pun mungkin tidak dapat untuk membangun rumah disebabkan kewangan yang belum mencukupi. Dalam hati Fatin hanya dapat terus berdoa semoga rezeki akan tiba dalam masa terdekat untuk mendapat rumah baharu.

16 PAIN DARAH BERJAYA DIKUMPULKAN



TEMBURONG, Rabu, 10 Jun. - Sebanyak 16 pain darah berjaya dikumpulkan menerusi Kempen Derma Darah yang telah dianjurkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) dengan kerjasama pihak Pusat Pendermaan Darah, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha berlangsung di Dewan Retak Pusat Belia Temburong, baru-baru ini.

Penguasa Bomba dan Penyelamat, Awang Mohd. Sophian bin Haji Mohammad Yusuff yang juga selaku penyelarass kempen tersebut berkata program berkenaan adalah bersempena Sambutan Hari Ulang Tahun JBP Ke-66 pada tahun ini.

Menurutnya lagi, kempen itu diadakan ke semua daerah yang bermula di Daerah Brunei dan Muara iaitu di Dewan Serbaguna,

Ibu Pejabat JBP, Berakas pada 9 Mei, diikuti di Dewan Bandaran Kuala Belait dan Seria pada 23 Mei dan kemudiannya orang ramai dialu-alukan untuk menderma darah yang akan diadakan di Pusat Pengasingan Kebangsaan, Tutong pada 29 Jun ini nanti.

Sebelum itu, para penderma dikehendaki mengisi borang pendaftaran diikuti pemeriksaan tahap kesihatan yang begitu penting sebelum menjalankan sesi derma darah yang dikendalikan oleh staf pusat berkenaan.

Pelita Brunei sempat menemu bual beberapa penderma darah, Awang Abd. Rahman bin Haji Husin, 41 tahun, menyatakan menerusi menderma darah itu dapat membantu menambah bekalan darah untuk kegunaan pesakit yang memerlukan.

Beliau yang berasal dari Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Rataie dan jenis darah O+ itu gembira kerana dapat menderma darah untuk dijadikan sebagai amalnya kepada yang lain serta merasakan badan menjadi segar selepas menjalani pendermaan darah serta berharap jika berpeluang akan terus menderma pada masa akan datang.

Sementara Awang Khairul Anwar bin Awang Mohammad, 36 tahun, juga dari RPN yang sama menjelaskan, pendermaan darah merupakan satu kerja kebajikan kita kepada mereka yang amat memerlukan dan berharap kepada mereka yang masih sihat tanpa ada sebarang masalah penyakit yang serius, tidak salah untuk menderma demi sama-sama membantu Pusat Pendermaan Darah yang sentiasa memerlukan bekalan darah dari semasa ke semasa.

"Saya berasa gembira kerana dapat membantu orang lain walaupun hanya melalui pendermaan darah. Setiap beg darah yang didermakan berpotensi menyelamatkan nyawa seseorang dan itu merupakan satu kepuasan yang tidak ternilai," katanya ketika ditemui selepas selesai menderma darah.

Walaupun jumlah yang dikumpulkan adalah 16 pain, Awang Mohd. Sophian selanjutnya berkata, ia tetap memberikan impak besar kepada usaha memastikan bekalan darah sentiasa mencukupi. Tambahnya, pihak penganjur turut merakamkan penghargaan kepada semua



KEMPEN Derma Darah yang telah dianjurkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) dengan kerjasama pihak Pusat Pendermaan Darah, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha berlangsung di Dewan Retak Pusat Belia Temburong (atas dan atas kiri).

Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

penderma, sukarelawan dan petugas kesihatan yang telah menjayakan kempen tersebut.

Mereka berharap lebih ramai individu akan tampil menyertai kempen seumpama ini pada masa akan datang demi membantu golongan yang memerlukan. Program yang berlangsung selama beberapa jam itu bertujuan meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan menderma darah serta menggalakkan budaya sukarela dalam kalangan komuniti.

Adapun setiap sumbangan darah yang diterima amat bermakna kerana mampu

membantu menyelamatkan nyawa pesakit yang memerlukan rawatan kecemasan, pembedahan serta pemindahan darah.

Kempen Derma Darah merupakan antara inisiatif kebajikan yang penting dalam menyokong keperluan sistem kesihatan negara serta memupuk semangat prihatin dan tanggungjawab sosial dalam kalangan masyarakat. Aktiviti seumpama ini juga selaras dengan usaha berterusan untuk memastikan bekalan darah negara berada pada tahap yang mencukupi dan selamat untuk digunakan.

4 pelajar tamat latihan kerja bagi Projek Solar Fotovoltaik



PADA sesi penutupan tersebut, pelatih-pelatih menerima sijil tamat pengajian daripada Jabatan Tenaga di JPM dan Seri Suria Power (B) Sdn. Bhd. (atas dan bawah).

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 10 Jun. - Jabatan Tenaga di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dengan kerjasama Kementerian Pendidikan dan Seri Suria Power (B) Sdn. Bhd., baru-baru ini menandakan kejayaan kohort pertama bagi Program Penempatan Kerja (Internship) bagi Projek Solar Fotovoltaik 30 MW di Kampung Belimbing.

Program ini merupakan sebahagian daripada rangka kerja Kemahiran dan Kapasiti untuk Tenaga Karbon Rendah Alternatif (SCALE) yang diterajui oleh Jabatan Tenaga di JPM dengan sokongan Kementerian Pendidikan, yang menempatkan pelatih bagi mendapatkan pengalaman kerja secara langsung dalam projek-projek



SESI bergambar ramai pada Program Penempatan Kerja (Internship).

solar berskala besar sebagai sebahagian daripada inisiatif untuk menyokong kesediaan tenaga kerja tempatan dalam sektor tenaga rendah karbon.

Selama lebih lima bulan, pelatih-pelatih yang terlibat dalam kohort latihan pertama, yang terdiri daripada dua pelajar dari Politeknik Brunei (PB) dan dua dari Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) telah pun berjaya menyelesaikan latihan berstruktur di Projek Solar Fotovoltaik 30MW.

Pelatih-pelatih tersebut didedahkan kepada kitaran hayat projek solar, kajian *feasibility*, pembinaan, ujian dan pentauliahan dan amalan keselamatan, di samping membangunkan kemahiran menyelesaikan masalah, kerja berpasukan dan komunikasi.

Pada sesi penutupan tersebut, pelatih-pelatih membentangkan hasil pembelajaran dan refleksi mereka sebelum menerima sijil

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Tenaga

tamat pengajian daripada Jabatan Tenaga di JPM dan Seri Suria Power (B) Sdn. Bhd.

Sesi tersebut dihadiri oleh Penolong Pengarah Bahagian Peralihan Tenaga, Jabatan Tenaga di JPM, Abdul Salam bin Haji Abdul Wahab dan Ketua Pegawai Eksekutif, Seri Suria Power (B) Sdn. Bhd., Revi Bhaskaran.

Para pelatih mengongsikan penghargaan mereka di atas peluang yang diberikan dalam mendapatkan pendedahan industri secara langsung dan pengalaman praktikal dengan tenaga boleh diperbaharui di Negara Brunei Darussalam (NBD) yang semakin meningkat. Ini juga termasuk nilai bekerja bersama profesional industri dan mendapatkan pandangan yang lebih mendalam tentang aspek teknikal, operasi dan keselamatan pembangunan projek solar skala utiliti.

Pembinaan Projek Solar PV

30MW di Kampung Belimbing adalah dikendalikan oleh Seri Suria Power (B) Sdn. Bhd., dengan usaha sama di antara Serikandi Oilfield Services Sdn. Bhd., Khazanah Satu Sdn. Bhd. dan Atlantic Blue Sdn. Bhd., anak syarikat Solarvest Holdings Berhad Malaysia.

Terletak di tapak seluas 32.29 hektar, projek ini dijangka siap menjelang akhir 2026 dan menjana lebih daripada 64,000 megawatt setiap satu jam elektrik setiap tahun, menjadikannya projek tenaga solar berskala besar di NBD setakat ini.

Penempatan pelatih-pelatih bagi kohort ini yang telah pun menamatkan latihan mereka, menandakan pencapaian penting untuk SCALE rangka kerja. Kohort kedua Program Latihan Solar ini dijadualkan berlangsung dari Julai hingga Disember 2026 di projek solar yang diterajui industri.



PUPUK SEMANGAT KERJASAMA, MEMPERKASA PERANAN AHLI PK



SEKITAR Jerayawara Mengukuhkan Ukhuwah Pengawasan Kejiranan 2026 yang berlangsung di Dewan Serbaguna Balai Polis Muara (atas dan kanan).

MUARA, Jumaat, 12 Jun. - Balai Polis Muara, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) mengadakan Jerayawara Mengukuhkan Ukhuwah Pengawasan Kejiranan 2026 yang berlangsung di Dewan Serbaguna Balai Polis Muara.

Jerayawara yang diadakan

selama tiga hari itu telah dihadiri oleh seramai 39 orang terdiri dari Ahli-ahli Pengawasan Kejiranan (PK) di bawah tadahan Balai Polis Muara serta penghulu, ketua-ketua kampung dan wakil-wakil organisasi termasuk Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam

(MPABD), Hibiscus Petroleum Berhad dan Hengyi Industries Sendirian Berhad.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi majlis penutupan jerayawara tersebut ialah Pegawai Pemerintah Daerah Polis Brunei-Muara, Penguasa Kanan Polis Haji Mahran bin Haji Ahmad. Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat, diikuti dengan ucapan wakil Ahli PK.

Majlis kemudiannya diteruskan dengan penyampaian sijil penyertaan kepada para peserta yang disempurnakan oleh tetamu kehormat, sebelum diakhiri dengan bacaan Doa Penutup serta sesi bergambar ramai.

Penganjuran jerayawara ini bertujuan untuk mempertingkatkan pengetahuan peserta mengenai penguatkuasaan undang-undang merentasi pelbagai agensi, di samping menyediakan platform bagi peserta untuk berkongsi pandangan dan keseimbangan mereka secara terbuka.

Melalui penganjuran ini, PPDB berhasrat memperkukuhkan hubungan silaturahim, memupuk semangat kerjasama dan memperkasa peranan Ahli-ahli PK



Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

dalam menyokong usaha keselamatan dan kesejahteraan berterusan ke arah mengekalkan masyarakat.

Peningkatan kesedaran, kerjasama bidang keselamatan siber

Siaran Akhbar dan Foto : Cyber Security Brunei



KETUA Pegawai Operasi CSB, Awang Haji Mas Zuraime bin Haji Abdul Hamid ketika menyampaikan ucapan pada Mesyuarat Kumpulan Kerja Keselamatan Siber ASEAN-Jepun Ke-2 Tahun 2026.

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 12 Jun. - Cyber Security Brunei (CSB) telah menjadi tuan rumah bagi Mesyuarat Kumpulan Kerja Keselamatan Siber ASEAN-Jepun Ke-2 Tahun 2026 yang berlangsung di Bandar Seri Begawan.

Negara Brunei Darussalam (NBD) diwakili oleh Pegawai-pegawai Kanan CSB dan turut disertai oleh para delegasi dari Kemboja, Indonesia, Laos, Malaysia, Myanmar, Filipina, Singapura, Thailand, Timor-Leste, Viet Nam, Jepun serta Sekretariat ASEAN.

Kumpulan kerja ini menyediakan platform yang sangat baik bagi NBD dan Negara-negara Anggota ASEAN (AMS) yang lain bersama Jepun untuk membincangkan dan menyelaraskan usaha berkaitan daya tahan keselamatan siber serantau, perkongsian strategi serta pembangunan kapasiti.

"Melalui inisiatif kerjasama yang telah dilaksanakan, kita telah memperkukuh kapasiti serantau, meningkatkan perkongsian maklumat, melaksanakan latihan siber, menyokong perlindungan infrastruktur kritikal serta memupuk kesedaran keselamatan siber dalam kalangan masyarakat kita," ujar Ketua Pegawai Operasi CSB, Awang Haji Mas Zuraime bin Haji Abdul Hamid ketika menyampaikan ucapan pembukaannya.

Mesyuarat selama dua hari itu merangkumi perbincangan yang tertumpu kepada isu-isu berkaitan pembangunan kapasiti, peningkatan kesedaran serta kerjasama dalam bidang keselamatan siber.

NBD telah memegang peranan sebagai negara peneraju bagi aktiviti peningkatan kesedaran bersama sejak tahun 2019. Aktiviti bersama bagi tahun ini ialah pertandingan video kesedaran keselamatan siber dalam kalangan pelajar dari Negara-negara Anggota ASEAN dan Jepun yang dianjurkan oleh CSB.

Sebagai sebahagian daripada usaha untuk memperkukuh ekosistem industri keselamatan siber serantau, syarikat-syarikat keselamatan siber tempatan, ITPSS Sdn. Bhd. dan Innov8-Labs, turut dijemput untuk mempamerkan produk, perkhidmatan dan keupayaan mereka kepada para delegasi ASEAN-Jepun.

Inisiatif ini menyediakan platform yang bernilai bagi membina rangkaian, pertukaran pengetahuan serta menggalakkan potensi kerjasama antara pihak-pihak berkepentingan industri di seluruh rantau ini.

Mesyuarat tersebut diakhiri dengan ucapan penutup oleh Kaunselor di Pejabat Keselamatan Siber Kebangsaan Jepun (NCO), Tanaka Takahiro. Para delegasi juga berpeluang menyertai Majlis Penutupan STACK 2026 bersama para delegasi ASEAN-Japan Cybersecurity Community Alliance yang turut mengadakan mesyuarat mereka secara selari.

Memperkasa pendidikan agama sepanjang hayat kepada masyarakat

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



KETUA Bahagian Pelajaran Lanjutan, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dayang Hajah Surinah binti Haji Kula hadir selaku tetamu khas pada majlis berkenaan (atas), manakala gambar bawah, seramai 21 pelajar Kelas Dewasa Ugama, Sekolah Ugama Lumapas berjaya mengkhataamkan bacaan 30 Juzuk Al-Quran.

LUMAPAS, Jumaat, 12 Jun. - Sejak dilaksanakan secara formal pada tahun 1958, Kelas-kelas Dewasa Ugama yang dikendalikan oleh Jabatan Pengajian Islam (JPI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Bahagian Pelajaran Lanjutan terus berperanan dalam memperkasa pendidikan agama sepanjang hayat bagi masyarakat.

Melalui kelas-kelas berkenaan, para pelajar berpeluang mempelajari bacaan Al-Quran secara bertajwid dan bertartil serta

mendalami ilmu-ilmu asas Islam sebagai panduan dalam kehidupan seharian.

Kelas-kelas berkenaan merupakan antara usaha berterusan JPI dalam memperluas peluang pembelajaran ugama kepada masyarakat serta meningkatkan penghayatan ajaran Islam melalui pembelajaran yang tersusun dan berterusan.

Sehubungan itu, seramai 21 pelajar Kelas Dewasa Ugama, Sekolah Ugama Lumapas yang

berjaya mengkhataamkan bacaan 30 Juzuk Al-Quran diraikan dalam satu majlis yang diadakan di sekolah berkenaan, pagi tadi.

Hadir selaku tetamu khas pada majlis berkenaan ialah Ketua Bahagian Pelajaran Lanjutan, JPI, KHEU, Dayang Hajah Surinah binti Haji Kula.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh tetamu khas majlis dan diteruskan dengan bacaan surah-surah lazim oleh para peserta khatam.

Diikuti dengan bacaan Takhtim yang dipimpin oleh guru-guru Sekolah Ugama Lumapas, dan bacaan Doa Khatam oleh Dayang Hajah Mariah binti Haji Ahmad.

Acara kemudiannya diserikan dengan persembahan dikir serta penyampaian sijil oleh tetamu khas majlis dan diakhiri dengan bacaan Doa Selamat oleh Dayang Hajah Faridah binti Haji Abd. Rahman.

Majlis berkenaan diadakan sebagai tanda kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala atas kejayaan para peserta menamatkan pembacaan Al-Quran, di samping menyemai kecintaan terhadap Al-Quran serta menggalakkan penghayatan dan mengamalkannya dalam kehidupan seharian.

Majlis berkenaan juga merupakan antara usaha JPI dalam memperkukuh penghayatan Islam dan memartabatkan syiar Islam di negara ini.



47 MAUT, LEBIH 346,000 TERJEJAS SELEPAS GEMPA KUAT DI SELATAN REPUBLIK FILIPINA



MANILA, 11 Jun. - Sekurang-kurangnya 47 orang terbunuh, 31 hilang dan 688 cedera selepas gempa bumi berukuran 7.8 magnitud melanda pantai selatan Mindanao, Republik Filipina, pada Isnin, menurut Majlis Pengurangan dan Pengurusan Risiko Bencana Kebangsaan

(NDRRMC) pada Khamis, lapor Xinhua.

Menurut NDRRMC, gempa bumi itu menjejaskan lebih 75,300 isi rumah atau lebih 346,000 orang dan lebih 45,000 penduduk terjejas kehilangan tempat tinggal dengan lebih 12,600 rumah mengalami kerosakan.

Gempa bumi itu turut mencetuskan 45 kejadian berkaitan terutamanya tanah runtuh.

Badan itu menambah gempa bumi menjejaskan operasi 45 bahagian jalan, lapan bahagian jambatan, satu lapangan terbang dan dua pelabuhan laut serta

industri pertanian, penternakan dan perikanan.

Perkhidmatan tenaga terjejas di 48 bandar dan majlis perbandaran.

Institut Vulkanologi dan Seismologi Filipina memaklumkan gempa bumi tektonik itu berlaku pada 7:37 pagi waktu

tempatan pada kedalaman 33 kilometer (km) dengan pusat gempa 32 km barat daya pantai bandar Maasim di wilayah Sarangani di Pulau Mindanao. - ©BERNAMA

Anak panda berusia enam bulan eratkan hubungan persahabatan Republik Rakyat China - Republik Indonesia

JAKARTA, 11 Jun. - Tepukan gemuruh bergema daripada orang ramai apabila Satrio 'Rio', seekor anak panda gergasi jantan berusia enam bulan yang dilahirkan di Indonesia, berjalan perlahan-lahan ke hadapan, memanjat tangga kayu, dan berguling manja di hadapan pengunjung yang teruja.

Suasana yang mencuit hati itu berlaku pada Selasa di Istana Panda yang terletak di Taman Safari Indonesia, Wilayah Jawa Barat, lapor Xinhua.

Rio yang kini mula tumbuh gigi pertama, dilihat semakin aktif meneroka persekitarannya. Gelagatnya yang bersahaja menyebabkan lensa kamera pengunjung tidak henti-henti merakam setiap gerak-geri anak panda yang dilahirkan pada 27 November 2025 itu.

Kelahiran Rio merupakan pencapaian tertinggi dalam perjalanan pemuliharaan jangka

panjang yang bermula sejak 2017, iaitu tahun ketibaan ibu bapanya, Hu Chun dan Cai Tao, di Indonesia.

Dihargai sebagai khazanah negara di China, 'duta berbulu' ini digemari di seluruh dunia sebagai utusan persahabatan dan simbol keamanan. Sejak ketibaan pasangan panda berkenaan, satu kisah kejayaan pemuliharaan rentas sempadan telah berkembang.

Nama 'Satrio Wiratama' yang membawa maksud pahlawan yang berani dan mulia, telah dianugerahkan sendiri oleh Presiden Indonesia Prabowo Subianto. Nama berkenaan melambangkan kepentingan kritikal dalam melindungi spesies terancam selain mewakili harapan baharu bagi usaha pemuliharaan global.

Pengarah Urusan Taman Safari Indonesia, Aswin Sumampau berkata kelahiran Rio bukan sahaja

satu kejayaan bagi pemuliharaan hidupan liar, malah menjadi bukti kukuh kepada hubungan persahabatan yang semakin erat antara kedua-dua negara.

"Saya berpandangan bahawa kelahiran Rio ini merupakan satu mercu tanda yang menunjukkan bahawa persahabatan antara Indonesia dan China mampu melonjak ke tahap yang lebih tinggi pada masa hadapan," kata Sumampau.

Bellau berkata pencapaian itu membuka jalan kepada penyelidikan yang lebih mendalam dan kerjasama pemuliharaan yang lebih luas, yang tidak hanya terhad kepada panda gergasi tetapi juga meliputi spesies terancam yang lain.

Di sebalik kemunculan sulung Rio yang comel di hadapan umum, tersimpan usaha kolaborasi saintifik yang rapi dan jitu selama bertahun-tahun. - ©BERNAMA

2 maut, seorang cedera dalam nahas pesawat kecil di Brazil

SAO PAULO, 11 Jun. - Dua maut dan seorang cedera selepas sebuah pesawat kecil terhempas pada Rabu sejurus selepas berlepas di tenggara Brazil, negeri Sao Paulo, kata anggota bomba, lapor Xinhua.

Pesawat persendirian itu membawa tiga individu ketika jatuh berhampiran sebuah kelab rekreasi berdekatan Lapangan Terbang Frank Miloye Milenkovich di bandar Marilia, menurut pengendali lapangan terbang Rede Voa.

Duamaut di tempat kejadian manakala mangsaketiga diselamatkan dan dibawa untuk rawatan di hospital tempatan, kata pihak bomba.

Agensi Penerbangan Awam Kebangsaan Brazil mengesahkan pesawat itu memiliki status kelayakan udara yang sah dan didaftarkan dalam rekod aeronautik negara.

Punca nahas sedang disiasat oleh pihak berkuasa Tentera Udara Brazil. - ©BERNAMA

Macron jemput pemimpin Arab Saudi, Qatar ke Sidang Kemuncak G7 - Laporan

MOSCOW, 10 Jun. - Presiden Republik Perancis Emmanuel Macron menjemput Putera Mahkota Arab Saudi Mohammed bin Salman dan Emir Qatar Tamim bin Hamad Al Thani, untuk menghadiri Sidang Kemuncak G7 yang akan berlangsung minggu hadapan, menurut laporan Politico.

Laporan Politico menyatakan yang kedua-dua pemimpin Teluk itu dijemput menyertai persidangan bagi membincangkan isu keselamatan serta usaha menyambung semula aktiviti perkapalan di Selat Hormuz.

Emir Qatar telah menerima jemputan namun masih belum jelas sama ada putera mahkota Arab Saudi akan hadir, menurut laporan itu.

Presiden Republik Arab Mesir Abdel Fattah el-Sisi juga dijangka mengambil bahagian dalam perbincangan sebagai wakil negara rakan G7, menurut Politico.

Sidang kemuncak pemimpin G7 dijadualkan berlangsung minggu hadapan di Evian-les-Bains, Republik Perancis. - ©BERNAMA

Kenya : Penunjuk perasaan maut, puluhan ditahan susulan protes terhadap kemudahan Ebola AS

NAIROBI (Kenya), 10 Jun. - Seorang individu maut ditembak manakala lebih 50 penunjuk perasaan ditahan pada Selasa semasa demonstrasi terbaharu di bandar Nanyuki, tengah Kenya, membantah pembinaan kemudahan kuarantin Ebola yang disokong Amerika Syarikat (AS) di Pangkalan Udara Laikipia, menurut polis dan saksi, lapor Anadolu Ajansi (AA).

Kematian terbaharu itu menjadikan jumlah korban akibat protes berkaitan kemudahan Ebola itu meningkat kepada tiga orang selepas dua individu maut dalam demonstrasi terdahulu pada minggu lepas.

Premis perniagaan ditutup di beberapa bahagian bandar itu ketika polis antirusuhan bertempur dengan penunjuk perasaan yang cuba berarak ke arah kemudahan berkenaan. Polis menahan lebih 50 penunjuk perasaan semasa operasi itu ketika pasukan keselamatan berusaha menyuraikan orang ramai yang berkumpul berhampiran jalan menuju ke pangkalan udara itu.

Asap tebal gas pemedih mata menyelubungi beberapa kawasan di Nanyuki, termasuk sebuah masjid berhampiran dan jalan-jalan sekitarnya ketika

penunjuk perasaan bertempuran melarikan diri ke kawasan komersial.

Vocal Africa, sebuah pertubuhan bukan berasaskan keuntungan di Nairobi, mengkritik tindakan polis terhadap demonstrasi itu dan mendakwa anggota keselamatan melepaskan tembakan ke arah penunjuk perasaan sehingga menyebabkan seorang maut.

Kumpulan itu memuat naik imej dari lokasi kejadian di media sosial, termasuk gambar mangsa yang dikaburkan. Mangsa ditembak di bahagian belakang kepala, menurut saksi dan imej yang tular di media sosial.

Bercakap kepada pemberita, Senator Laikipia John Kinyua berkata pemimpin tempatan tidak dimaklumkan mengenai kemudahan itu sebelum pembinaannya dimulakan, sekali gus menimbulkan kebimbangan mengenai ketelusan dan rundingan awam.

Bellau berkata pegawai daerah, termasuk wakil rakyat dan kerajaan daerah, hanya mengetahui mengenai projek itu selepas kerja pembinaan telah pun dimulakan. Penduduk dan pemimpin tempatan berikrar akan terus membantah

kemudahan itu dengan menyatakan ia menimbulkan risiko terhadap keselamatan awam, pelancongan dan mata pencarian penduduk setempat.

Penunjuk perasaan turut menuduh kerajaan mengabaikan kebimbangan komuniti serta perintah mahkamah yang menggantung projek itu. Kemudahan Ebola itu terletak di Pangkalan Udara Laikipia, kira-kira lapan kilometer dari Nanyuki, yang berada sekitar 200 kilometer di utara Nairobi.

Kekacauan terbaharu itu berlaku walaupun Mahkamah Tinggi telah mengeluarkan perintah menggantung kemudahan berkenaan serta mengarahkan kerajaan mendedahkan perjanjian yang menjadi asas projek itu. Kedutaan AS di Kenya sebelum ini cuba meyakinkan penduduk bahawa kemudahan itu tidak mendatangkan bahaya kepada komuniti berhampiran dan merupakan sebahagian daripada usaha lebih meluas untuk membendung penularan Ebola di rantau berkenaan.

Polis dan penganjur protes sebelum ini mengesahkan bahawa dua orang maut dalam demonstrasi terdahulu berkaitan kemudahan itu. - ©BERNAMA

Lelaki maut kereta dibom berdekatan Moscow

MOSCOW, 10 Jun. - Seorang lelaki maut dalam letupan kereta berhampiran ibu negara Persekutuan Rusia, Moscow, lapor Agensi Akhbar Jerman (dpa), memetik penulis blog Ukraine dan Persekutuan Rusia pada Selasa.

Mangsa didakwa seorang kolonel atau jeneral dalam pasukan tentera roket Persekutuan Rusia.

Kereta yang meletup ialah sebuah BMW yang sedang bergerak pada kira-kira 5.30 pagi (0230 GMT), kata Jawatankuasa Penyiasatan Rusia sambil menambah prosiding telah dibuka tanpa menyatakan arah penyiasatan.

Menurut akhbar Kommersant, bom yang diperbuat daripada bahan letupan seberat setengah kilogram itu diletakkan di bawah lantai kenderaan.

Alamat mangsa berusia 57 tahun di Balashikha itu dipercayai berada dalam senarai musuh Ukraine yang boleh diakses secara terbuka sejak 2023.

Pada April 2025, seorang jeneral daripada Staf Am Angkatan Tentera Rusia turut terbunuh dalam letupankereta di bandar di pinggir timur Moscow.

Menjelang petang Selasa, pihak berkuasa turut meneutralkan objek yang mencurigakan di barat daya Moscow dengan melakukan letupan terkawal.

Ukraine telah mempertahankan diri daripada pencerobohan berskala penuh Persekutuan Rusia selama lebih empat tahun.

Perkhidmatan perisikan Ukraine yang melakukan serangan ke atas anggota tentera Persekutuan Rusia dan warga Ukraine yang bekerjasama dengan Persekutuan Rusia, sering memasang bom pada kereta. - ©BERNAMA



PERLAWANAN PERSAHABATAN SATUKAN KOMUNITI, WARGA POLIS BELAIT

■ Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

BELAIT, Jumaat, 12 Jun. – Daerah Polis Belait, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), baru-baru ini menganjurkan Perlawanan Bola Sepak Persahabatan di Padang Bola Ibu Pejabat Daerah Polis Belait.

Perlawanan berkenaan mempertemukan pasukan gabungan Ahli-ahli Pengawasan Kejiranan (PK) dari kawasan

Kuala Belait, Panaga dan Seria menentang pasukan pegawai serta anggota polis veteran Daerah Polis Belait.

Hadir menyaksikan perlawanan berkenaan, Penolong Pegawai Daerah Belait, Pegawai Pemerintah Daerah Polis Belait, Pegawai-pegawai Daerah Polis Belait serta penghulu dan ketua-ketua

kampung di bawah tadahan Daerah Polis Belait.

Pasukan gabungan PK berjaya meraih kemenangan dengan jaringan 8-5 ke atas pasukan pegawai dan anggota Daerah Polis Belait.

Sebagai tanda penghargaan, cenderamata berupa gambar kenangan telah disampaikan kepada Penolong Pegawai Daerah Belait.

Penganjuran aktiviti berkenaan

bertujuan untuk menggalakkan amalan gaya hidup sihat serta meningkatkan kesedaran tentang kepentingan menjaga kesihatan melalui sukan.

Selain itu, perlawanan berkenaan turut menjadi platform

dalam mempererat silaturahim dan memperkukuh kerjasama antara penghulu, ketua-ketua kampung, Ahli-ahli PK, anggota penghubung atau *focal point* komuniti serta warga Daerah Polis Belait.



SESI bergambar ramai pada Perlawanan Bola Sepak Persahabatan di Padang Bola Ibu Pejabat Daerah Polis Belait.

Alonso bayangkan kerjaya F1 akan berakhir selepas musim 2027 atau lebih awal

BARCELONA (Sepanyol), 12 Jun. - Pemandu Formula Satu (F1) dari Sepanyol, Fernando Alonso, dijangka menamatkan kariernya dalam sukan itu menjelang akhir musim 2027 atau mungkin lebih awal, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Perlumbaan di Barcelona tahun ini adalah yang terakhir sehingga 2028 berikutan litar itu akan bergilir dengan Litar Spa-Francorchamps di Belgium mulai tahun hadapan. Juara dunia dua kali berusia 44 tahun itu tidak menjangka beliau akan kembali berlumba di Barcelona dalam tempoh dua tahun akan datang.

"Ia akan menjadi hujung minggu yang istimewa. Ini mungkin perlumbaan terakhir saya di Barcelona dalam Formula Satu, jadi saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua," kata pemandu Aston Martin itu dalam sidang media pada Khamis menjelang perlumbaan Grand Prix hujung minggu ini.

"Setiap kali kami datang ke Barcelona, ia sentiasa menjadi satu perayaan. Saya rasa ini Grand Prix saya yang ke-23 di sini dan semuanya sangat bermakna. Yang terakhir ini juga perlu menjadi sesuatu yang istimewa". Jentera Alonso bergelut sepanjang musim ini dan beliau kini berada di tangga ke-18 dalam carta keseluruhan dengan sekadar memungut satu mata daripada enam perlumbaan Grand Prix hujung minggu.

"Saya akan cuba menikmati hujung minggu ini. Saya tidak akan kompetitif dan saya mungkin tidak berada lama di dalam kereta semasa sesi kelayakan. Dalam perlumbaan sebenar, saya harap begitu, tetapi bukan pada tahap prestasi yang kami semua inginkan. Saya mahu semua orang tetap menikmati hujung minggu ini," katanya.

Kontrak Alonso adalah sehingga penghujung musim ini dan ia juga berkemungkinan menjadi musim terakhirnya dalam F1. Kemenangan terakhir Alonso daripada 32 kemenangan yang diraihnya adalah pada 2013 bersama Ferrari di litar Barcelona. Beliau memenangi kejuaraan dunia pada 2005 dan 2006 bersama Renault, selepas membuat penampilan sulung dalam F1 pada 2001. - ©BERNAMA

Mexico mudah tumpaskan Afrika Selatan dalam perlawanan pembukaan Piala Dunia 2026

ISTANBUL, 12 Jun. - Mexico mencatatkan kemenangan mudah 2-0 ke atas Afrika Selatan pada Khamis dalam perlawanan pembukaan Piala Dunia 2026, lapor Anadolu Ajansi (AA).

Julian Quinones menjaringkan gol pertama kejohanan itu apabila meletakkan Mexico di hadapan seawal minit ke-10. Mexico terus menguasai baki separuh masa pertama dengan melakukan 10 percubaan, termasuk dua tepat ke sasaran, manakala Afrika Selatan bergelut mencipta peluang. Pemain Afrika Selatan, Teboho Mokoena, menerima kad kuning pertama kejohanan itu, diikuti tidak lama kemudian oleh pemain Mexico, Brian Gutierrez.

Tidak lama selepas babak kedua bermula, pemain Afrika Selatan

Yaya Sithole menggagalkan peluang keemasan Gutierrez untuk menjaringkan gol dan dilayangkan kad merah pertama kejohanan itu, sekali gus menyaksikan Bafana Bafana beraksi dengan hanya 10 pemain di atas padang. Kad merah Sithole merupakan yang pertama dalam perlawanan pembukaan Piala Dunia sejak pemain Bolivia Marco Etcheverry dilayangkan kad merah ketika menentang Jerman pada 1994.

Masuk sebagai pemain gantian pada minit ke-66, Gilberto Mora yang berusia 17 tahun dan 239 hari menjadi pemain termuda mewakili Mexico dalam Piala Dunia. Mexico menggandakan kelebihan menerusi tandukan penyerang berpengalaman Raul Jimenez pada minit ke-67.

Afrika Selatan kemudian beraksi dengan sembilan pemain selepas Themba Zwane dilayangkan kad merah kerana berkelakuan ganas pada minit ke-85, kali pertama insiden sedemikian berlaku sejak Portugal dan Belanda masing-masing kehilangan dua pemain ketika menentang satu sama lain dalam pusingan 16 terbaik Piala Dunia 2006.

Pemain Mexico, Cesar Montesturut dilayangkan kad merah kerana menggagalkan peluang Khuliso Mudau untuk menjaringkan gol, menyebabkan Mexico beraksi dengan 10 pemain. Kemenangan itu menyaksikan Mexico mendahului Kumpulan A, manakala Afrika Selatan berada di kedudukan tercorot. - ©BERNAMA

Tahukah Awda

SIGUP Babujung ialah salah satu alat perhiasan pengantin yang dipakai oleh pengantin lelaki semasa Istiadat Bersanding pada hari perkahwinan. Sigup Babujung ini dibuat daripada kirai (daun nipah) di tengah-tengahnya disaluti dengan emas Brunei (tempat pemegangan). Sigup ini diisikan sigup kasar Brunei. Sigup ini bukannya untuk dihisap tetapi sebagai hiasan sahaja bagi menunjukkan kedewasaan pengantin lelaki.

SUMBER : Warisan Brunei.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

SETIAP PERUBAHAN BERMULA DARIPADA PERUBAHAN DALAM PEMIKIRAN, HATI DAN JIWA